



**DEWAN NEGARA
LAPORAN PENYATA RASMI
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 20

Rabu

11 Disember 2019

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2020

(Halaman 34)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato’ Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Rabu, 11 Disember 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan salam sejahtera. Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan, sila Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya diberi peluang soalan pertama, saya hendak baca sepotong ayat al-Quran pendek... *[Membaca ayat al-Quran surah Al-Asr]* Antara maksudnya, demi masa sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan beramal soleh. Berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran. Soalan saya, soalan pertama.

1. Datuk Razali bin Idris minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kecelakaan jalan raya yang membawa maut di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2), sejak ia dibuka sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris di atas soalan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator bertanyakan berkenaan dengan statistik kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, ataupun LPT2 serta punca-puncanya.

Tuan Yang di-Pertua, punca-punca kemalangan maut di jalan raya di Malaysia terdiri daripada 15 keadaan, di antaranya adalah cuai ketika melintas jalan, terbabas sendiri, makan jalan, sedang memotong atau menukar lorong, cuai ketika keluar atau masuk simpang jalan susur, mengekor rapat kenderaan di hadapan, dan lain-lain.

Bagi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) ini yang telah beroperasi sejak Januari 2016 sehingga Oktober 2019, jumlah kemalangan maut adalah sebanyak 246 kes yang melibatkan 275 kematian.

Sebagai tambahan Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan biasa yang tidak melibatkan kematian di LPT2 bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 12,167 kes. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam kajian juga, punca kemalangan maut di lebuhraya disebabkan oleh sikap pemandu yang memandu laju dan melebihi had. Jadi, soalan saya yang pertama, apakah tindakan proaktif kerajaan-kementerian untuk mengatasi ataupun mengurangkan kemalangan maut. Itu yang pertama.

Soalan saya yang kedua, apabila kita lihat kesalinghubungan beberapa kementerian, sebagai contoh di laut lepas kita gabungkan beberapa kementerian untuk menyelesaikan masalah pencerobohan di laut, tetapi di jalan raya, saya lihat perkara kemalangan maut ini sudah begitu lama. Jadi, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menggabungkan Kementerian Dalam Negeri sebagai daripada anggota polis; Kementerian Pengangkutan untuk AES, JPJ; dan Kementerian Kerja Raya, sebab ketiga-tiga kementerian ini terbabit dalam kemalangan maut.

Soalan saya, apakah kerajaan tidak mengambil kesempatan ini untuk memberi tumpuan yang khusus, buat kajian secara menyeluruh seperti mana Ops Naga yang dibuat di laut lepas, akhirnya hari ini kita tengok berjaya, ada tangkapan dan tidak ramai lagi nelayan asing yang masuk ke negara kita. Jadi, yang ini kemalangan maut ini ia memerlukan satu kajian yang khusus. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan tadi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, LPT2 ini merupakan satu jalan sepanjang 183.4 kilometer meliputi empat buah daerah. Kalau saya sebut daerahnya di sini adalah Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu. Satu jalan yang agak panjang.

Untuk itu sebenarnya ada tiga buah kementerian yang terlibat untuk mengawal selia khususnya dari segi *maintenance* dan sebagainya, itu di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pengangkutan terlibat secara khusus daripada segi penguatkuasaan untuk Kementerian

Dalam Negeri untuk Kementerian Pengangkutan ini, pelesenan khusus kepada kenderaan-kenderaan berat, perdagangan, dan juga *of course* daripada segi pelesenan juga.

Bagi Kementerian Dalam Negeri, kita mempunyai unit rondaan ataupun *Express Mobil Patrol Unit* yang mana unit ini beroperasi selama 24 jam membuat rondaan sepanjang jalan ini dan juga membuat *stop and talk*, ia ada panggil nama programnya "*Stop and Talk*", maknanya dalam mereka membuat rondaan ini, pihak PDRM kita akan berhenti jika ada kenderaan-kenderaan yang mungkin dirasakan memerlukan bantuan ataupun perkara-perkara yang mereka rasakan perlu untuk mereka berhenti dan bertanya terhadap kenderaan yang berhenti itu. Jadi itu di antara perkara-perkara yang pihak kementerian lakukan selain daripada operasi-operasi yang kita buat.

■1010

Dalam sebulan ada empat kali operasi kita buat di sepanjang jalan ini termasuklah tembak laju, dan operasi-operasi bersepadulah yang kita lakukan juga bersama dengan kementerian-kementerian yang lain khususnya Kementerian Pengangkutan.

Jadi, bermaknanya di sini Tuan Yang di-Pertua, di antara kementerian ini *of cause* kita ada operasi-operasi bersepadu yang kita jalankan secara bersama. Cuma, ialah bila menyentuh tentang kemalangan ini, ia balik kepada diri kita juga, kepada pengguna. Mengambil contoh kepada diri saya Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan jalan yang tidak jugalah terlalu baik tetapi oleh sebab letih, mengantuk akhirnya berlaku kemalangan dan patah kaki. Itu yang hari ini masih pakai tongkat lagi.

Jadi berbalik juga kepada orang ramai, kita menasihatkan kepada orang ramai menyentuh tentang kemalangan ini, kita berharap agar pengguna-pengguna jalan raya menjaga keselamatan diri mereka. Pastikan jangan memandu dalam keadaan penat kerana kalau kita penat itu yang berlaku kepada Timbalan Menteri sendiri, boleh *accident* juga.

Menyentuh tadi tentang operasi, apa yang disebutkan tadi menggabungkan kesemua ini sebenarnya apa yang berlaku sekarang pun sudah memadai di mana ketiga-tiga kementerian ini sebenarnya berkait rapat, mempunyai program-program yang bersepadu di mana kita boleh jalankan secara bersama dan secara berkala. Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemalangan jalan raya bukan sahaja melibatkan warga tempatan, malah juga melibatkan warga asing. Kita banyak dikunjungi oleh pemandu-pemandu yang agresif daripada negara jiran.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan kita bagi kes kemalangan cuai, langgar lari, pemandu mabuk bagi warga asing?

Baru-baru ini telah berlaku di *Penang*, warga China melanggar- melibatkan kemalangan maut. Kita lihat kes yang banyak pemandu Singapura yang samannya tertunggak, dan kita masih membenarkan dia memandu di negara kita. Mohon penjelasan dari pihak kementerian.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan isu kes-kes langgar lari. Sebenarnya, untuk Kementerian Dalam Negeri ini, kita ada Operasi Warta yang mana melalui Operasi Warta ini kita akan memburu mereka-mereka yang melanggar, dan lari. Oleh sebab itu, dalam Operasi Warta ini kita memerlukan kerjasama orang ramai khususnya yang mengetahui dan melihat bilamana sesuatu kejadian itu berlaku dan kita minta agar mereka tampil dan memberikan maklumat. Khususnya jika melibatkan kemalangan yang mana ada plat nombor kereta yang mungkin boleh mereka salurkan kepada kita untuk kita membantu dan mencari mereka.

Melalui Operasi Warta ini juga, kita akan mengambil tindakan yang tegas jika mana pihak berkuasa menangkap, mereka ini dan kita akan dakwa mereka. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua:Tindakan berkenaan dengan di atas warga asing yang menyebabkan kemalangan maut dan sebagainya, samalah undang-undang?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Ya, sama.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: SOP pihak polis, pihak JPJ adalah SOP yang sama. Saman, bawa ke mahkamah dan ternyata tidak berkesan. Setiap tahun pun tidak berkesan. Jumlah terus meningkat.

Saya mencadangkan kaedah baru umpamanya siapa yang memandu laju direhatkan di R&R selama dua jam, tidak payah saman. Contohnya, dilanggar di Bangi, tahan di Seremban, rehat selama dua jam, lepaskan balik. Saya rasa kaedah ini dapat menghalang orang daripada memandu laju. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan saranan itu tadi. *Insyah-Allah* saya rasa mungkin boleh dipertimbangkan saranan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Oleh sebab kalau kita tengok, contoh di negara Jerman. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mereka ada satu undang-undang di mana apabila pemandu itu memandu selama empat jam, *compulsory for the driver to stop at least minimum 45 minutes*. So, ini mungkin di antara perkara yang mungkin kita boleh lihat dan kita akan bawa cadangan dan saranan Yang Berhormat tadi untuk dibincangkan di peringkat kementerian. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Menteri menyebut Jerman tadi ini, saya melihat kepada angka-angka dunia Tuan Yang di-Pertua. Di mana negara-negara yang *death accident per hundred thousand* yang dibuat kajian di seluruh dunia. Libya sebanyak *73 percent*, Thailand sebanyak *36 percent*, Malawi sebanyak *35 percent*, Liberia sebanyak *33 percent*. Negara yang tidak ada *accident* langsung dalam *hundred thousand* Tuan Yang di-Pertua ialah Monaco sebanyak *0.0 percent*, Mikronesia sebanyak *1.9 percent*, Sweden sebanyak *2.8 percent*, Kiribati sebanyak *2.9 percent*.

Secara keseluruhan diambil daripada semua negara-negara di seluruh dunia- seluruh dunia sebanyak 18.2 peratus, maknanya 1,350,000 orang manusia yang mati dalam 100 ribu itu- Afrika sebanyak 26.6 peratus; *Eastern Mediterranean* sebanyak 18 peratus; *Western Pacific* sebanyak 16 peratus; *South East Asia* sebanyak 20 peratus; Amerika sebanyak 15.6 peratus; *Europe* sebanyak 9.3 peratus.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok daripada kajian ini, *African country* yang paling tinggi, mungkin jalan dan sebagainya, dan Monaco satu tempat yang di mana *Formula One* dimulakan dan kita melihat sebanyak kosong *accident*-nya di sana. Tentu ada sebab yang membawa yang membawa kepada keputusan-keputusan begini.

Bagaimana Libya, pemandu- kalau kita pergi di Libya kita tahu bagaimana pemandu-pemandu di Libya membawa kereta. Syiria, salah satu yang tinggi, Thailand juga salah satu yang tinggi Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya, apakah kementerian mengadakan rujukan-rujukan kepada negara-negara yang mempunyai *road traffic* seperti mana *Germany* tadi Yang Berhormat Menteri kata, dan saya mencadangkan agar kita, beberapa orang Senator kita ke Monaco bersama Menteri untuk melihat kenapa Monaco ini 0.0 Yang Berhormat Menteri.

Jadi, soalan saya, apakah rujukan akan dibuat kepada negara-negara ini yang *accident*-nya boleh dikatakan *accident free*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan lupa bawa Tuan Yang di-Pertua sekalilah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan Yang Berhormat Senator tadi. Saya rasa, saya setuju apa yang disarankan, lawatan ke Monaco itu. Tuan Yang di-Pertua saya pun tidak pernah pergi Monaco lagi. Mungkin pegawai-pegawai boleh buat jadual [*Ketawa*]

So, apa pun saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Kita kena melihat dan belajar, mungkin daripada negara-negara ini khususnya apabila melibatkan kemalangan ini. Akan tetapi, ia akan berbalik juga kepada isu sikap kita rakyat

Malaysia ini. Oleh sebab itulah, saya difahamkan bahawa silibus tentang *road awareness* ini juga telah dimasukkan dalam silibus pembelajaran di peringkat sekolah.

Jadi, ini di antara usaha kerajaan dalam memastikan agar sikap dapat kita ubah. Kita tahu, bilamana ia dimasukkan di dalam silibus ini, bermakna kita bermula daripada kanak-kanak bermakna ia akan memakan masa untuk kita memastikan agar apa yang dicadangkan dan diterapkan ini akan berhasil dalam satu tempoh masa. *Insyallah*, apabila kanak-kanak ini membesar nanti, dan di Malaysia ini sebagaimana kita tahu, saya ingat dahulu satu ketika pelancong pernah menyebut, rakyat Malaysia ini terlalu sopan tetapi bila mana mereka berada di jalan raya *its difference character*. So, inilah di antara masalah yang kita hadapi di negara kita dan realitinya.

Oleh sebab itulah pihak kerajaan memikirkan bahawa sudah sampai masanya agar kanak-kanak di peringkat bawah ini diterapkan dengan *road awareness*, sikap dan sebagainya, khususnya bila melibatkan keselamatan jalan raya dengan harapan, apabila sampai satu masa nanti *insyallah*, sikap ini akan berubah. Terima kasih.

2. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha-usaha pihak kerajaan untuk menentukan masa hadapan Sistem Kewangan Islam agar mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi negara sekali gus berupaya untuk memperkasakan Sistem Ekonomi Kewangan Islam ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sebelum saya menjawab, saya ingin mengalu-alukan kedatangan delegasi Persatuan Insan Wawasan Selangor ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini... *[Tepuk]*

Sebelum saya menjawab soalan kedua Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi sebut hendak pergi ke Monaco, hendak ajak Kementerian Dalam Negeri, dia tidak tahu yang kata hendak lulus itu Kementerian Kewangan. Jadi, kalau tidak ajak Kementerian Kewangan sendiri, tidak tahulah hendak jadi atau tidak lawatan itu... *[Dewan ketawa]*

Bagi jawapan kepada soalan nombor dua Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Sistem Kewangan Islam merupakan komponen penting yang sentiasa menjadi salah satu fokus utama dalam agenda pembangunan sistem kewangan di Malaysia. Kerajaan dan agensi berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta semua institusi kewangan Islam di Malaysia telah sama-sama berusaha untuk membina

sebuah ekosistem yang kukuh dan berdaya saing bagi memacu kemajuan sektor kewangan Islam di negara ini.

■1020

Di samping itu, *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIFC) telah memainkan peranan yang penting pada peringkat awal pengantarabangsaan kewangan Islam melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif, terutamanya dengan sokongan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai penaung Diraja untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Kerajaan sentiasa menambah baik sistem penyampaian kewangan Islam agar ia mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi negara. Antara usaha yang telah kita jalankan, Tuan Yang di-Pertua ialah:

- (i) mengukuhkan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan pematuhan syariah. Antaranya melalui penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bagi memastikan kestabilan sistem kewangan Islam dan aspek syariah dipatuhi sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam. Bank Negara Malaysia juga telah menerbitkan 14 piawaian syariah untuk memberikan garis panduan yang jelas dan komprehensif mengenai kontrak-kontrak syariah dan aplikasi operasinya. Piawaian syariah ini turut dijadikan rujukan bagi membangunkan piawaian syariah di negara-negara lain seperti Qatar dan Afghanistan;
- (ii) memperkenalkan konsep perantaraan berasaskan nilai, dengan izin, *value-based intermediation* (VBI) sejak tahun 2017 bagi menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan ataupun *sustainable development goals* (SDGs) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (iii) penubuhan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI) oleh Kementerian Kewangan pada Ogos 2019 untuk mempromosi dan menggalakkan pembangunan kewangan Islam serta berperanan untuk menyelaras peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan bagi meningkatkan industri kewangan Islam di Malaysia;
- (iv) meneroka instrumen kewangan sosial bagi mengurangkan jurang pembiayaan dan perlindungan takaful bagi golongan berpendapatan rendah ataupun B40. Antaranya ialah platform myWakaf yang melibatkan perjanjian usaha sama antara enam buah bank Islam dan sembilan majlis agama Islam negeri. Setakat ini, myWakaf telah berjaya mengumpul

RM2.8 juta wakaf tunai bagi membiayai projek-projek yang memberi impak kepada rakyat. Terdapat syarikat takaful yang menawarkan perlindungan asas takaful keluarga untuk tempoh 12 bulan secara percuma bagi mengurangkan beban keluarga miskin tegar apabila ketua isi rumah ditimpa musibah;

- (v) memperhebat sokongan kewangan Islam ke arah pertumbuhan perniagaan halal melalui skim pembiayaan patuh syariah perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Subsidi kadar keuntungan sebanyak dua peratus telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2019 dengan dana berjumlah RM1 bilion, jumlah pembiayaan yang diberikan oleh bank-bank Islam kepada syarikat pengeksport halal;
- (vi) mempelbagaikan peluang pelaburan menerusi pengenalan akaun pelaburan ataupun *investment account* dan platform akaun pelaburan ataupun *investment account platform* (IAP). Sejak ditubuhkan pada tahun 2016, IAP yang dikendalikan oleh beberapa buah institusi perbankan Islam telah berjaya menyalurkan dana pelaburan sebanyak RM204 juta untuk membiayai 13 projek, termasuk sejumlah RM80 juta yang disalurkan untuk pembiayaan PKS setakat September 2019, *this is peer-to-peer* ataupun *crowdfunding*; dan,
- (vii) membangunkan kapasiti modal insan untuk menyokong ekonomi negara dan kewangan Islam dengan menyediakan latihan, pendidikan serta penyelidikan melalui institusi-institusi penyelidikan kewangan Islam seperti *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF) dan *International Shariah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA). Hasil usaha yang berterusan dan tersusun ini telah berjaya mengekalkan kedudukan Malaysia di tempat teratas daripada 56 buah negara dalam pelbagai dimensi indikator kemajuan kewangan Islam di peringkat global sebagaimana yang dilaporkan pada setiap tahun dalam Laporan Pembangunan Kewangan Islam yang diterbitkan oleh Thomson Reuters sejak tahun 2013.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat itu jawapan yang terperinci, Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Memang padat. Tuan Yang di-Pertua, memang padat.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi ada juga soalan tambahan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Cuma saya hendak tanya sedikit sahaja lagi, hendak tambah sedikitlah. Memang saya pun susah hati. Menteri bila jawab padat macam ini, susah hati saya. Susah hendak soal [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Fasal soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri pun fasal ekosistem.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya hendak tanya daripada segi pada hari ini, kita mempunyai satu persepsi *Islamophobia* yang cukup kuat, bukan sahaja dalam negara tetapi luar negara. Okey, di dalam negara saya hendak tanya, dalam kalangan penduduk-penduduk rakyat Malaysia bukan Islam, boleh atau tidak Menteri beritahu, berapa peratus agaknya orang bukan Islam melibatkan diri, mengambil bahagian dalam perbankan Islam ini? Itu dalam negara. Ya, disebabkan saya kata *Islamophobia*. Kalau sekiranya kurang, apakah langkah-langkah efektif yang telah dibuat oleh pihak kementerian? Itu yang pertama.

Kedua, di peringkat antarabangsa pula. Pada hari ini, kita mempunyai satu masalah yang cukup besar di peringkat global, liberalisasi, termasuk persepsi *Islamophobia* tadi. Juga soalan yang sama, apakah langkah-langkah efektif yang telah dibuat oleh pihak kementerian supaya kewangan Islam kita ini diterima setinggi mungkin di peringkat antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Profesor ini bila bertanya, macam itulah. Dalam *dok* kata "Padat, padat, padat", dia tanya juga [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri tadi, memang di Malaysia sendiri sebenarnya yang menyertai perbankan Islam ataupun *Islamic finance* ini juga terdapat ramai di kalangan yang bukan Islam yang turut sama daripada segi pembiayaan dan penyertaan mereka dalam *Islamic finance* ini. Ini dapat kita lihat daripada bilangan- saya tidak dapat hendak beri jumlah spesifik Yang Berhormat Senator Tan Sri, bilangan *clients* di bank-bank Islam dan bank *Islamic finance* dan juga takaful kita ini tetapi memang ada.

Sebenarnya yang saya sebutkan tadi, *value-based intermediation* (VBI) itu adalah satu yang kita perkenalkan, untuk memperjelaskan dan memperlihatkan bahawa *we are not any different*, dengan izin, dengan apa yang dipanggil *ethical banking* yang sekarang ini

sedang diperkatakan di seluruh dunia. Bahkan Tan Sri Dr. Zeti, mantan Gabenor Bank Negara Malaysia telah membuat satu penulisan dan telah memperjelaskan tentang persamaan di antara *Islamic banking* dan juga *ethical banking* yang sedang diperkatakan di seluruh dunia sekarang ini.

Dengan *value-based intermediation* ini yang menekankan tentang 3P iaitu *people*, *planet* dan juga *profit*, ia tidak hanya melihat *bottom line* ataupun RM itu semata-mata, Tuan Yang di-Pertua. Ia juga akan melihat- okey, kalau hendak dibuat pembiayaan, projek apa yang kita hendak pembiayaan ini? Adakah projek ini akan melestarikan alam ini ataupun ia akan merosakkan? Jadi, ini semua diambil kira.

Oleh sebab itu, kita juga menekankan tentang *Islamic social finance* ini, memperkasakan institusi wakaf dan zakat sebagai salah satu daripada institusi yang akan dapat kita kembangkan dan dapat memberikan manfaat pada lebih ramai supaya ia lebih bersifat inklusif. Maknanya, tidak ada rakyat ataupun mereka yang berada di atas muka bumi ini sama ada Malaysia ataupun dunia ini tertinggal dengan apa yang dapat kita berikan, *offerings* ini.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri, memang kita membuat *effort* yang besar. Kalau kita lihat sebenarnya dalam perbankan Islam, takaful dan sukuk ini yang kita mendahului dengan mana-mana negara yang lain. Bahkan, kadar pertumbuhannya adalah *double digits almost every year*. Contoh kalau dapat saya berikan di sini, bagi September 2018 ke September 2019, bagi perbankan Islam, pembiayaan *growth* nya adalah 15.1 peratus, membanggakan. Deposit dan akaun pelaburan, 18.1 peratus, *it is double digits*. Takaful, sumbangan kasar takaful keluarga, peningkatan 25 peratus. Sumbangan kasar takaful am, 23 peratus dan sukuk untuk terbitan dalam tempoh tiga *quarters* 2019, peningkatannya adalah 13.3 peratus dan sukuk tertunggak kita 11.4 peratus.

■1030

Jadi, ini menunjukkan- dan nilai dalam pasaran kita juga memperlihatkan bahawa *acceptance* untuk *Islamic finance* dan takaful ini dan *banking* ini adalah suatu yang meningkat berbanding dengan konvensional. Kita akan teruskan usaha ini Tuan Yang di-Pertua dan di peringkat *international* juga, London contohnya sekarang sedang berusaha untuk menjadi salah satu daripada hab kewangan Islam di sebuah negara yang kita kata bukan majoriti rakyatnya beragama Islam.

Akan tetapi mereka melihat akan potensi yang ada ini dan juga ingin mengambil peluang mereka sebagai *the conventional financial hub* untuk mengambil peranan yang sama untuk sebagai *Islamic* punya *financial hub*. Kita akan terus bekerjasama untuk

memastikan bahawa perkara yang baik ini dapat kita kongsi dengan juga negara-negara lain supaya ia dapat disebar dengan lebih baik lagi. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan sasaran yang telah kita tetapkan pada awal pengenalan *financial, Islamic finance* ini di Malaysia. Kita tetapkan sasaran kita adalah 50-50 *Islamic* berbanding dengan konvensional.

Akan tetapi kemudiannya sasaran kita itu kita tidak dapat capai dan saya lihat pada tahun 2019 dan tahun 2020 kita *mentargetkan* sasaran kita adalah 40 peratus. Jadi, saya ingin tahu apakah punca kita tidak dapat hendak capai 50-50 itu dan kita terpaksa turun kepada 40 peratus sedangkan kita tengok dari segi realiti, perkembangannya agak cerdas dari segi pasaran, perbankan dan yang agak *slow* sikit adalah wakaf. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, memang sasaran 50 peratus untuk keseluruhan itu memang kita tidak dapat capai lagi. Akan tetapi dalam sukuk contohnya, kita sudah pun berada di tahap itu. Maknanya sukuk yang diterbitkan hampir 51 peratus berbanding dengan konvensional 49 peratus. *So, we are already there, alhamdulillah.* Akan tetapi dari segi macam perbankan Islam, kita dalam 35 peratus Tuan Yang di-Pertua, berbanding 65 peratus konvensional.

Jadi, saya ingat kita akan terus *educate* supaya terutamanya umat Islam untuk *embrace* perbankan Islam dan takaful ini, juga termasuk rakan-rakan kita yang lain yang bukan beragama Islam yang maknanya *adhere* kepada *ethical banking* kepada yang kita sebut tadi *valuebased intermediation* yang membawa sebenarnya tidak semua hanya kita lihat kepada keuntungan RM semata-mata. Akan tetapi ada benda lain yang hendak kita capai. Contohnya tentang pencapaian *maqasid syariah* itu sendiri supaya alam ini dapat kita lestarikan dan kita tidak membuat projek yang memusnahkan alam dan kita tidak akan memberikan pembiayaan kepada projek-projek yang seumpama ini dan sebagainya.

Jadi, kita juga mengambil pendekatan ataupun yang dinamakan sebagai *Islamic first policy* oleh bank-bank Islam iaitu bagi maknanya dan juga bank-bank yang ada buka *Islamic window*nya. Maknanya bila pelanggan datang, mereka ditawarkan terus dengan produk Islam kecuali mereka mengatakan mereka tidak mahu. Jadi, itu sebagai untuk menggalakkan perkara ini berlaku.

Kemudian, kempen-kempen seperti yang saya sebutkan tadi *Islamic finance rendezvous* iaitu kempen kesedaran di Johor Bahru dan di *Penang* yang kita buat daripada tahun 2019 dengan kehadiran sebanyak 650 SMEs dan juga MNCs yang hadir. Jadi, usaha-

usaha ini akan kita teruskan supaya pencapaian itu dapat kita capai seperti yang kita kehendaki. Terima kasih.

3. Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, strategi kementerian bagi mengatasi masalah penduduk golongan B40 di kawasan bandar yang tinggal di dalam rumah yang usang atau daif. Adakah kerajaan mempunyai rancangan atau cadangan untuk menambah jumlah peruntukan bagi skim Program Baik Pulih Rumah Daif di bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar merupakan salah satu strategi kerajaan dalam menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa untuk dihuni oleh penduduk golongan B40 yang berhadapan dengan isu rumah yang didiami mengalami kerosakan kecil atau disebabkan faktor musibah seperti kebakaran, banjir dan ribut. Selalunya ia merupakan rumah persendirian ya.

Bantuan baik pulih ini pula hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap serta tidak melibatkan struktur asas rumah atau yang melibatkan *structure integrity* yang melibatkan *beam*, tiang penyokong dan *concrete slab*. Kalau terlibat struktur-struktur ini, ia perlu dibuat satu penilaian yang lebih terperinci kerana ini mungkin akan melibatkan keselamatan dan penilaian yang lebih ketat perlu dibuat.

Kadar bagi baik pulih rumah adalah sebanyak RM13 ribu untuk Semenanjung Malaysia dan RM15 ribu bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Sabah. Penambahan jumlah peruntukan ini tertakluk kepada keperluan semasa dan peruntukan bagi program ini untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM28.5 juta berbanding pada tahun lepas, iaitu pada tahun 2019 peruntukan hanya RM15 juta. Ini hampir sekali ganda atau *double*.

Program ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan dalam *sustainable development goals* (SDG) tahun 2030, Teras 1 – Membasmi Kemiskinan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya membuat soalan ini- walaupun saya dari luar bandar, tetapi saya begitu risau, kemasukan B40 ini daripada luar bandar. Kebanyakan daripada luar bandar datang ke bandar dan kita jaga kebajikan tempat tinggal mereka itu.

Jadi, soalan saya apakah program atau strategi baharu untuk B40 ini selain daripada skim Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar daripada pihak kementerian, terutama dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah kawasan perumahan setinggan, khususnya di kawasan bandar mahupun di pinggir bandar. Sekian dan terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sekali lagi, skim yang disebutkan di sini hanya terhad kepada kawasan dalam bandar ya. Apa-apa yang terlibat di kawasan luar daripada kawasan perbandaran, jatuh di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Selalunya, kebanyakan daripada permohonan di bawah skim ini melibatkan rumah-rumah kayu kerana ia merupakan struktur yang kurang kukuh dan jarang sekali melibatkan bangunan-bangunan batu atau konkrit. Apa yang kita cadangkan di sini untuk memberi masalah atau mengelak masalah jangka masa panjang. Kalau ada pemindahan golongan B40 baik dari segi kelompok setinggan dan orang yang mengalami musibah kebakaran dan sebagainya, seberapa mungkin kita lebih suka untuk menempatkan mereka di dalam bangunan-bangunan struktur kekal seperti bangunan batu supaya masalah *maintenance*, penjagaan dan keselamatan lebih terjamin.

Itu lah di antara apa yang kita rancang tetapi ada juga waktunya kalau keadaan tidak mengizinkan, struktur-struktur yang mana ada terpaksa digunakan. Akan tetapi dari segi *long-term planning*, bangunan yang lebih kukuh dan lebih stabil perlu disediakan untuk *contingency plan* untuk menampung mereka-mereka walaupun di bawah golongan B40. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mahu perbetulkan. Soalan saya tidak berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Apa yang saya katakan tadi, saya risau golongan B40 ini yang dari luar bandar, datang ke bandar untuk bekerja sama ada mereka itu cukup tempat tinggal itu? So, tidak ada berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Terima kasih.

Ya, maksud saya tadi, untuk membezakan skim. Ada dua skim perbezaan. Akan tetapi kalau dalam kawasan bandar, kalau perlu tempat tinggal sementara atau *transit home*, memang sekarang ini kerajaan menyediakan *transit home*, di mana mereka yang kurang mampu untuk membeli rumah sendiri, mereka dibenarkan menyewa untuk tempoh tertentu, antara tiga hingga lima tahun. Selepas itu mereka diberikan opsyen untuk membeli dengan menggunakan sebahagian besar atas sebahagian daripada wang yang digunakan untuk sewa sebagai duit muka atau deposit.

■1040

Itu adalah di antara kemudahan yang kita sediakan. *Transit home* adalah bukan hanya untuk mereka yang mengalami kesusahan kewangan tetapi untuk golongan muda yang tidak ada kewangan yang mencukupi atau stabil untuk memulakan kehidupan mereka di kawasan bandar yang lebih mencabar dan lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini ialah, bagaimana cara untuk golongan ini untuk membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan tersebut. Mereka yang ingin membuat permohonan ini perlu berdaftar melalui eKasih terdahulu dan ini memakan masa antara empat bulan hingga lima bulan di mana pihak-pihak atau pegawai yang berkenaan akan membuat penilaian bancian sebagainya untuk memastikan kelayakan mereka untuk menerima bantuan tersebut.

Jadi pendaftaran melalui eKasih adalah salah satu kriteria di mana mereka akan dibenarkan menerima bantuan di bawah skim ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Permohonan boleh dibuat melalui laman web?

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Adrian.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkaitan bagaimana kawasan-kawasan kampung di bandar yang tidak diiktiraf oleh kerajaan. Adakah mereka juga boleh memohon ataupun mendapat bantuan ini? Ini kerana, masalah seperti dinyatakan oleh rakan Yang Berhormat Senator dari Sabah, kebanyakan daripada masyarakat luar bandar ini datang ke bandar untuk mencari kerja dan kebanyakan mereka membina rumah di kawasan kampung-kampung yang dikatakan setinggan.

Akan tetapi sebenarnya ia adalah satu kampung yang ada ketua kampung, MPKK dan sebagainya. Cuma kawasan itu tidak diiktiraf setakat ini oleh pihak PBT. Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri. Adakah mereka ini juga layak untuk mendapat bantuan ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Di antara kriteria yang penting untuk kita memberi pertimbangan di bawah skim ini adalah seperti yang sebut tadi, adakah mereka ini di dalam kawasan atau bentuk perumahan yang diiktiraf. Maksudnya adakah ia merupakan bangunan yang dibina secara sah melalui *building plan* dan mendapat kelulusan dan sebagainya. Ini kerana kalau kita memberi bantuan pembaikan di rumah-rumah yang tidak mempunyai kelulusan bangunan ini mungkin tidak mengikut peraturan kerana dari segi keselamatan *building by law* dan juga apa-apa keperluan keselamatan yang saya maksudkan tadi *is compromise*.

Jadi kita perlulah menilai dari segi status bangunan itu. Perlulah bangunan yang sah dibina dengan peraturan yang ditepati dan juga keselamatan bomba diluluskan dan sebagainya.

Itulah di antara perkara yang kita perlu pastikan supaya- kalau tidak kita mungkin akan menyumbang ke arah membina atau membaiki bangunan yang dari asalnya kurang ciri-ciri keselamatan yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan yang mustahak kerana banyak dari orang muda kita yang berhijrah ke bandar untuk peluang pekerjaan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan dari saya ialah pada satu ketika di bawah kerajaan yang lalu ada skim perumahan untuk golongan B40 atau M40 iaitu projek perumahan mampu milik yang lebih dikenali sebagai PR1MA. Jadi apakah sekarang ini projek PR1MA ini masih diteruskan walaupun Syarikat Perumahan 1Malaysia sudah tidak wujud lagi dan juga Syarikat Perumahan Negara Berhad juga telah tidak diwujudkan lagi oleh kerajaan yang ada sekarang ini?

Jadi apakah status projek PR1MA yang lalu? Apakah perancangan untuk meneruskan projek seperti ini di seluruh negara? Kalau ada yang sudah dibina, berapa dibinanya? Bagi tahu di mana lokasi-lokasi projek ini yang sedang dijalankan sekarang? Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan tersebut. Walaupun saya rasa keluar sedikit daripada tajuk asal iaitu pembaikan rumah. Akan tetapi bagaimanapun, saya akan cuba menjawab tentang status PR1MA dan perumahan-perumahan yang berkaitannya seperti SPNB.

Seperti yang pernah disebut sebelum daripada ini PR1MA, SPNB dan Perumahan Penjawat Awam dalam proses penilaian semula untuk rasionalisasi. Ini kerana kita rasa perlu ketiga-tiga skim ini dirasionalisasikan supaya ada satu *consolidation* daripada segi *resources*, kepakaran dan juga dan ia punya aset perlu dikemaskinikan untuk memberi satu kedudukan

kewangan yang kukuh kerana kita dapati kebanyakan projek PR1MA, SPNB perlu membuat penilaian semula di atas apa yang telah dilaporkan oleh penilai-penilai profesional yang telah menamatkan atau menyiapkan laporan terperinci mereka.

Jadi saya rasa dalam waktu terdekat mungkin daripada sekarang lebih kurang awal tahun hadapan Januari 2020, pihak kementerian dan juga kerajaan akan membuat pengumuman bagaimana PR1MA, SPNB dan seterusnya akan diletakkan mungkin di bawah satu nama atau jenama perumahan Malaysia contohnya. Saya rasa kita perlulah tunggu sedikit masa lagi untuk satu keputusan secara formal dibuat oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Raj Munni binti Sabu.

4. Puan Raj Munni binti Sabu minta Menteri Pendidikan menyatakan, mekanisme pelaksanaan Program Sarapan Percuma (PSP) untuk semua pelajar sekolah rendah mulai tahun 2020 dan apakah usaha kementerian bagi memastikan guru-guru tidak terbeban serta tidak akan berlaku pembaziran.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Program Sarapan Pagi ataupun kita panggil PSP Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan untuk memberikan makanan tambahan yang memenuhi keperluan nutrisi penting bagi pertumbuhan fizikal dan kognitif murid-murid sekolah rendah.

PSP akan dilaksanakan pada tahun 2020 secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada murid-murid daripada kumpulan B40. Pelaksanaan PSP dicadangkan melalui dua mekanisme. Mekanisme pertama ialah pengoperasian PSP selama 30 minit menggunakan kombinasi menu utama dalam bentuk makanan bermasak dan menu buah-buahan.

Mekanisme kedua ialah pengoperasian PSP selama 10 minit menggunakan kombinasi menu minuman produk tenusu atau minuman berkhasiat dan menu makanan ringkas berkonsepkan *ready to eat* ataupun *grab and go*, dengan izin, seperti roti, biskut, snek, bijirin, kuih ataupun telur rebus.

Waktu makan murid akan dijadualkan secara berperingkat mengikut kesesuaian sekolah dan lokasi tempat makan murid akan dipelbagaikan menggunakan ruang atau bilik

yang ada di sekolah. Ini dapat memberikan masa untuk murid mencuci peralatan makanan masing-masing.

Di samping itu, kaedah makan di dalam kelas bersama-sama guru merupakan satu langkah praktikal daripada segi ruang dan hubungan mesra guru dan murid. Elemen pendidikan kesihatan turut diterapkan dalam PSP. Murid mengamalkan pengambilan sarapan yang berkhasiat dan gaya hidup sihat dari segi fizikal dan mental.

PSP juga menerapkan nilai-nilai murni, berdisiplin dan adab pemakanan baik di samping meningkatkan pengetahuan dan kesedaran aspek kesihatan diri. Langkah ini mengelakkan pembaziran dalam kalangan murid dan mengurangkan kompleksiti tugas guru.

Sebanyak 2,691,231 orang murid sekolah rendah termasuk anak golongan B40 di seluruh negara dijangka akan mendapat manfaat daripada PSP jika dilaksanakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mencadangkan kepada kementerian bahawa ia perlu dilaksanakan secara bertahap untuk memastikan pengoperasian PSP dan mekanisme pembiayaan jangka masa panjang yang mapan. Untuk tujuan itu PSP akan dilaksanakan secara berfasa.

■1050

Fasa 1 akan dilaksanakan di setiap negeri mengikut jumlah murid B40 tertinggi. Kementerian akan memilih sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid daripada B40 yang tinggi selain mengambil kira kesediaan pihak kantin dan juga pihak pembekal. Pelaksanaan sarapan pula akan menggunakan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Kewangan di samping mengumpulkan dana daripada pihak ketiga. Ini dilakukan bersama-sama dengan perancangan dan juga sumbang saran daripada M10. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan audit dalam Rancangan Makanan Tahunan ada disebutkan bahawa pelajar-pelajar telah diberikan menu hanya mi kosong dan saya ucapkan terima kasih sebab soalan saya tadi sebenarnya mahu bertanya sama ada ditetapkan menu ataupun tidak tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan ditetapkan menu.

Cuma menu mi kosong contohnya, bukanlah satu benda yang mungkin- cukuplah untuk pelajar-pelajar ini. Itu satu hal. Di sudut yang berkhasiat itu pun mungkin subjektif tapi bagaimana kita mesti memastikan bahawa pelajar-pelajar ini akan mendapat benar-benar makanan yang berkhasiat berdasarkan bajet yang kita telah berikan. Apakah ada audit kualiti yang mungkin dilaksanakan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Menu itu kita akan bincang dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana KKM merupakan pakar dalam bidang ini. Jadi kita memang akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyediakan menu yang berkhasiat, ikut bajet yang telah ditetapkan.

Jadi terima kasih atas perhatian Yang Berhormat Senator tetapi bagi kita KKM merupakan pakar dalam bidang ini dan kita sentiasa akan bekerjasama dengan KKM. KKM telah juga berjanji untuk memberikan bantuan dari segi kepakaran mereka. Terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang yang diberi. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ada soalan hendak kemukakan. Apakah persediaan kementerian dalam mengelakkan isu keracunan makanan dan apakah tindakan yang diambil jika kes keracunan ini berlaku?

Satu lagi soalan bagaimanakah kementerian memastikan perbelanjaan bagi program ini adalah terkawal dan tidak wujud pembaziran dan apakah tindakan yang akan diambil apabila kegagalan murid hadir mengikut masa serta menu yang disediakan tidak digemari oleh pelajar. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Isu pertama, tentang keracunan makanan. Itu juga satu aspek yang kita akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebenarnya pejabat daerah kesihatan mereka akan hantar pegawai ke kantin sekolah-sekolah untuk buat semakan, audit penyediaan makanan dan sebagainya untuk memastikan bahawa makanan disediakan mengikut prosedur yang betul.

Pihak sekolah, kami juga telah mengguna pakai satu borang yang telah disediakan supaya pihak pengurusan sekolah bolehlah semak dapur kantin itu mengikut jadual ataupun borang yang telah disediakan dengan bantuan daripada KKM. Itu adalah daripada segi pertama.

Kedua, tentang isu pembaziran. Oleh sebab pada peringkat pertama kita fokus kepada sekolah-sekolah yang mempunyai golongan murid B40 yang tertinggi, jadi saya percaya bahawa kalau ada murid-murid yang tidak datang ataupun mereka tidak suka dengan makanan yang kita sediakan, makanan itu boleh diberikan kepada murid-murid yang lain yang berminat dan juga perlu makanan tersebut.

Oleh sebab itu saya cakap bahawa cadangan daripada M10 juga kita perlulah melaksanakan PSP ini secara berperingkat untuk memastikan bahawa tiada pembaziran dan

juga dari segi kewangan dan juga makanan yang telah disediakan. Sekian, jawapan saya terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terdapat juga pelajar-pelajar Islam di sekolah SJK(T) dan SJK(C). Apakah jaminan makanan halal disediakan? Juga di dalam semua jenis sekolah, jaminan bahawa makanan itu tidak ada daging lembu di mana murid-murid adalah Buddha dan Hindu. Sekian, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih atas soalan tersebut. Saya rasa sebenarnya kita memang sudah ada SOP kerana kalau untuk di sekolah berasrama penuh, kita juga ada murid-murid pelbagai kaum dan juga *vegetarian*. Ada budak-budak yang tidak makan daging lembu, ada murid-murid yang merupakan *vegetarian*.

Jadi, kita akan mengguna pakai SOP yang sama di mana kita akan memastikan bahawa seperti di sekolah berasrama penuh di mana apabila pendaftaran murid itu mereka akan *indicate reference* maksudnya mereka vegetarian ataupun mereka makanan halal ataupun mereka tidak makan makanan yang ada daging lembu. Kita boleh ikut SOP yang sedia ada.

Akan tetapi saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas peringatan tersebut. Kita terima baik, kami sambut baik dan akan memastikan bahawa semua aspek ini akan dimasukkan dalam SOP kita, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat. Hari ini semua soalan panjang sangat... [*Dewan ketawa*] Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat saranan mengikut dulu macam PLKN yang merangkumi semua kaum kena ambil perhatian pun lah. Sila.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Ringkas sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan program PSP ini.

Soalan saya modul apa sebenarnya yang diguna pakai oleh pihak kementerian untuk melaksanakan program ini sebab contohnya kalau di Jepun ia berasaskan nutrisi. Maksud saya ialah apakah bentuk KPI yang diguna pakai oleh pihak kementerian untuk mengukur keberkesanan program PSP ini? Adakah pihak kementerian telah menjalankan umpamanya *pilot project* atau *case study* berkaitan dengan pelaksanaan PSP? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah jawab berkenaan dengan khasiat dan sebagainya diletak di bawah KKM tapi berkenaan dengan *pilot project* adakah dijalankan, silakan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Memang ada *pilot project* telah dijalankan di tujuh buah sekolah di mana kita mengguna pakai kedua-dua mekanisme yang saya sebut tadi satu ialah makanan bermasak dan juga kedua adalah *grab to go*. Jadi memang kita telah laksanakan Projek Rintis di tujuh buah sekolah. Ada sekolah bandar, ada sekolah di luar bandar, ada sekolah Orang Asli dan juga ada sekolah yang saiznya antara bilangan muridnya 47 orang sampailah 2,380 orang.

Jadi kita telah buat Projek Rintis sepanjang tiga bulan dan dari Projek Rintis itu kita memang dapat maklum balas yang cukup positif. Oleh sebab itu kita harap bahawa PSP ini boleh dilancarkan pada tahun hadapan secara berperingkat dan memberi manfaat kepada semua murid terutamanya yang datang dari golongan B40.

5. Dato' Sri Ti Lian Ker minta Menteri Kerja Raya menyatakan, langkah-langkah bagi mengukuhkan sektor pembinaan memandangkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sektor pembinaan telah menurun sebanyak 48 peratus dalam tempoh dua tahun ini yang menyebabkan lebih banyak lagi pengangguran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Kementerian Kerja Raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan rekod kementerian, terdapat penurunan dari segi nilai kerja pembinaan yang di-*award* dari tahun 2017 hingga Jun 2019.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengambil langkah-langkah yang memperkukuhkan industri pembinaan negara bagi meminimumkan kesan-kesan negatif ekoran penurunan tersebut dan memastikan industri pembinaan akan kekal, mampan dan berdaya saing. Antara langkah yang diambil adalah memfokuskan kepada pembangunan modal insan binaan dan penggunaan teknologi pembinaan secara berikut.

Pertama, tentang pembangunan modal insan binaan, latihan kemahiran personel binaan dan latihan kemahiran belia dijalankan. Kementerian melalui agensi di bawah CIDB telah melaksanakan program latihan dan penyelenggaraan selaras dengan peruntukan di bawah Akta 520 yang bertujuan untuk memastikan pekerja mahir binaan akan dapat diberikan latihan secara formal dan di kecekapan dengan mereka akan ditambah nilai bagi melahirkan pekerja binaan yang berkemahiran dan bertauliah.

■1100

Pelaksanaan program latihan dan penilaian CIDB juga telah dijadikan sebagai salah satu inisiatif penting di bawah teras produktiviti dalam Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020.

Di bawah fokus pada trend berimpak tinggi pula, kementerian melalui agensi di bawahnya Akademi Binaan Malaysia memfokuskan kepada latihan kemahiran berimpak tinggi bagi memenuhi keperluan industri pembinaan seperti bidang *scaffolding erection, welding, wireman, chageman, gas pipe fitting, blasting and painting, non-destructive test, crane operation, plant operation, plumbing* dan *air conditioning and mechanical ventilation*.

Permintaan yang tinggi bagi bidang-bidang tersebut merupakan jaminan pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Bidang-bidang tersebut mampu menawarkan pendapatan yang lebih tinggi berbanding bidang-bidang lain dan ini dapat menarik minat belia dan personel untuk menceburi pekerjaan dalam industri pembinaan.

Menyentuh tentang penilaian kompetensi kemahiran personel binaan pula CIDB turut melaksanakan program penilaian kompetensi kemahiran di mana 273 ribu personel binaan telah menjalani sesi penilaian kompetensi kemahiran. Dari jumlah tersebut, 190 ribu adalah pekerja binaan mahir daripada negara ini iaitu tempatan manakala 83 ribu adalah pekerja binaan mahir daripada warga-warga asing.

Tentang program perintisan, CIDB juga telah menganjurkan program perintisan industri pembinaan bermula 2016 di bawah program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020. Ia juga diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu bagi meningkatkan pembangunan modal insan bagi negara maju menjelang 2020.

Menyentuh penggunaan teknologi pembinaan di bawah *Industrialize Building System* (IBS), Kementerian Kerja Raya melalui agensi di bawah seliaan JKR dan CIDB sentiasa memberi penekanan ke arah meningkatkan tahap penerimaan dan kesediaan penggunaan IBS di sepanjang rangkaian bekalan IBS dengan pelbagai usaha seperti berikut:

- (i) penekanan kepada polisi yang mampu memberikan impak kepada pemain industri berkenaan;
- (ii) memperkenalkan elemen galakan seperti insentif tertentu; dan
- (iii) peningkatan tahap kemahiran melalui latihan *hands-on* dalam menggunakan kaedah IBS kepada personel binaan.

Tentang *building information modeling*, Kementerian Kerja Raya melalui CIDB juga sentiasa memberi inisiatif bagi menggalakkan penggunaan BIM dalam projek pembinaan menerusi:

- (i) penyediaan fasiliti dan kemudahan dalam mengaplikasikan kaedah BIM dalam pelaksanaan projek pembinaan melalui *myBIM Center* dan *myBIM Satellite*;
- (ii) pembangunan modul latihan dan pelaksanaan program latihan serta akreditasi BIM bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi personel binaan aplikasi BIM;
- (iii) penyediaan skim insentif kepada syarikat berstatus perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam industri pembinaan bagi menggalakkan penggunaan BIM dalam projek pembinaan;
- (iv) pelaksanaan program perintisan atau *apprenticeship program* untuk pelajar lepasan bidang pembinaan bagi menyediakan industri dengan tenaga kerja mahir BIM; dan
- (v) penyediaan lebih 10 ribu komponen BIM yang boleh dimuat naik secara percuma untuk kemudahan penggiat industri dan mengguna pakai kaedah BIM dengan lebih intensif.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya, Yang Berhormat?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Soalan tambahan, semalam saya ada menyebut Yang Berhormat Menteri sibuk dengan politik parti. Saya harap Yang Berhormat Menteri tidak hadir sebab adalah alasan yang baik oleh kerana Dewan Negara ini seharusnya diberi penghormatan yang lebih. Berdasarkan daripada *Kenanga Research*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hari ini adalah Jemaah Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kurang sihat, so saya membenarkan Yang Berhormat Menteri jawab bagi pihak Kementerian Kerja Raya.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Diterima. Berdasarkan analisis daripada *Kenanga Research*, Projek Bandar Malaysia yang disambung semula oleh kerajaan pada 19 April yang lalu dijangka menawarkan kerja-kerja infrastruktur penilaian antara RM2.8 bilion hingga RM4.2 bilion kepada kontraktor tempatan.

Memetik kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI iaitu Dr. Ong Kian Ming pada bulan Februari 2019 yang lalu, bagi tahun 2008 syarikat pembinaan Malaysia memperoleh sebanyak 23 projek bernilai RM1.94 bilion di 13 negara termasuk *Cambodia*,

Emiriah Arab Bersatu, Brunei, *Qatar* dan Sri Langka. Sehubungan dengan itu beliau juga menggesa agar syarikat pembinaan Malaysia perlu menimbang dengan serius dan menyokong usaha untuk memanfaatkan peluang khusus dalam industri pembinaan di Afrika dan secara spesifik adalah di Uganda yang sedang pantas berkembang.

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Dato' Seri Zohari pernah menyebut pada Oktober 2008 bahawa momentum pertumbuhan keseluruhan sektor kerja kejuruteraan sivil dijangka lembap bagi tahun 2019. Disebabkan semakan keutamaan kepada projek infrastruktur...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Bagi merasionalisasikan kedudukan fiskal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, semalam sudah bahas, hari ini soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya, saya cuma bagi mukadimah. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju langkah Kerajaan Pakatan Harapan yang terlalu banyak menangguhkan, membatalkan dan mengkaji semula projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu menjadi salah satu punca momentum pertumbuhan keseluruhan sektor pembinaan menurun pada tahun 2019?

Soalan kedua, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Projek Bandar Malaysia yang dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional dan akhirnya diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini merupakan salah satu projek penting di Lembah Klang yang memacu pertumbuhan projek-projek sampingan di kawasan sekitar?

Soalan ketiga, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri tentang saranan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI yang menyarankan agar kontraktor Malaysia meneroka peluang di Afrika serta adakah pihak kementerian mempunyai data nilai projek pembinaan di luar negara yang dilaksanakan oleh kontraktor Malaysia bagi tahun 2019 ini?

Soalan terakhir... [*Dewan ketawa*] Adakah pihak kementerian melihat kontraktor tempatan tertindas ataupun terkesan dengan penglibatan kontraktor daripada negara luar untuk projek-projek dalam negara terutamanya yang melibatkan projek mega? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila beri jawapan secara bertulis. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Saya terima arahan tersebut... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, ini bukan di bawah bidang kuasa Yang Berhormat, oleh sebab itu saya beri peluang bagi jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Silakan.

6. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair minta Menteri Industri Utama menyatakan, Kementerian Perdagangan India melalui Notis bertarikh 26 Ogos 2019 mencadangkan kenaikan duti import sebanyak lima peratus terhadap minyak kelapa sawit Malaysia iaitu dari 45 peratus kepada 50 peratus yang mana sebelum ini dinikmati Malaysia atas dasar hubungan baik kedua-dua negara. Apakah implikasi kepada industri minyak sawit Malaysia jika India menaikkan duti import tersebut.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Assalamualaikum warahmatulalahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang diberikan. Sebelum daripada itu Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk mengalu-alukan delegasi daripada *Asia Pacific Top Excellence Brand Committee* ke Dewan Negara yang mulia ini...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, India dijangka mengurangkan pembelian minyak sawit Malaysia berikutan langkah kerajaan India yang telah mengenakan duti perlindungan ataupun *safeguard duty*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebanyak lima peratus bagi minyak sawit proses berkuat kuasa pada 4 September 2019 bagi tempoh enam bulan iaitu sehingga Mac 2020.

Duti ini adalah bertujuan untuk melindungi dan menggalakkan industri penapisan minyak tempatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap minyak import sayuran. Dengan berkuat kuasanya duti perlindungan ini, duti import ke atas minyak sawit proses meningkat kepada 50 peratus iaitu pada paras yang sama dengan minyak sawit proses dari Indonesia di bawah perjanjian *ASEAN-India Trade Area (AIFTA)*.

Berdasarkan statistik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) eksport minyak sawit Malaysia ke India telah pun menurun 60 peratus kepada 219,956 tan pada Oktober 2019 berbanding 550,452 tan pada Ogos 2019.

■1110

Walau bagaimanapun, India dijangka akan meningkatkan lagi pembelian minyak sawit berikutan keperluan dalam negara yang meningkat kesan daripada bekalan minyak sayuran tempatan yang terhad disebabkan oleh pengeluaran bijian minyak yang merosot akibat faktor cuaca yang tidak menentu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menurut *Palm Oil Analytics* (POA), harga minyak sawit akan berada di bawah tekanan pada penghujung tahun ini. Eksport jangkaan akan rendah, manakala pengeluaran dijangka akan meningkat. Apakah benar syarikat penapis minyak sawit India mula menghentikan pembelian minyak sawit dari Malaysia untuk penghantaran bagi November dan Disember? Apakah perkara ini disifatkan sebagai sementara dan dijangka akan berubah pada separuh pertama tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tidak tepat kerana kalau kita lihat baru-baru ini di dalam *Reuters* misalnya, laporan media *Reuters*, menyatakan bahawa untuk bulan Disember ini ada kurang lebih 70 ribu tan lagi yang dari segi B2B, *business to business* yang mereka tandatangan untuk pembelian minyak sawit.

Untuk makluman Dewan, saya ingin menyatakan bahawa kalau mengikut rekod kita sehingga Oktober 2019, jumlah penjualan minyak sawit Malaysia ke India telah pun sampai ke 4.27 juta tan. Ini satu peningkatan yang cukup *significant*. Kita yakin bahawa ini ada sebabnya, sebab kita dapat kelebihan dari segi MICECA kita wujud satu perjanjian dipanggil *Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement* (MICECA). Jadi dengan adanya perjanjian ini membantu industri sawit kita. Soal baru-baru ini bila disebut kononnya ada sekatan atau pun halangan daripada Kerajaan India, sebenarnya tidak rasmi. Perkara itu tidak rasmi diumumkan.

Jadi, ianya tidak memberikan sebarang halangan untuk perniagaan atau pun *business-to-business* itu berjalan, dengan izin, antara Malaysia dan India. So, saya menjangkakan ianya akan berada pada keadaan yang selesa dan seperti Yang Berhormat pun sedia maklum, harga sawit kita sekarang *alhamdulillah* begitu baik setakat semalam CPO kita telah pun mencecah RM2,837. Untuk buah tandan segar, *hovering* daripada RM578 sampai RM590. Ini satu berita yang baik khususnya kepada pekebun-pekebun kecil sawit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama sekali terima kasih Timbalan Menteri kerana memberi jawapan. Cuma saya perlukan penjelasan lanjut daripada Timbalan Menteri, ada yang mengandaikan bahawa keputusan Kerajaan India itu adalah disebabkan keputusan Malaysia ataupun kritikan Malaysia terhadap keputusan-keputusan dasar India terutama sekali melibatkan Kashmir dan kemungkinan juga isu-isu yang lain.

Jadi, mengambil kira potensi India ini seperti yang Tuan Yang di-Pertua maklum bahawa India ini berpotensi besar dari segi ekonomi dan faktor-faktor yang lain juga mengambil kira hubungan sejarah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap India sebagai negara India atau tunjuk saya cakap India?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Oh bukan. Sebab Tuan Yang di-Pertua saya tahu lebih arif mengenai hal ehwal India daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Okey. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Jadi, soalnya ialah sejauh mana Kementerian Timbalan Menteri ataupun MPI bekerjasama dengan terutama sekali Kementerian Luar kerana ada perkara yang diputuskan di kementerian lain memberi impak contohnya hal ehwal hak asasi manusia berkaitan dengan Eropah, ada diskriminasi. Kadang-kadang keputusan itu bukan keputusan di bawah ruang lingkup kementerian tetapi saya mohon penjelasan adakah satu integrasi ataupun satu jawatankuasa sebagainya dibuat supaya perkara itu tidak berulang dan malah ia lebih bersifat proaktif daripada reaktif. Mohon penjelasan Timbalan Menteri.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang begitu strategik. Untuk makluman Yang Berhormat, prinsip kita ialah dari segi Kementerian Industri Utama dan Kementerian Luar ini kita tidak bekerja *in silo*. Sudah pasti lah apa yang dinyatakan oleh kerajaan itu menunjukkan bagaimana kita bebas memberikan pandangan selagi mana ianya dalam kerangka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu apatah lagi dalam konteks ini secara khusus di bawah *UN Security Council*.

Dalam konteks ini, saya ingin nyatakan bahawa di peringkat Kementerian Industri Utama, kita memang mempunyai kerjasama yang khusus dengan Kementerian Luar ini apatah lagi di sana wujud satu jawatankuasa yang dipanggil sebagai *Technical Cooperation Committee*. Dalam Jawatankuasa Teknikal ini, kebiasaannya kita akan menyelesaikan hal-hal yang berkait dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, malah untuk ke depan ini, misalnya Pejabat Lembaga Minyak Sawit (MPOB) kita sedang proses untuk buka di Chennai dan akan diserapkan terus di bawah juga pemantauan ataupun kawal seliaan Kementerian Luar.

Jadi, *this is*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerjasama yang begitu rapat di antara MPI dengan Kementerian Luar dan saya setuju bahawa ke depan ini ada beberapa hal yang perlu diselaraskan secara bersama supaya kita dapat mengambil kira beberapa pandangan terutama daripada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat agar hal-hal

yang kita bangkitkan ini tidak memberikan sedikit sebanyak kesan yang besar kepada industri yang penting seperti sawit, getah dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau sebut berkenaan dengan kelapa sawit ini memang kita terkesan khususnya pekebun kecil luar bandar. Sebelum itu, sebelum ajukan soalan, saya mengucapkan tahniah sebenarnya kepada Kementerian Industri Utama kerana harga sawit sekarang ini ada peningkatan kalau banding dengan dua bulan dulu. Sekarang dah satu tan RM560 sekitar macam itu.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu sekarang ini India telah mengenakan duti import penambahan daripada 45 ke 50 peratus dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mencari kalau mereka mengurangkan pembelian sawit dari Malaysia ini sebabkan duti import, adakah pihak kementerian untuk mencari pembeli-pembeli baharu, negara-negara baharu untuk menampung kekurangan defisit yang daripada India ini.

Kedua, berkenaan dengan kita tahu *European Union* telah mengambil beberapa langkah seperti memboikot dan membuat kempen supaya jangan membeli minyak sawit daripada Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan setakat ini? Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Pertama...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang kedua itu negara mana? Negara India?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Kesatuan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua: Oh Eropah. Okey.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Kesatuan Eropah. Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah pasaran-pasaran yang lain selain daripada India. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, India ini sebuah negara yang begitu penting dari segi import minyak sawit kita. Keperluan negara India itu adalah kurang lebih lapan ke 9.5 juta tan untuk keperluan minyak sawit. Oleh kerana kita tahu minyak sawit ini sebahagian daripada minyak dan lemak. Jadi untuk minyak sawit sahaja, ianya lapan ke 9.5 juta tan. Sebab itu lah kita tidak akan boleh mengetepikan pasaran yang penting seperti negara India ini.

Misalnya kita sedang teliti sekarang ini apakah MSPO, kita telah wajibkan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) ini dengan menggunakan tiket MSPO ini kita boleh memastikan *next* itu adalah pasaran-pasaran di India yang khusus untuk mereka-mereka yang berada

dalam kelompok yang elit ataupun *middle class*. Ini juga merupakan antara strategi yang kita sedang fikirkan sekarang ini.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tentang negara-negara yang sedang kita aktif promosi sekarang ini, yang saya boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang soalan pertama itu adakah rancangan ataupun pelan tindakan jikalau India mengurangkan secara berperingkat?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ya. Kita menjangkakan Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut data 2018 misalnya, kalau misal katakan berlaku keadaan yang biasa Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang biasa itu dia *hovering* ke 2.5 juta tan. Kalau tengok data 2018. Jadi, dengan kelebihan cukai yang kita dapat, dia melonjak sehingga 4.27 juta tan.

■1120

Oleh kerana mereka merasakan dengan kelebihan cukai itu minyak sawit yang diproses lebih kompetitif untuk diambil terus daripada Malaysia, kerana kelebihan yang kita dapat itu adalah minyak sawit yang diproses. Akan tetapi terdapat tekanan daripada *refiners*, mereka yang ada kilang dan sebagainya di sana yang minta supaya kalau perkara ini diteruskan mereka akan tutup *refinery* ini kerana tidak mempunyai perniagaan yang mencukupi untuk *sustained*. Oleh sebab itulah dalam konteks ini *the worst case scenario*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ialah original *figure* kita *still* dua juta ke 2.5 juta tan.

Akan tetapi saya fikir tidak begitu kerana kita sudah ada hubungan yang baik dari segi *business* dari perniagaan dan kita sekarang ini sedang promosi minyak yang berkualiti ke pasaran kita di India dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa dalam konteks ini ia membantu industri kita. Soalan yang lebih relevan seperti mana Yang Berhormat Senator nyatakan tadi bagaimana hendak tampung kalau betul kita berhadapan dengan *worst case scenario*. Jadi di situlah sekarang ini kita sedang melakukan dengan begitu agresif pasaran-pasaran yang baharu dan pasaran-pasaran sedia ada.

Misalnya di Afrika ada beberapa pasaran yang sedia ada tetapi kita hendak tambahkan lagi keperluan mereka. Di Sentral Asia di negara-negara '*stan*' ini, Kazakhstan, Turkestan, macam dalam cerita P. Ramlee itu kan, *all this Kazakhstan...*

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: *Gohet gostan*. Jadi yang ini juga penting.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada rancanganlah, kita ada rancangan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Kemudian di Asia Tengah, kawasan Asia Tengah. Begitu juga dengan negara ASEAN, Vietnam, *Myanmar* dan Filipina. Jadi ini negara-negara yang tentunya akan menampung sekiranya berlaku keadaan yang seperti saya nyatakan pada Dewan tadi, *the worst case scenario*. Terakhir tentang EU sedikit sahaja Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Kesatuan Eropah.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Kita untuk EU ini kita sedang bekerja ke arah untuk dua keadaan. Baru-baru ini diadakan Persidangan Menteri-menteri Negara Pengeluar Minyak Sawit baru-baru ini di Kuala Lumpur. Kita sepakat untuk bawa kes ini ke WTO. Akan tetapi dalam masa yang sama kita lihat juga dengan penuh minat perkembangan politik di EU sebab sekarang baru lepas pilihan raya, mereka baru tubuh jawatankuasa yang baharu, *commissioner* yang baharu, jadi ada ruang untuk kita terus melakukan perundingan dengan *the so call team* yang baharu ini.

Jadi kita guna *two pronged strategy*, sama ada kita pergi berunding sekali lagi sekitar awal tahun depan dan dalam masa yang sama kita juga menyiapkan kes untuk memfailkan ke WTO dan kita menggunakan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) ini untuk menjadikannya sebagai satu platform yang kuat agar Malaysia dan Indonesia kita boleh bergabung dari segi strategi, dari segi pendekatan dan kita akan failkan kes bersama-sama di WTO. Itu, cukup Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Zahari, dia sudah jawab kah?

Dato' Zahari bin Sarip: Sudah jawab Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat tidak sempat tadi.

*Bulan Disember musim tengkujuh;
Soalan saya nombor tujuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7. **Tuan Ismail bin Yusop** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah usaha-usaha proaktif yang telah dirancang oleh pihak kerajaan dalam persediaan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020 untuk memastikan kebersihan alam sekitar secara menyeluruh khususnya mengawal lambakan sampah sarap yang dijangka pada tahun 2020 penghasilan sampah sarap mencecah 30 ribu tan sehari.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk

makluman Yang Berhormat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, senantiasa memberi perhatian serius terhadap aspek kebersihan alam sekitar dan sentiasa melaksanakan pelbagai usaha melibatkan kempen dan program kesedaran untuk melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab menguruskan sisa pepejal dengan lebih baik.

Usaha ini juga sejajar dengan persediaan menjelang Tahun Melawat Malaysia yang akan memberikan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih dan sejahtera. Sebenarnya kempen ini adalah secara berterusan dan tidak semestinya hanya terhad kepada musim-musim atau tahun-tahun lawatan seperti yang disebutkan tadi. Mungkin menjelang Tahun Melawat Malaysia ini, penguatkuasaan akan dipertingkatkan untuk memastikan disiplin boleh dikenakan dengan lebih teratur.

Pada 3 November 2019 yang lalu, KPKT telah melancarkan Dasar Kebersihan Negara yang merupakan inisiatif kerajaan mewujudkan negara bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri dan juga keluarga, komuniti dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar. Dalam hubungan ini selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020, Kluster Satu - Dasar Kebersihan Negara iaitu kesedaran mengenai kebersihan menekankan agar setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab menjaga kebersihan iaitu tanggungjawab bersama.

Antara usaha-usaha kementerian ini di dalam memastikan kebersihan alam sekitar dan mengawal lambakan sampah adalah pertama, mengadakan kempen pendidikan secara berterusan seperti yang disebutkan tadi ya. Di bawah pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara, KPKT juga telah melancarkan Kempen Berani Tegur atau *Let's Do it Right* dengan harapan rakyat Malaysia dapat menerapkan budaya berani menegur kepada sikap tidak mengamalkan kebersihan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu Kempen Tiga Tong juga turut dilaksanakan dan diharapkan melalui inisiatif kempen ini, masyarakat akan lebih bertanggungjawab untuk mengasingkan sisa dan seterusnya membudayakan amalan kitar semula yang dapat menjana pendapatan sampingan. Selain itu KPKT juga telah memperuntukkan sebanyak RM400 ribu bagi pelaksanaan Kempen Jangan Gunalah dan promosi *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single Use Plastic* bagi menggalakkan masyarakat untuk tidak menggunakan beg plastik sekali guna dan plastik sekali guna yang lain seperti penyedut minuman yang boleh mencemarkan alam sekitar.

KPKT komited dalam memberikan pendidikan serta menjalankan kempen kesedaran masyarakat secara berterusan dan mengamalkan konsep libat urus. Sehingga Oktober 2019, sebanyak 2,613 ceramah dan 970 pameran telah dilaksanakan. Selain itu program-program kitar semula yang melibatkan pelajar-pelajar tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi serta komuniti industri dan agensi kerajaan juga dilaksanakan secara berterusan iaitu ini adalah untuk memupuk satu budaya yang sihat dari muda lagi.

Untuk mengadakan kerjasama dan libat urus dan agensi-agensi berkaitan, selain daripada melaksanakan kempen kesedaran secara berterusan, KPKT melalui SWCorp juga mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Putra Malaysia, TNB Research Sdn. Berhad, *Japan International Cooperation Agency* bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam usaha meningkatkan lagi pengurusan sisa pepejal supaya lebih terurus, teratur, cekap dan efisien.

Selain itu, KPKT juga terlibat dalam program *MY Save Food* yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan MARDI untuk mengadakan kempen kesedaran bagi menghentikan pembaziran dalam kalangan pembeli.

Bagi menggalakkan badan bukan kerajaan agar terus melaksanakan program kesedaran yang melibatkan komuniti dan masyarakat, SWCorp turut memberikan insentif Pembitaran Amalan 3R kepada NGO-NGO terlibat. Dengan adanya kerjasama semua pihak dan masyarakat, ini diharapkan usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat. Di antara peraturan-peraturan baharu pula, kementerian telah menguatkuasakan peraturan baharu berkaitan sisa pepejal komersial, perindustrian, keinstitusian dan sisa pembinaan seperti berikut:

- (i) Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal) 2018.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini berkenaan dengan sampah sarap, cukuplah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana panjang sangat dasar kerajaan, kita tidak ada masa.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Ya, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: ...Saya akan rumuskan ya. Dari segi akhirnya tentang tindakan penguatkuasaan. Untuk makluman Yang

Berhormat, kementerian serius menangani isu pembuangan sisa pepejal di lokasi yang tidak dibenarkan iaitu sampah haram dalam memastikan kebersihan persekitaran terutamanya bersempena Tahun Melawat Malaysia. Pemantauan seperti yang disebut tadi akan diperketat secara lebih bersepadu dan ditingkatkan di antara SWCorp, pihak berkuasa, PBT, masyarakat setempat bagi memastikan lokasi terkumpulnya sampah haram yang tidak berlaku dan tidak berulang pembuatan yang tidak diingini.

Untuk rekod, bermula 2014 sehingga 2019, 2,210 pembasmian lokasi sampah haram telah dilaksanakan dengan 59 kes pendakwaan sampah. Itulah sebagai latar belakang, persiapan dan juga kempen yang dibuat secara berterusan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini sudah panjang lebar sudah, cukuplah. Silakan Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying.

■1130

8. **Puan Lim Hui Ying** minta Menteri Kewangan menyatakan, inisiatif-inisiatif untuk membangunkan ekonomi di koridor utara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini pun umum ya, "Menyatakan inisiatif". Jadi, panjang ini, Tuan Yang di-Pertua. Hendak jadi berapa minit ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya jawab secara ringkas, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak menyeru kerana Ahli-ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri yang baharu ini, kadang-kadang saya dahulu selaku Setiausaha Parlimen, kerja saya adalah menjawab dalam Parlimen. So, bila saya dalam ini, saya mendapat bahawa soalan kalau kita bagi secara panjang, dia tak ada soalan tambahan pun. Hendak bagi pun tidak ada masa kerana kita duduk dekat sini- masalah saya ini, saya dapat 1,300 soalan, yang naik tak sampai 60 dalam satu persidangan. So, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri ini faham. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) terus komited untuk menjadikan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sebagai wilayah yang membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang inklusif di setiap peringkat kumpulan pendapatan, etnik, daerah serta rangkaian bekalan selaras dengan hala tuju Kerajaan Pusat melalui Wawasan Kemakmuran Bersama.

Melalui Rangka Pelaksanaan Strategik NCER 2021-2025, NCER telah menyasarkan pertumbuhan ekonomi sebanyak lima peratus setiap tahun bagi mencapai sasaran RM300 bilion ekonomi pada tahun 2025. Justeru, bagi memastikan hala tuju pembangunan dapat dicapai, NCIA telah menambah baik Rangka Pelaksanaan Strategik NCER 2021-2025. Melalui rangka strategik ini, empat *key outcomes* telah dikenal pasti yang akan diberi tumpuan, Yang Berhormat, iaitu-

Pertama, menjana peluang pekerjaan baharu yakni mencipta peluang-peluang pekerjaan kepada golongan belia, mahasiswa menganggur serta menggalakkan penyertaan golongan wanita sebagai tenaga kerja.

Keduanya, menggalakkan keusahawanan. Penumpuan diberikan lebih banyak peluang keusahawanan di NCER melalui penyediaan *micro-credentials* bagi PKS.

Ketiga, meningkatkan pendapatan isi rumah. Penumpuan diberikan kepada golongan B40 dan M40 untuk merapatkan jurang ekonomi di NCER.

Keempat, meningkatkan peluang pelaburan dalam dan luar negara. Akan diberikan pemerkasaan daya saing NCER untuk menarik kemasukan pelabur serta meningkatkan penglibatan pelabur dalam aktiviti pembangunan NCER.

Selain itu, kita telah kenal pasti tiga teras strategik utama iaitu:

- (i) pertumbuhan ekonomi yang mampan (*sustainable economic growth*);
- (ii) merekayasa pembangunan sosial (*social re-engineering*); dan
- (iii) pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar (*conservation and preservation of environment*).

Teras strategik ini adalah selaras dengan tiga dimensi pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12, 17 *global goals of Social Development Goals*, serta tujuh teras strategik Wawasan Kemakmuran Bersama iaitu:

- (i) ekosistem perniagaan industri;
- (ii) aktiviti pertumbuhan ekonomi utama;
- (iii) transformasi modal insan;
- (iv) pengukuhan pasaran buruh dan peningkatan pampasan pekerja;
- (v) kesejahteraan sosial;
- (vi) keterangkuman wilayah; dan
- (vii) modal sosial.

Tuan Yang di-Pertua, secara lebih spesifik lagi, inisiatif pembangunan berimpak tinggi dan *catalytic* ini dikenal pasti untuk dibangunkan di setiap negeri. Ada panjang senarainya, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Apa pun, kita mengharapkan juga di akhirnya iaitu *concentrated decentralized strategy* juga akan terus kita adaptasi melalui 35 zon pembangunan utama- *key development zones* yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara inklusif dan tidak hanya tertumpu di bandar-bandar besar di keempat-empat buah negeri ini sahaja. Dengan itu, kita dapat memberikan lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduk di luar bandar dan *inclusivity* itu akan dapat kita wujudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan, Yang Berhormat?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. Soalan tambahan pendek sahaja. Apakah perancangan untuk membina institusi-institusi latihan dan penyelidikan- *research and development* dengan sektor perindustrian dan perkhidmatan di negeri-negeri dalam koridor utara ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu adalah salah satu daripada perkara yang juga kita lihat dan ia akan diberikan keutamaan di beberapa negeri yang tertentu bagi menyokong industri sama ada industri pembuatan ataupun *services sector* yang ada. Ini dapat kita lihat dengan beberapa program kolaboratif yang akan dijalankan oleh pihak NCI. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

Bacaan Kali yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[10 Disember 2019]**

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Muhammad.

11.36 pg.

Datin Rahimah binti Haji Muhammad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan bagi saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng kerana membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dengan jayanya dan telah diluluskan di Dewan Rakyat. Semoga dengan penerapan prinsip-prinsip cekap, akauntabiliti dan telus (CAT) akan membawa negara Malaysia ke posisi kemakmuran bersama tanpa ada halangan birokrasi dalam hubungan kerajaan pusat dan negeri walaupun kerajaan negeri di bawah pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Datin Rahimah binti Haji Muhammad: Terima kasih Masalah persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, prestasi nilai ringgit yang paling buruk di negara-negara Asia pada tahun 2019 dan BSKL kerugian hampir RM157 bilion merupakan cabaran yang perlu ditangani secara efektif oleh kerajaan.

Justeru, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah usaha dan perancangan jangka pendek yang akan dilakukan kerajaan dalam menangani sentimen pasaran modal oleh pelabur asing kerana terdapat kebimbangan terhadap dasar-dasar pengurusan fiskal negara dan isu peralihan kuasa PM7 ke PM8? Sejauh manakah tumpuan dan keperluan sebenar Malaysia bagi menangani isu nilai mata wang Ringgit yang merosot berbanding negara-negara jiran ASEAN dan mata wang utama seperti USD, GBP atau *Great Britain Pound* dan *Euro*? Ini supaya kesan langsung penurunan nilai RM ini tidak menjejaskan harga import barangan pengguna yang jelas meningkatkan kos sara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi domestik secara realitinya mengalami ketidaktentuan ekoran pacuan ekonomi setempat yang kurang stabil kerana berlaku pengurangan perbelanjaan isi rumah. Ini kerana kenaikan harga barangan pengguna dan

sentimen kegusaran yang amat tinggi apabila Program Subsidi Petrol 2020 mula dilaksanakan menjelang Januari ini. Justeru, permintaan domestik terhadap sektor ekonomi seperti jualan runcit, barangan pengguna, makanan dan minuman serta sektor perkhidmatan seperti pelancongan telah merosot secara signifikannya.

Soalan saya kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, apakah kajian impak dan kesan Program Subsidi Petrol 2020 atau PSP 2020 telah dibuat?

■1140

Ini kerana impaknya paling teruk terhadap kenaikan kos sara hidup akibat kenaikan harga barangan pengguna. Ekonomi setempat dan kerangka percukaian SST yang terbukti tidak efektif dalam menjana pendapatan Kerajaan Pusat. Oleh itu, sejauh manakah pengurusan defisit fiskal kerajaan ditangani Yang Berhormat Menteri Kewangan agar langkah-langkah berkesan digandingkan dengan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan agar kemakmuran bersama yang diuar-uarkan, benar-benar menyejahterakan rakyat pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima hampir RM59.2 bilion belanja mengurus. Daripada jumlah ini, sebanyak RM735 juta diperuntukkan untuk selenggaraan institusi pendidikan di bawah kawal selia KPM. Kita dapati, banyak sekolah-sekolah harian yang daif dan memerlukan peruntukan segera bagi membiayai kerja-kerja ubahsuai dan naik taraf. Justeru soalan saya, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan atau KPM berhubung dengan prinsip asas agihan bajet kerja selenggaraan bagi semua jenis sekolah yang diberikan pada tahun 2020.

Sebanyak RM735 juta peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf sekolah telah dibahagikan seperti berikut:

- (i) sekolah kebangsaan, RM300 juta;
- (ii) sekolah Cina, RM50 juta;
- (iii) sekolah India, RM50 juta;
- (iv) MRSM, RM50 juta;
- (v) sekolah agama, RM50 juta;
- (vi) mubaligh, RM50 juta;
- (vii) tahfiz, RM 50 juta;
- (viii) sekolah agama rakyat persendirian, RM25 juta;
- (ix) sekolah pondok, RM25 juta; dan
- (x) sekolah persendirian Cina, RM15 juta.

Bagaimanakah prinsip cekap, *accountability* dan telus dapat digunakan dalam proses peruntukan bajet selenggara sekolah ini, agar bajet di sekolah kebangsaan lebih seimbang jika dibandingkan dengan SJKC, SJKT dan institusi pendidikan lain?

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan bahawa pemberian nilai sebenar royalti pengeluaran minyak dan gas untuk negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang di lapangan minyak dan gas Pantai Timur, Semenanjung Malaysia, hanya akan dimuktamadkan apabila Kerajaan Pusat selesai memuktamadkan pengukuran sempadan maritim minyak di ketiga-tiga negeri terbabit.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli atau Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) tentang sejauh manakah kerja-kerja pengukuran sempadan maritim bagi ketiga negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang ini dilakukan? Bilakah sasaran sebenar JUPEM untuk memuktamadkan pewartaan sempadan maritim ini mengikut tetapan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Saya juga ingin mendapat penjelasan dan perincian dari Petronas dan pihak berkuasa mengenai *Malaysia-Thailand Joint Development Area* berhubung dengan jumlah kapasiti pengeluaran minyak dan gas yang di ekstrak keluar di lapangan minyak dan gas di kawasan maritim Utara Semenanjung Malaysia atau *Northern West Peninsular Malaysia*. Se jauh manakah Petronas, MTJDA dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia menyediakan mekanisme rundingan dan penaksiran hasil minyak dan gas yang telah dan sedang di ekstrak keluar agar pembayaran sumbangan tunai kepada negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dimuktamadkan?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM17.821 juta bagi maksud belanja mengurus sektor keselamatan jalan raya di bawah kendalian Kementerian Pengangkutan Malaysia pada tahun 2020. Berdasarkan rekod laporan media, terdapat banyak kes-kes kemalangan maut yang disebabkan pemandu cuai atau melulu. Kes-kes kemalangan maut ini berpunca dari kecuai pemandu mabuk atau di bawah pengaruh dadah. Soalan saya, sejauh manakah kerajaan dapat menangani kes-kes pemandu mabuk atau pengaruh dadah yang terlibat dengan kemalangan maut diambil tindakan tegas di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kanun Keseksaan?

Saya mendapat maklumat, JPJ mengadakan rombakan besar-besaran terhadap pegawai dan anggota penguat kuasa JPJ di seluruh negara bagi menjamin isu integriti tidak di kompromi. Justeru itu, saya mohon penjelasan, berapakah siri pertukaran *atau*

redeployment pegawai dan anggota penguat kuasa ini pada tahun 2020? Berapakah peruntukan yang terlibat agar isu keselamatan jalan raya terus dipelihara?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat banyak rungutan dan maklumat daripada orang ramai tentang ancaman anjing liar atau anjing peliharaan yang tidak dikawal oleh pemilik. Ini mengganggu dan mengancam keselamatan orang awam. Ada ketika, pemilik anjing peliharaan ini dengan sewenang-wenangnya membiarkan anjing peliharaan berkeliaran di luar kawasan rumah dan membuang najis di bahu-bahu jalan. Ada juga kes di mana anjing-anjing ini dibiarkan berkeliaran di taman permainan kanak-kanak yang mana ia akan mewujudkan risiko kanak-kanak diserang anjing.

Soalan saya kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan ataupun Jabatan Perkhidmatan Veterinar, bagaimanakah penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pemilik-pemilik anjing peliharaan agar menggunakan satu tata amalan standard agar anjing-anjing tidak dibiarkan berkeliaran bebas di luar kawasan rumah pemilik dan mengharamkan pemilik membawa anjing-anjing peliharaan ke taman-taman awam atau tempat awam? Bagaimanakah satu bentuk perundangan agar pemilik-pemilik anjing peliharaan tidak menjadikan kawasan berumput di gigi jalan raya, taman-taman perumahan sebagai tempat buangan najis anjing peliharaan?

Bagaimanakah langkah dan perancangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangkap anjing-anjing liar agar tidak mengancam keselamatan orang awam? Isu anjing liar ini, saya dapati ada di dalam surat khabar Berita Harian, kelmarin iaitu di Senawang.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan sektor ekonomi Malaysia memerlukan satu tindakan yang lebih komprehensif dengan menyasarkan transformasi ekonomi berintensif pembuatan bersepadu kepada inovasi dan meningkatkan capaian eksport produk tempatan ke pasaran global. Justeru itu, kerajaan perlu memastikan capaian Internet di daerah terpinggir di seluruh negara diberikan perhatian khusus oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Soalan saya, sejauh manakah MARA dan KPLB menyiapkan kerangka giat usaha untuk memantapkan sektor keusahawanan desa agar perubahan struktur ekonomi Malaysia akan mengubah input dan output catatan KDNK negara? Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan bahawa negeri Kelantan akan mendapat manfaat projek-projek infrastruktur seperti berikut iaitu projek sambungan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3), projek Jalan Persekutuan, laluan baharu yang menghubungkan Pasir Puteh-Machang-Jeli dan Jambatan Palekbang-Kota Bharu.

Oleh itu, Kementerian Kerja Raya diperuntukkan sebanyak RM1.506 bilion melalui pinjaman bagi maksud pembangunan jalan-jalan baharu dan RM315 juta secara langsung pada tahun 2020. Saya ingin mendapatkan kepastian Kementerian Kerja Raya, sejauh manakah rancangan projek-projek LPT3, laluan baharu Pasir Puteh-Machang-Jeli dan Jambatan Palekbang-Kota Bharu telah dilaksanakan?

■1150

Ini kerana peningkatan bilangan kenderaan telah menyebabkan laluan sedia ada sesak teruk dan telah lama rakyat di Kelantan menantikan laluan-laluan alternatif ini terutama musim cuti umum, hari raya dan cuti sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah kerajaan terus memberi peruntukan besar dan insentif kewangan dalam memperkasakan pembelajaran TVET untuk remaja dan belia negara. Dalam Bajet ini, sebanyak RM5.9 bilion diperuntukkan untuk membangunkan program TVET ini agar struktur latihan di kesemua institusi TVET milik Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar lebih bermakna dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

Kerajaan juga mewujudkan insentif elaun sebanyak RM100 bagi Skim Perantisan bagi lepasan Institusi Kemahiran TVET ini untuk memastikan latihan kompetensi mereka benar-benar bersepadu. Soalan saya untuk TVET ini, bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia dapat meneroka satu kerjasama erat dengan majikan-majikan swasta di seluruh negara untuk mewujudkan Skim Perantisan yang dikoordinasi secara bersepadu di peringkat nasional?

Bagaimana pula Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat menjalinkan kerjasama dengan JPA, Badan Berkanun dan syarikat milik kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan agar kerjasama strategik dilakukan bagi penempatan pelajar TVET untuk menjalani latihan *internship* TVET agar kebolehan dan kemahiran yang diajar di institusi TVET di aplikasi dengan tepat dalam bidang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mensasarkan untuk mewujudkan sejumlah 33 ribu peluang pekerjaan untuk wanita dari usia 30 hingga 50 tahun. Justeru, inisiatif kerajaan untuk mewujudkan peluang sebegini memerlukan sokongan padu majikan-majikan swasta dan kerajaan perlu menetapkan agar isu kebajikan dan kesejahteraan wanita diberi perhatian sewajarnya.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bagaimana insentif dan latihan bersepadu diberikan kepada wanita agar kemahiran dan tahap kompetensi wanita di

dalam aspek struktur ekonomi baru benar-benar memanfaatkan mereka. Sejauh manakah kerangka tata amalan sosial terbaik agar isu kesaksamaan gender diberikan perhatian khusus serta tidak berlaku kes-kes eksploitasi ke atas wanita apabila menyertai sektor pekerjaan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu jaringan keselamatan sosial amat perlu ditekankan dalam masyarakat kita. Kesedaran masyarakat tentang isu keselamatan sosial dan risiko hilang pendapatan perlu diperkemas. Tambahan pula kecenderungan perubahan ekonomi pekerjaan bergaji tetap kepada pekerjaan bergaji separa masa menuntut kerangka jaringan keselamatan sosial perlu diperkemas.

Untuk itu, saya ingin mendapat kepastian dari kerajaan sejauh mana sambutan orang ramai terhadap Skim KWSP i-Suri sehingga kini. Sejauh mana Kementerian Sumber Manusia menjajarkan semula skim caruman PERKESO dan perlindungan untuk sejumlah 18 golongan pekerja sendiri yang di umum dalam Bajet 2020 dan sejauh manakah kerajaan merangka strategi menggunakan peruntukan sejumlah RM20 juta secara optimum dan inklusif bagi wanita yang mengalami musibah kecederaan dan hilang upaya untuk meneruskan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengagumi prinsip CAT yang diinstrumentasikan dalam setiap dasar dan pelaksanaan Kerajaan Pakatan Harapan. Prinsip CAT ini merupakan kesinambungan prinsip bersih, cekap dan amanah yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri Keempat dahulu.

Soalan saya bagaimanakah Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan memastikan agar semua perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan disenaraikan dan diputuskan untuk proses tender terbuka tidak dicabuli. Bagaimana komitmen kerajaan untuk memastikan tetapan dan perancangan pelaksanaan yang dibangunkan oleh pusat *governance*, integriti dan anti rasuah Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan tidak ada ruang rasuah atau penerimaan hadiah, belanja minum kopi, mesyuarat *off-field* di padang golf dan spa yang masih lagi berlaku di kalangan penjawat awam tertinggi dan GLC atau Badan Berkanun.

Setakat November 2019, berapakah kes yang di rekod dan disiasat oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), SPRM dan PDRM bagi kes-kes salah guna kuasa, rasuah, kes-kes pengubahan wang haram dan integriti yang dilakukan oleh penjawat awam, swasta, badan berkanun dan orang awam.

Akhir kata saya mohon jasa baik Kerajaan Pakatan Harapan agar memberi fokus dan perhatian wajar terhadap isu-isu terdesak rakyat Malaysia. Saya juga memohon agar semua

Ahli-ahli Parlimen sama ada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk berkelakuan lebih profesional apabila menghadiri sesuatu Majlis Mesyuarat Parlimen.

Kita tidak mahu lagi adanya provokasi tidak berfaedah dan pertikaman lidah yang berlaku di Majlis Mesyuarat Parlimen. Ingatlah rakyat jelata memerhati kita. Kita di Dewan Negara amat bertuah kerana kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mempunyai sikap profesionalisme yang tinggi dan menjadi cerminan yang baik untuk diteladani oleh semua Ahli Parlimen... *[Tepuk]* Lebih-lebih lagi, di Dewan kita ini mempunyai Tan Sri Yang di-Pertua dan Timbalan yang di-Pertua yang mampu mengawal Dewan dengan baik... *[Tepuk]*

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menggesa PDRM dan Peguam Negara mengambil tindakan tegas dan segera dalam isu nyanyian Lagu Kebangsaan dalam bahasa lain selain Bahasa Melayu serta juga perbuatan memapar reka bentuk bendera Malaysia menggunakan spesifikasi tidak tepat sebagaimana diwartakan kerajaan.

Tidak ada kompromi atau alasan terhadap mana-mana individu atau kumpulan apabila berdepan dengan kes-kes sebegini. Ini jelas merupakan persendaan terhadap kedaulatan Malaysia. Justeru, satu tindakan tegas dan segera dituntut bagi menjadikan kes-kes sebegini sebagai iktibar untuk seluruh warga Malaysia yang berdaulat. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah berbahas dengan panjang lebar dan baik bernas. Terima kasih juga menganggap maruah kita Dewan Negara tinggi dan baik. Terima kasih atas sanjungan itu.

*Mari bermain bola raga;
Bola disepak di tepi pantai;
Dalam laut boleh diduga;
Dalam hati tidak ku pandai... [Tepuk]*

Itu sahaja, terima kasih banyak. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Hajah Sabani binti Mat. Dipersilakan.

11.59 pg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana sudi memberi kesempatan kepada saya untuk turut terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

■1200

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dengan jayanya membentangkan belanjawan dalam situasi ekonomi Malaysia yang kurang baik dengan bertemakan Memajukan Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama. Dalam Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan tempoh hari telah menyaksikan beberapa pembaharuan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, tahniah saya ucapkan.

Laporan Tinjauan Ekonomi 2020 menunjukkan perbelanjaan mengurus telah meningkat sebanyak RM2.4 bilion daripada RM259.9 bilion kepada RM263.3 bilion. Alasan peningkatan RM2.4 bilion adalah untuk menampung keperluan tambahan bagi program sedia ada berdasarkan keperluan perbelanjaan kritikal oleh kementerian. Ini termasuklah program subsidi minyak, bantuan makanan untuk sekolah berasrama penuh, perkhidmatan pembersihan sekolah dan bekalan kesihatan. Walau bagaimanapun, tiada pecahan amaun diberikan bagi setiap program ini.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan inisiatif yang lain pula adalah berkaitan pelaksanaan inisiatif gaji minimum RM1,100 yang tidak dipantau dengan berkesan. Menteri Sumber Manusia sendiri telah melaporkan pada akhir Jun 2019 bahawa sebanyak 30 peratus daripada majikan masih berkeras dan tidak mematuhi perintah gaji minimum RM1,100.

Seterusnya, kegagalan pelaksanaan subsidi petrol RON95 dalam Belanjawan 2019. Subsidi petrol RON95 ini juga sepatutnya bermula pada suku kedua 2019 dan untuk tujuan itu, sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan. Namun, sehingga ke akhir suku ketiga tahun ini, masih tiada sebarang berita atau pengumuman berkenaan dengan inisiatif ini.

Akhirnya, pada bulan awal Oktober 2019 yang lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terpaksa tampil menjelaskan bahawa jadual pelaksanaan inisiatif petrol tersebut telah tersasar kerana mekanisme lengkap subsidi terbabit perlu mendapat kelulusan Kabinet. Saya ingin menuntut penjelasan kepada Menteri Kewangan, ke manakah perginya peruntukan RM2 bilion tersebut? Memandangkan inisiatif subsidi ini tidak pun dilaksanakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu ekonomi negara berhadapan risiko pertumbuhan sangat perlahan. Nilai mata wang Ringgit berada pada tahap paling lemah, bukan sahaja berbanding mata wang utama dunia tetapi juga mata wang serantau. Indeks saham terus menurun mencecah paras terendah dalam tempoh empat tahun.

Pada masa yang sama, rizab antarabangsa negara sebenarnya semakin mengecil iaitu daripada USD107.8 bilion pada akhir suku pertama 2018 kepada USD103 bilion pada

suku ketiga 2019. Semasa pembentangan Belanjawan 2020 tempoh hari, Menteri Kewangan menyifatkan rizab antarabangsa negara kita kekal teguh. Adakah maksud Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika berlakunya penguncupan rizab antarabangsa yang masih layak dikatakan sebagai kekal kukuh? Baru-baru ini, Indeks Persaingan Dunia menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia telah berada pada tangga 27, terus merosot apabila kita jatuh lagi anak tangga berbanding tahun sebelumnya.

Sedangkan mengikut Laporan Prestasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sasaran Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk kita berada pada tangga ke-20 pada tahun ini dan tahun hadapan.

Justeru, saya ingin bangkitkan adakah tatkala kita sudah tergelincir tujuh anak tangga dari sasaran yang merupakan kedudukan terburuk dalam sejarah negara, mengapakah Belanjawan 2020 tidak memperincikan inisiatif khusus yang jelas bagi meningkatkan tahap kebolehsaingan negara?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2020 ini, apa yang boleh dirumuskan ialah belanjawan ini adalah belanjawan kapitalis yang meminggirkan golongan masyarakat luar bandar Malaysia. Mereka yang kaya diutamakan, yang miskin tidak begitu dipedulikan. Demi menjaga dan memelihara kapitalis dan para pemodal besar, Belanjawan 2020 menawarkan inisiatif yang sangat menarik. Misalnya iaitu:

- (i) pelaburan baru bagi taman tema antarabangsa, diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun atau elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus ditolak sehingga 70 peratus untuk lima tahun; dan
- (ii) dasar terbaru yang merendahkan nilai ambang kepada warga asing yang sangat memihak kepada pemaju yang berorientasikan keuntungan.

Pakej galakan pelaburan istimewa bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun iaitu langkah strategik untuk menarik syarikat Fortune500 dan *global unicorn* untuk mengukuh ekosistem pembuatan dan perkhidmatan. Apa yang menyedihkan, tidak ada sebarang dasar baru atau inisiatif khas secara besar-besaran untuk menambah baik kehidupan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar dan mereka yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan sara hidup nelayan telah dikurangkan dari RM300 semasa Kerajaan Barisan Nasional kepada RM200 sekarang. Sepatutnya ketika zaman semakin mencabar dan hasil kekurangan, bantuan ini perlu ditambah dan bukan dipotong. Tuan Yang di-Pertua, bila kita memberi subsidi kepada mereka yang memerlukan, sudah tentu mereka mempunyai kuasa beli yang tinggi dan ini secara tidak langsung dapat

merencanakan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, peruntukan industri padi dan beras dipotong daripada RM69.2 juta kepada RM66.1 juta. Malahan, agensi-agensi yang berkaitan dengan padi dan industri beras dan pertanian juga dipotong.

Saya ingin mendapat penjelasan tentang kelewatan penghantaran benih padi yang bersubsidi, terutamanya di kawasan MADA. Ini menyebabkan petani terpaksa membeli benih pada harga yang tidak ada subsidi. Tentulah harganya jauh lebih tinggi. Bagi petani yang kaya, tidak ada masalah tetapi yang miskin tentulah menambahkan lagi beban kos. Keadaan ini menyebabkan petani berisiko terlepas kitaran penanaman padi yang ditetapkan sendiri (Manual Tanaman Padi) oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani.

Di samping itu, agensi-agensi yang berkaitan dengan padi dan industri beras dan pertanian juga dipotong peruntukannya. Antaranya, peruntukan pertanian dipotong sebanyak RM4.1 juta daripada RM194.1 juta kepada RM180 juta. Peruntukan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dipotong RM3 juta daripada RM215 juta kepada RM212 juta. Peruntukan Industri Agro Makanan dan Keusahawanan Tani dipotong RM18 juta daripada RM262 juta kepada RM244 juta. Peruntukan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dipotong sebanyak RM11 juta daripada RM182 juta kepada RM171 juta. Peruntukan Lembaga Pertubuhan Peladang dipotong sebanyak RM26 juta daripada RM190 juta kepada RM164 juta.

Saya cadangkan supaya kerajaan perlulah memberi perhatian yang lebih besar dalam hal ini. Di samping itu, kerajaan perlulah memberi peruntukan untuk membekalkan mesin-mesin besar dan teknologi baru yang disalurkan menerusi institusi peladang.

■1210

Pada masa yang sama saya mohon pelan khusus dari kerajaan untuk berhadapan dengan dominasi kilang-kilang besar. Tuan Yang di-Pertua, untuk masyarakat FELDA, saya sedar ada beberapa perkara telah diumumkan kepada mereka tetapi ada beberapa perkara yang tidak jelas yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Menteri Industri Utama dan juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam hal ini.

Pertama, insentif Skim Tanaman Semula Sawit. Sebelum ini, insentif ini diberikan dalam bentuk geran yang tidak perlu dibayar semula. Kini, ia sudah ditukar kepada pinjaman yang wajib dibayar. Maknanya sekarang ini para pekebun dan peneroka bukan sahaja terhimpit dengan kejatuhan harga komoditi. Tahniah menurut kata tadi, harga barang komoditi khususnya sawit ada kenaikan.

Malah mereka terpaksa berhutang lebih banyak kerana sudah tidak ada geran penanaman semula. Kesannya, mereka akan terus menerus dibelenggu dengan bebanan hutang.

Dalam pembentangan Kertas Putih FELDA sebelum ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi ada menyebut implikasi kewangan sebanyak RM6.2 bilion kepada FELDA dalam bentuk geran, pinjaman dan jaminan kerajaan. Jadi, berapakah pecahan-pecahan kepada setiap perkara ini? Apakah statusnya dan mengapa perkara ini tidak ada dalam Belanjawan 2020?

Ketiga, selepas berbelas-belas kali lawatan ke luar negara, Menteri Industri Utama masih belum membentangkan, apakah hasil perbincangan dengan Kesatuan Eropah dan apakah dasar baru atau langkah-langkah proaktif dan inovatif yang akan diambil untuk berhadapan dengan kejatuhan harga komoditi, terutamanya untuk mencari pasaran baru sawit susulan kemungkinan kalau ada boikot daripada India dan usaha sama untuk menyelaraskan harga dengan Indonesia.

Seterusnya berhubung dengan getah, saya berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana meneruskan inisiatif yang Kerajaan Barisan Nasional lakukan dahulu terutamanya pemberian Bantuan Khas Musim Tengkujuh. Syabas Kerajaan Pakatan Harapan. Namun, apakah pelan dan strategi jangka panjang untuk kita berhadapan dengan harga getah yang terus jatuh dan tidak stabil. Lebih-lebih lagi apabila peruntukan Lembaga Getah Malaysia dipotong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah isu berkaitan harga rumah yang dijual kepada warga asing, di mana pengurangan nilai ambang rumah RM1 juta kepada RM600 ribu. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah melakukan *damage control*, dengan izin, melalui kenyataan akhbar dengan tiba-tiba menambah kriteria baru bahawa inisiatif ini hanyalah untuk hartanah yang masih tidak terjual dalam tempoh Januari hingga Disember 2020 sahaja.

Masih terdapat tiga kepincangan utama dalam inisiatif ini. Pertama, ia sangat memihak dan bertujuan menjaga keuntungan pemaju dengan memastikan segala lebihan tawaran yang ada akan dilupuskan. Isunya, bagaimana kerajaan akan memastikan dasar pro pemaju dan pro warga asing ini tidak akan menyebabkan persaingan yang tidak wajar dengan rakyat tempatan kelak.

Bayangkanlah pembeli dari Singapura sudah pasti akan berlumba-lumba mengaut segala hartanah yang ada kerana kini mereka hanya memerlukan SGD200 ribu sahaja sedangkan dengan jumlah tersebut, belum tentu mereka akan mampu membeli rumah yang baik di Singapura.

Dengan melaksanakan Dasar Pro Pemaju ini, bagaimanakah kerajaan akan memastikan pemaju yang dibela bersungguh-sungguh ini tidak akan membina lagi rumah mampu milik, sebaliknya memberi fokus untuk membina sahaja rumah bernilai RM600 ribu ke atas sahaja pada tahun hadapan.

Bagaimana pula untuk kita menghentikan tindakan pemaju daripada menaikkan harga rumah sedia ada yang lebih rendah dari RM600 ribu. Misalan RM450 ribu hingga RM590 ribu menjadi RM600 ribu. Sepatutnya pemaju akan turun harga apabila unit-unit ini tidak terjual tetapi sekarang harganya akan dilambung lebih tinggi agar boleh dilepaskan kepada warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, teringat saya semasa Kerajaan Barisan Nasional menetapkan 1 juta untuk warga asing membeli rumah. Ketika itu pembangkang begitu bising dan meminta supaya harga itu dinaikkan lagi. Akan tetapi apabila menjadi kerajaan, mereka telah menurunkan harga untuk warga asing.

Saya ingin mencadangkan sekali pun kita mengurangkan lebihan rumah tidak terjual, kita boleh lihat apa yang dilakukan oleh Kerajaan Hong Kong yang mengenakan cukai kepada hartanah yang tidak terjual selepas 12 bulan siap atau tidak disewakan. Kadar cukai yang dikenakan adalah 200 peratus dari nilai cukai tanah.

Ini adalah alternatif yang lebih baik untuk mengawal lebihan hartanah tidak terjual, sekali gus memastikan pemaju membina rumah mengikut keperluan dan permintaan, bukannya mengikut keuntungan dan ketamakan.

Justeru, saya mendesak kepada pihak kerajaan, agar menilai semula ambang harga hartanah kepada warga asing dikekalkan kepada RM1 juta dan tidak diturunkan kepada RM600 ribu seperti dalam Belanjawan 2020. Janganlah, 'kera di hutan disusukan, anak bangsa di negara sendiri mati kelaparan.'

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dalam Belanjawan 2020 tidak disebut mengenai PTPTN sedangkan menghapuskan PTPTN merupakan salah satu daripada janji yang ada dalam manifesto. Jadi, kita mintalah kerajaan fikirkanlah kerana ini merupakan harapan besar daripada pengundi-pengundi muda.

Kepada Kementerian Dalam Negeri, saya mohon pintu-pintu masuk sama ada di sempadan atau pun di lapangan terbang mahupun di pelabuhan dikawal dengan rapi. Kita tidak dapat menafikan ada pihak-pihak luar yang memandang Malaysia ini sebagai lombong emas. Untuk itu, saya ada terbaca satu laporan yang menyatakan ramai warga asing terutamanya dari negara China yang datang ke negara ini apabila tamat tempoh sepatutnya

mereka keluar tetapi ramai yang tidak keluar sebab tidak ada rekod. Untuk itu, saya mohon Kementerian Dalam Negeri membuat sesuatu lah dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan, mereka sering menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional apabila perancangan dan juga inisiatif yang dilaksanakan mereka gagal walaupun mereka dikemudikan oleh Perdana Menteri yang pernah memerintah ataupun memimpin negara selama 22 tahun.

Kita ambil contoh seperti pentadbiran New Zealand yang diterajui oleh Perdana Menteri Jacinda Ardern di mana beliau berjaya mencapai banyak kejayaan hanya dalam tempoh dua tahun memerintah New Zealand. Antaranya beliau berjaya mencipta 92 ribu peluang pekerjaan, menurunkan kadar pengangguran ke tahap terendah negara sejak 11 tahun yang lalu, meningkatkan pendapatan isi rumah dan meningkatkan dana sekolah.

Selain itu Perdana Menteri New Zealand juga merupakan seorang yang tegas jika dilihat cara beliau menangani isu tembakan rambang yang berlaku pada bulan Mac lalu. Beliau telah mengambil tindakan yang drastik iaitu dengan mengharamkan penggunaan senjata semi automatik dan juga senapang.

Akan tetapi lihat apa yang berlaku di negara ini kelemahan kepimpinan negara telah menyebabkan ada di kalangan rakyat Malaysia yang ambil kesempatan mengambil peluang untuk menimbulkan huru-hara seperti membawa masuk abu Chin Peng, himpunan komunis, bintang Jalur Gemilang lima bucu, pasang Jalur Gemilang terbalik, pengganas LTTE, kes arwah Adib yang tidak dapat pembelaan, hina Islam, hina Rasulullah, *Bible* diedarkan berleluasa, isu komik, LGBT, hina Agung, Statut Rom, IC palsu, perlekeh bahasa kebangsaan, hina tulisan Jawi dan juga yang terakhir ini kalau kita tengok ada juga yang menyanyi lagu Negaraku dalam bahasa Mandarin dan juga dalam bahasa Arab dan kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua di Singapura, mereka tetap menyanyi lagu kebangsaan mereka dalam bahasa Melayu.

■1220

Sebagai kesimpulan, sedarlah wahai Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan perlu berhenti mencipta alasan dan menuding jari kepada kerajaan yang lalu. Bak kata pepatah, "Kalau tidak pandai menari, jangan dikatakan lantai jongkang-jongket". Mulalah bekerja sebagai sebuah kerajaan untuk menyelesaikan masalah rakyat. Kini rakyat semakin tertekan kerana tiada penawaran peluang pekerjaan, kelembapan ekonomi, peningkatan kos sara hidup dan pelbagai lagi masalah sosial. Kerajaan Pakatan Harapan terbukti gagal kerana tidak mempunyai dasar strategik untuk menyelesaikan masalah rakyat, malah hanya mahir dalam mencipta alasan dan menuding jari kepada kerajaan yang terdahulu.

Untuk itu, saya mohon supaya apa yang dilakukan oleh kerajaan dewasa ini perlulah kita mengorak langkah ke arah untuk kita mengatasi masalah-masalah yang dihadapi tadi supaya nanti, pengundi-pengundi yang memberi undi kepada mereka pada pilihan raya yang lalu tidak merasa kecewa. Jadi dengan ini saya akhiri, sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Banyak membangkitkan perkara baik sebagai ingatan, pengetahuan kita. Perbahasan yang bagus dan bernas.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Dipersilakan.

12.21 tgh.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: *Bismillahi Rahmani Rahim* dan salam Dewan Negara. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya mulakan dengan sebuah pantun?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. Silakan, bagus.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Pantun dulu Tuan Yang di-Pertua.

*Ke negara China membawa kelulut;
Jalan bergaya bersopan santun;
Datuk Seri Haji Abdul Halim handsome dan manis mulut;
Hebat seloka, pandai berpantun... [Tepuk]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk perbahasan hari ini, bajet yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng pada 11 Oktober lalu bertemakan '*Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama*'. Dengan empat teras yang menunjangi Belanjawan 2020 ini:

- (i) Memacu Pertumbuhan Ekonomi Dalam Ekonomi Baharu dan Era Digital;
- (ii) Pelaburan Ke Atas Rakyat: Meningkatkan Keupayaan Modal Insan;
- (iii) Mewujudkan Masyarakat yang Bersatu, Inklusif dan Saksama; dan
- (iv) Memulihkan Institusi dan Kewangan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018, JAKOA diperuntukkan RM138 juta dan pada tahun 2019, RM100 juta. Untuk bajet pembangunan pada tahun 2018 ada RM56 juta. Bagi tahun 2020, peruntukan JAKOA RM140 juta dan pembangunan sahaja RM83 juta dan ditambah lagi dengan RM57 juta untuk penjagaan dan kesihatan. Kita lihat pada bajet

pembangunan bertambah sebanyak RM27 juta. Namun, keperluan masyarakat Orang Asli sangat tinggi. Pembangunan sahaja kalau kita lihat secara kasar, melebihi RM100 juta. Hendak membuat rumah PPRT, baik pulih rumah, jalan, pembangunan luar bandar, jambatan, balai raya, dewan orang ramai.

Pendidikan sahaja lebih RM30 juta untuk tahun ini. Kalau kita lihat tambang untuk hantar budak sekolah yang menggunakan *four-by-four*, bas dan sebagainya, ada masih lagi menggunakan bot. Untuk tahun ini, hampir RM25 juta pengangkutan sahaja. Ini tidak termasuk skim biasiswa, bantuan galakan pendidikan yang lain. Wang saku walaupun hanya RM2 sehari, juga mencecah RM1.3 juta.

Kalau kita tengok projek ekonomi, memerlukan lebih RM10 juta. Ini belum lagi kita lihat kepada koperasi, usahawan. Untuk koperasi dan usahawan, kita memerlukan lebih kurang RM8 juta. Secara totalnya keperluan kita melebihi RM150 juta. Akan tetapi dalam keadaan kerajaan sekarang ini, kita faham masih kekurangan peruntukan untuk membayar hutang. Bak kata peribahasa Melayu, "Orang baru kahwin jangan diziarahi, orang baru kaya jangan dihutangi". Maka dalam keadaan sekarang, kita cuba berjimat. Namun, keperluan masyarakat luar bandar dan pedalaman perlu diutamakan.

Kita melihat sejumlah RM57 juta untuk penjagaan kesihatan. Program Kurang Zat Makanan, kesedaran tentang gejala alkohol- Ini merupakan gejala yang serius dalam masyarakat Orang Asli. Saya juga mohon perhatian kepada JAKOA dan Kementerian Kesihatan untuk memantau belia-belia Orang Asli yang sekarang ini banyak terlibat dengan ketagihan air daun ketum.

Saya juga melihat isu kesihatan Kuala Koh juga menjadi perhatian peringkat negara. Kita perlu sedar kepentingan kesihatan dalam meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan. Kita jangan melihat hanya hendak menyediakan bekalan ubat kepada pesakit, tetapi kesedaran pendidikan kepada komuniti Orang Asli yang boleh mencegah jangkitan-jangkitan penyakit, sama ada penyakit berjangkit atau tidak berjangkit.

Maka itu, saya berharap supaya Hospital Orang Asli Gombak hendaklah diperkasakan. Hospital Orang Asli Gombak amat berkesan dan sangat diterima serta mesra kepada penduduk peribumi Orang Asli terutamanya masyarakat yang di pedalaman. Ini kerana mereka memberi bantuan secara *in deep*, secara dalam, secara *touching* dengan komuniti pedalaman.

Oleh sebab itu saya berharap Kementerian Kesihatan dapat memperkasakan Hospital Orang Asli Gombak ini supaya tim bergerak Hospital Orang Asli Gombak memperluaskan

kawasan liputan di pedalaman terutamanya di Kelantan, di pedalaman Perak dan juga Pahang.

Soalan saya kepada JAKOA, berapakah kos yang dibelanjakan untuk kebajikan pesakit Orang Asli yang ditanggung pada tahun 2019? Ini sebab kos untuk belanja pesakit di kalangan Orang Asli juga tinggi. Kalau dahulu kita melihat kes pesakit Orang Asli hanya penyakit berjangkit, sekarang penyakit tidak berjangkit macam hemodialisis, jantung dan sebagainya juga merupakan kes yang agak tinggi.

Kemudian soalan saya kepada kementerian, apakah program-program pendidikan kesihatan dan program penjagaan kesihatan bagi Orang Asli Kuala Koh yang baru-baru ini terancam dan terjejas dengan masalah kesihatan?

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga bajet tidak langsung untuk komuniti Orang Asli. Contohnya daripada Kementerian Kesihatan, telah memperuntukkan RM5 juta bagi membina dan menaik taraf klinik-klinik luar bandar terutamanya di kampung Orang Asli. Di sini saya mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya dapat menaik taraf Klinik Kesihatan Pos Betau di Lipis untuk menjadi hospital Orang Asli kedua selepas Hospital Orang Asli Gombak.

Mengapa saya mencadangkan ini, kerana penduduk di Pos Betau mempunyai lebih 1,200 orang. Pos Betau mempunyai ramai penduduk dan jarak ke Hospital Kuala Lipis 60 kilometer, jarak ke Cameron Highlands 75 kilometer. Dia tengah-tengah di antara Lipis dan Cameron Highlands. Bagi masyarakat Orang Asli di pedalaman Pos Betau iaitu di Pos Lenjang dan Pos Titom, jaraknya melebihi 100 kilometer. Bayangkan perjalanan empat hingga enam jam untuk pergi hospital. Kalau orang bersalin, sudah sempat bersalin dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Jika kita dapat membina dan menaik taraf Klinik Kesihatan Pos Betau itu menjadi Hospital Betau, kita lihat jarak ke hospital bagi Pos Betau sekitar satu hingga tiga kilometer. Saya telah nyatakan tadi, sini penduduknya lebih kurang 1,200 orang hingga 1,500 orang. Pos Lenjang dan Pos Titom hanya tinggal jarak 25 kilometer kerana sebelum ini hampir 100 kilometer. Pos Lenjang dengan Pos Titom, penduduk hampir 1,500 orang. Pos Pantos, jarak tinggal 45 kilometer.

Di sini pun ada lebih kurang 1,200 penduduk. Pos Menson yang berdekatan dengan jajaran Koyan, sini lebih kurang 45 kilometer walaupun dia mempunyai opsyen ke Hospital Cameron Highlands. Kita sini ada lebih kurang 800 penduduk Orang Asli. Pos Telanok, kita ada 800 juga Orang Asli. Ini tidak termasuk beberapa kampung lagi Orang Asli. Dia ada dari Koyan hingga Bertam, jajaran jalan Cameron Highlands itu, lebih kurang ada 1,000 lagi Orang

Asli dari Kampung Dusun Pak Senam, Kampung Tiat, Kampung Pinang, Kampung Susu. Jajaran ini ramai Orang Asli.

■1230

Oleh sebab itu, jika kita dapat membina Hospital Orang Asli Betau ini, kita dapat menjimatkan banyak masa, menjimatkan jarak perjalanan, menjimatkan operasi kesihatan yang menanggung kos yang tinggi dan akhirnya kita dapat menjimatkan duit kerajaan. Maka itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan untuk menyenaraikan dan untuk bertanya berapakah jumlah klinik kesihatan di kawasan Orang Asli yang terlibat dalam menaik taraf dan baik pulih dalam Bajet 2020 yang saya nyatakan tadi daripada RM5 juta.

Soalan tambahan saya yang tidak berkaitan dengan yang tadi sebab saya juga merupakan penduduk kawasan masyarakat Pekan Benut. Saya telah bertanya di Dewan ini tentang kenapa Klinik Kesihatan Benut, Pontian masih lagi belum operasi? Sebelum ini dijelaskan kelewatan pembinaan tetapi sudah hampir setahun masih lagi belum dioperasi. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kehendak masyarakat Orang Asli dan harapan masyarakat Orang Asli terhadap Bajet 2020 ini? Komuniti Orang Asli amat berharap dan meminta pihak kerajaan memastikan jalan pembangunan atau jalan perhubungan luar bandar dapat dibina dengan lebih baik dan lebih banyak. Oleh sebab jalan perhubungan luar bandar ini pertama dapat mengurangkan kos sara hidup, bila adanya pembinaan-pembinaan jalan.

Kedua, jalan perhubungan luar bandar ini dapat menaikkan harga hasil kampung. Oleh sebab itu jalan luar bandar ini sangat penting. Oleh sebab saya telah menjelaskan di Dewan ini beberapa kali harga pisang dulu 40 sen, dah naik RM2. Inilah kita bagaimana hendak menolong Orang Asli bukan hanya memberi bantuan tetapi kita dapat meningkatkan ekonomi dengan daya upaya masyarakat Orang Asli. Mereka ada kebun, ada pertanian dan hasil itu dapat dijual dengan baik.

Ketiga, dapat meningkatkan pemilikan aset. Bila ada jalan dan sebagainya, baru-baru ini saya telah pergi Pos Kuala Mu apabila da jalan yang baik, harga durian menjadi baik, masyarakat Orang Asli telah membeli kereta dan membeli motor. Ini yang dikatakan dapat mengubah taraf hidup masyarakat Orang Asli.

Saya ingin mencadangkan kepada JAKOA dan juga Kementerian Luar Bandar supaya dapat melihat jalan-jalan yang sangat penting bagi komuniti luar bandar. Jalan RPS Kuala Betis ke Pos Bihai ke Pos Balatin, 30 kilometer. Ini ada lebih kurang 20 kampung dengan manfaat lebih 3,000 penduduk. Jalan RPS Kuala Betis ke Pos Gop ada sejauh 90 kilometer dan ke sambungan ke Pos Simpoh se jauh 70 kilometer. Jika di Pahang, Kampung Tua ke

Kampung Rangan sejauh 23 kilometer. Kampung Tua ke Kampung Jangap sejauh 25 kilometer di Pos Sinderut. Begitu juga kita lihat jalan Pos Betau ke Pos Lenjang siapa yang terlibat dengan Kempen PRK baru-baru ini di Cameron Highland melihat bagaimana tiga jam ke empat jam untuk sampai ke kawasan ini dalam keadaan cuaca yang baik. Kalau lebih-kalau masih hujan boleh mencecah hingga enam jam ke tujuh jam.

Jalan Baung ke Pos Piah dan Pos Puoh Sungai Siput, Perak sejauh 35 kilometer. Jalan Pos Kemar ke Gerik, Perak sejauh 80 kilometer. Jika dibina ke Pos Legap ataupun SMK Bawong Jaraknya lebih dekat iaitu 50 kilometer. Jalan ke Kampung Punan di Johor, Mersing sejauh 50 kilometer. Jalan Kampung masuk ke Kampung Peta sejauh 55 kilometer. Ini jalan-jalan yang besar yang memerlukan kos yang besar.

Akan tetapi apa yang saya lihat agak pelik adalah jalan kampung-kampung yang pinggir bandar yang berdekatan pun masih lagi belum dapat dibina. Saya rajin masuk kampung. Kalau saya lihat jalan masuk ke kampung Orang Asli Pasir Gudang, tidak lebih 1 kilometer pun masih tidak ada jalan *premix*. Ini dalam pinggir bandar. Jalan masuk Kampung Orang Asli Teluk Kabung tidak lebih tiga kilometer. Jalan masuk Kampung Pasir Salam, Ulu Tiram, sejauh sembilan kilometer, tidak lebih 10 kilometer pun masih belum dibina.

Saya mohon perhatian JAKOA untuk melihat perkara ini. Soalan saya kepada JAKOA untuk menjelaskan projek jalan perhubungan luar bandar yang dibina oleh JAKOA pada tahun ini dan perancangan untuk tahun 2020. Begitu juga saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Bandar. Kementerian Luar Bandar juga mesti bertanggungjawab kepada komuniti Orang Asli sebab mereka masyarakat orang luar bandar. Kita tidak mahu Kementerian Luar Bandar semua tolak kepada JAKOA sebab masyarakat Orang Asli adalah masyarakat arus perdana yang perlu dilayan oleh semua kementerian.

Saya berharap dan saya ingin bertanya mohon penjelasan daripada Kementerian Luar Bandar apakah jalan perhubungan yang dibina di kawasan komuniti Orang Asli pada tahun 2019 dan tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan beberapa projek bekalan air luar bandar. Saya mohon JAKOA melihat projek-projek dulu dikenali Projek Arus Intern, Projek *Tubewell*, Projek Air Bawah Tanah dan ada juga projek Bakas untuk menjelaskan bahawa projek Kampung Denai, Rompin yang airnya dibuat daripada sistem masih lagi tawar dan apakah usul JAKOA untuk menangani perkara ini. Adakah telah menyediakan bekalan paip retikulasi?

Kemudian, yang kedua bertanya tentang status projek air Kuala Koh, Gua Musang yang baru-baru ini tercemar. Ada 12 orang meninggal kerana masalah punca bekalan air yang tercemar dan beracun.

Ketiga, masalah air Kampung Pasir Salam yang saya jelaskan tadi tidak sampai sembilan kilometer masih lagi dengan air-air tasik yang tidak terjamin dengan kebersihannya. Berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar juga saya memohon penjelasan Kampung Pasir Salam yang saya nyatakan tadi sembilan kilometer masih belum menerima bekalan elektrik dan juga bekalan elektrik yang dijanjikan di Kampung Teji, Kampung Abu, Kampung Lun, Kampung Ranglas di Cameron Highland, saya mohon penjelasan, adakah telah dibekalkan.

Berkenaan dengan rumah PPRT. Kalau saya jelaskan tahun 2016 sebanyak 122 unit, tahun 2017 sebanyak 90 unit, tahun 2018 sebanyak 70 unit, tahun 2019 sebanyak 50 unit dengan kos RM6.7 juta. Saya ingin mencadangkan kepada JAKOA dan juga KPLB supaya menyediakan satu pelan reka bentuk PPRT Rumah Bertiang bagi komuniti Orang Asli kawasan Pantai, Kampung Nelayan terutama kaum Seletar, kaum Orang Kuala yang tinggal di gigi air. Mereka tidak ada tanah di darat, sebahagian yang macam di Kampung Pasir Puteh, Teluk Kabung. Mereka tidak ada tanah. Mereka terpaksa membuat- di pinggir-pinggir pantai.

Maka ini dan salah satu contoh kawasan-kawasan ini dibina rumah PPRT yang *landed*, yang bertanah. Kampung Orang Asli Desa Banang. Apa yang terjadi sekarang ini? Kawasan ini tenggelam setiap kali air pasang dan sehinggakan Orang Asli sudah buat bendul tinggi satu kaki depan pintu untuk mengelakkan air pasang. Ada istilah air pasang dalam untuk tiap-tiap bulan. Memang ada satu tempoh air pasang dalam dan kampung ini sering tenggelam apabila air pasang.

Reka bentuk rumah bertiang ini juga sangat penting bagi Orang Asli yang tinggal di pedalaman Kelantan, Pahang dan juga Perak dan yang kebanyakan tinggal di Banjaran Titiwangsa. Rumah bertiang ini sangat sesuai dan mesra dengan Orang Asli sebab bahagian bawah boleh digunakan untuk *parking* alat-alat pertanian, meletakkan alat-alat pertanian serta haiwan peliharaan juga duduk di situ. Saya berharap bila rumah kawasan-kawasan lereng bukit ini disediakan pelan tadi, kos ini dapat diijamatkan.

Oleh sebab kadang-kadang Orang Asli terpaksa mengeluarkan kos tambahan RM1,000 hingga RM3,000 untuk buat tapak sedangkan Orang Asli itu penerima PPRT, orang miskin, kena keluarkan duit untuk *clear*-kan tapak supaya ada *landed*, ada tapak untuk rumah PPRT ini. Saya mohon JAKOA menjelaskan, projek PPRT dan projek baik pulih yang dilaksanakan tahun 2019, mengikut pecahan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membahaskan isu di kementerian, masih lagi di JAKOA. Isu biasiswa Pelajar Orang Asli. Isu biasiswa adalah antara isu serius di kalangan mahasiswa Orang Asli. Kelewatan bayaran dan proses birokrasi menyebabkan mahasiswa kadang-kadang hilang motivasi belajar. Ada yang berhenti. Ini amat menyedihkan bagi saya. Sering bantuan biasiswa disalurkan pada pertengahan semester, ada yang di hujung semester, ada yang tidak ambil peperiksaan pun ada, sebab belum sempat membayar yuran dan ada *result* yang ditahan dan sebagainya.

Isu kedua adalah biasiswa pendidikan ataupun Skim Bantuan Galakan Pendidikan. Kadang-kadang JAKOA tidak menggunakan istilah biasiswa, ia melihat istilah bantuan pendidikan. Nilai yang tidak praktikal.

■1240

Saya mengambil satu contoh baru-baru ini seorang pelajar mendaftar di asasi UIAM atau Universiti Islam Malaysia. JAKOA menyediakan bantuan RM1,500 dan pelajar membayar yuran di universiti RM1,395. Bakinya ada RM205 dan RM205 ini untuk makan lima bulan, kalau kita bercakap soal makan minimum pelajar RM15. Jika RM15 darab RM30 ialah RM450 dan darab lima bulan ialah RM2,250. Ini baki RM215 dan ini kita kena lihat nilai yang praktikal. Kadang-kadang kita sedih, saya pernah pergi sebuah universiti dan saya lihat seorang pelajar makan tengah hari nasi putih telur mata lembu, sangat sedih. Ini bukan pelajar Orang Asli tetapi saya membayangkan kalau Orang Asli lagi tak mampu sebab mak bapak dia lagi daif, lebih miskin. Saya mohon perkara ini dijelaskan.

Isu ketiga tentang biasiswa ialah penjaga, kelayakan penjaga. Sekarang ini JAKOA ada garis panduan. Penjaga yang gaji lebih RM5,000 anaknya tidak layak bantuan biasiswa, bantuan pendidikan tadi. Biasiswa ini hak pelajar, siapa sahaja pelajar yang cemerlang tak kiralah gaji bapa ada berapa ribu haruslah diberi. Ini bukan bantuan PPRT, bagi bantuan PPRT penjaga, ibu bapa atau pemohon yang kaya memang tak layak. Ini apabila saya lihat ada satu kes penjaga gajinya RM7,500 kalau *graduate* nak tunggu anak masuk universiti tentulah 15 tahun, 20 tahun.

Kalau 20 tahun kita bekerja gaji kita sudah RM7,000 hingga RM8,000 ya, memang munasabahnya semua tak layak. Di sini saya mohon penjelasan adakah dasar ini dibuat oleh JAKOA atau Kementerian Kewangan? Mohon penjelasan kerana banyak kes dan pelajar-pelajar ataupun penjaga yang tidak layak ini perlu membuat rayuan. Bila membuat rayuan dia makan proses birokrasi tiga, empat bulan dan kadang-kadang kebanyakan dia bagi. Bila diberi sudah hujung semester, sudah lepas semester dan bantuan ini tidak membantu kepada masalah ibu bapa dan masalah pelajar.

Oleh sebab itu kita melihat perkara ini, birokrasi ini perlu diperbetulkan. Soalan saya kepada JAKOA, berapakah kos biasiswa atau bantuan pendidikan pelajar IPT untuk tahun 2018 dan 2019? Berapakah kes biasiswa yang ditolak dari jumlah rayuan yang diterima balik? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas tentang isu Kementerian Pendidikan. Di sini saya meneruskan perbahasan berkaitan Kementerian Pendidikan, terdapat beberapa sekolah Orang Asli yang menghadapi masalah bekalan air.

Pertama, asrama dan Sekolah Seri Sedohok, Kahang. Asrama ini sudah tak ada orang duduk, bagaimana pelajar hendak duduk kalau di asrama tak ada air, hendak mandi tak boleh, kalau di kampung dia boleh mandi sungai. Kalau di kampung dia boleh mandi parit ataupun telaga, di asrama dia tak boleh dan ini menjadi isu di Sekolah Seri Sedohok.

Kedua, sekolah SK Denai yang saya nyatakan tadi, kampung dia pun menggunakan sistem air. Masih lagi bermasalah untuk sekolah ini dan sekolah SK Simpai, saya telah bangkitkan pada sidang yang lalu, mohon penjelasan Kementerian Pendidikan dalam perkara ini.

Kemudian pada 22 hingga 25 September yang lalu, Institut Pendidikan Guru Malaysia cawangan Lipis melalui pusat pedagogi dan peribumi Orang Asli telah mengadakan Satu Kolokium Pendidikan dan Sosioekonomi Orang Asli Peringkat kebangsaan.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan dan telah memaklumkan beberapa perkara. Di antaranya ialah pertama, geran penyelidikan pendidikan Orang Asli bernilai RM1 juta. Saya mohon kementerian menjelaskan adakah geran ini telah dimanafaati, diedarkan kepada IPT dan IPTS?

Kedua, memaklumkan pegawai khas Orang Asli di Kementerian Pendidikan di bahagian sekolah harian. Adakah telah ditempatkan, telah di *posting* kan?

Ketiga, menyemak kuota Orang Asli di IPGM yang setakat ini setiap tahun saya berbahas tentang pentingnya kuota tersebut yang hanya 20 orang, 25 orang. Adakah telah ditambah dan mohon maklum balas kepada Kementerian Pendidikan?

Jumlah murid Orang Asli sekarang ini untuk sekolah rendah 26,240 murid, sekolah menengah ada 13,540 orang murid. Kita sedia maklum isu keciciran kejauhan pendalaman lokasi, sekolah adalah isu yang serius dan membelenggu masyarakat dan juga pelajar Orang Asli. Salah satu penyelesaian yang praktikal, yang sangat berkesan ialah membina lebih banyak sekolah di luar bandar di komuniti Orang Asli iaitu sekolah K9 dan juga K11.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana prihatin dengan pendidikan Orang Asli kerana baru-baru ini telah membuat, telah melaksanakan sekolah

menengah kedua Orang Asli di Malaysia iaitu di Sekolah Menengah RPS Kuala Betis di Gua Musang.

Sebelum ini di Sekolah Menengah Bawong di Sungai Siput. Saya juga ingin mencadangkan SK Betau yang sememangnya sekolah K9 kalau dapat di naik taraf menjadi K11 sebab saya katakan tadi situ banyak komuniti Orang Asli, *feeder school* daripada SK Betau, SK Lenjang, SK Titum, SK Sindut, SK Pantun. Kalau lihat daripada *feeder* beberapa sekolah ini Orang Asli pun sudah lebih daripada 1,000 orang.

Dengan itu saya berharap dan mohon penjelasan kepada Kementerian Pendidikan menjelaskan status Sekolah Menengah Kuala Betis, Gua Musang, bilakah akan dioperasikan, bilangan dan jangkaan murid dan *feeder school* atau sekolah *feeder* yang terlibat dengan Sekolah RPS Kuala Betis ini?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang serius lagi ingin saya sentuh dalam Dewan yang mulia ini Sistem Maklumat Penduduk Orang Asli singkatannya SPMOA, kalau Cina panggil sempoa ini mesin kira, tradisional itu. Kalau dulu sistem ini dikenali iDAMAK. Ianya telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan juga dimaklumkan oleh JAKOA tahun 2017. Namun sehingga sekarang belum di bentang dan pada tahun 2018 saya pernah bertanya projek dan program SPMOA ini dalam dijelaskan untuk proses pemulihan dan pemutihan.

Namun sehingga kini, ianya sudah masuk tahun 2020, masih lagi belum dibentangkan. Pihak kementerian dan JAKOA telah menjawab proses pemurnian ini masih dijalankan dan 95 *percent* telah disemak di peringkat JAKOA negeri dan daerah dan akan siap selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2020. Apa yang menyedihkan bagi saya lebih dua tahun untuk buat pemurnian. Disebabkan kelewatan ini dijelaskan bahawa perubahan kaedah pungutan data kerana sebelum ini menggunakan manual dan sekarang menggunakan *tablet*. Apa yang saya kawatir kita membelanjakan beribu, berjuta bagi program ini tetapi pihak konsultan sepatutnya bertanggungjawab untuk merealisasikan program ini bermanfaat kepada komuniti Orang Asli.

Apa yang menyedihkan apabila gagalnya sistem SPMOA ini, daftar untuk masyarakat Orang Asli tidak ada. Masih lagi terikat dengan data lama, data lama iDAMAK pun bermasalah untuk di *merge* untuk di *combine* kan, digabungkan dengan data eKasih. Sehingga tempoh ini dan mungkin beberapa tahun lagi Orang Asli akan tercicir daripada pelbagai bantuan. Dia hendak mohon bantuan eKasih dia tak layak. Dia sekarang ada- tahun ini kita ada Program i-Suri, tidak layak sebab namanya tidak ada. Tidak boleh di *merge* dalam daftar eKasih. Akhirnya iDAMAK tinggal iDAMAK, SPMOA pun tinggal SPMOA.

Jangan orang Cina panggil cakap, *hangpa* habis. Maksud saya banyak sistem kerajaan buat untuk bantuan masyarakat arus perdana termasuk Orang Asli tidak dapat dimanfaatkan. Sekarang ini tahun 2020, Program Petrol Bersasar, mana nak dapat data Orang Asli yang layak?

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak celah sedikit.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Boleh silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan eKasih. Setuju atau tidak Yang Berhormat, kita cadangkan supaya kriteria eKasih ini perlu dikaji semula. terima kasih.

■1250

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Razali yang bertanya. Kita perlu mengemaskini data eKasih dari segi kelayakan dengan juga senarai sebab saya lihat dalam keadaan dulu banyak data eKasih ada unsur-unsur politik, banyak yang sepatutnya menerima bantuan, tercicir. Ini kerana dalam perbahasan yang dulu kita pun melihat banyak data istilah baru, e-kasih. E-kasih ini kena masuk eKasih. Dia lebih teruk daripada eKasih. E-kasih tidak pernah menerima bantuan. E-kasih ini tidak pernah menerima bantuan, sedang eKasih ini banyak dapat bantuan. Ini kalau dapat, dikaji.

Sebab itu dalam pada tahun 2020, kita dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan akan membuat bancian seluruh negara. Sebab itu saya mohon Jabatan Perangkaan membuat bancian seluruh kampung Orang Asli dan terus meletakkan Orang Asli ini dalam senarai eKasih sekiranya layak. Tidak perlulah ada data lain Orang Asli di JAKOA untuk membezakan Orang Asli. Mungkin di-*coding*-kan dalam data eKasih itu, *coding* khas, peribumi, Orang Asli ataupun Orang Asli Semenanjung sebagai menunjukkan dia satu identiti.

Akan tetapi dari segi kelayakan, syarat sebagai penerima eKasih untuk mendapat bantuan pelbagai bantuan lain seperti kaum lain harus dibuat dan dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan. Sebab itu saya mohon penjelasan Jabatan Perangkaan adakah perkara ini boleh dilaksanakan di peringkat jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan pula tentang keusahawanan dan koperasi. Karnival Usahawan Orang Asli yang dianjurkan setiap tahun sangat baik sangat memberi manfaat kepada komuniti dan keusahawanan Orang Asli. Jualan pada tahun 2017, jualan Karnival Usahawan Orang Asli pada 2017 lebih kurang RM50 ribu. Tahun 2018 karnival tidak diadakan. Tahun 2019 jualannya sekitar lebih kurang RM65 ribu. Ia telah diadakan di Dataran Pahlawan Melaka.

Saya menganggarkan kos yang dibelanjakan lebih RM300 ribu mahupun RM400 ribu. Jika kita bercakap soal teori secara tidak cerdik, kalau kita ada 30 usahawan yang terlibat, kita bagi seorang RM10 ribu, tidak payah buat karnival, usahawan Orang Asli boleh berkembang dengan bantuan geran RM10 ribu. Daripada kita buat program RM300 ribu, tapi jualan Orang Asli dapat RM3,000 hingga RM4,000.

Maka ini kalau saya melihat perbandingan Kraftangan Malaysia, dia membuat promosi jualan kraf tangan bersiri, beberapa tempat, utara selatan, yang tengah, Sabah, Sarawak dengan kos RM2.5 juta. Namun jualan keseluruhannya RM22 juta. Sepuluh kali ganda lebih antara kos promosi dengan kos pendapatan daripadanya. Jualan tunai saja RM11 juta.

Dekat sini apabila saya melihat, sepatutnya JAKOA melihat kelemahan ini supaya diperbaiki. Perlu ada satu promosi yang lebih awal. Sebab apa yang saya lihat promosi Karnival Usahawan ini, seminggu, dua minggu sebelum diadakan. Masyarakat awam, masyarakat arus perdana tidak tahu dan saya berharap akan datang karnival ini dimaklumkan tiga, empat bulan supaya masyarakat arus perdana pun akan tahu produk-produk dan usahawan-usahawan Orang Asli yang terkenal seperti kelulut, tongkat ali, kacip fatimah dan sebagainya.

Saya juga mohon kepada JAKOA supaya mengadakan satu kerjasama atau *partnership* dengan rakan sinergi seperti MARA, MED, SME Corp. supaya program karnival ini dapat lebih berkesan untuk menjana pendapatan usahawan. Saya ingin bertanya kepada JAKOA untuk menyatakan program keusahawanan yang dijalankan pada 2019 dan perancangan keusahawanan pada 2020 sebab kita perlu tahu apa yang telah dilaksanakan untuk usahawan-usahawan kita.

Berkenaan dengan koperasi. Pada hari ini koperasi Orang Asli ada 97 buah sehingga Disember 2018. Syer ahli ada RM2.28 juta. Tidak banyak kalau kita bandingkan di peringkat kebangsaan. Aset koperasi ada RM11.23 juta dan perolehan koperasi untuk 2019, RM4.46 juta. Jika dilihat koperasi yang aktif tidak sampai pun 10 peratus. Ini disebabkan kurangnya kepakaran, kurangnya sokongan oleh JAKOA serta budaya koperasi yang agak baru di kalangan komuniti Orang Asli.

JAKOA agak lemah dalam pembangunan dan pengurusan koperasi serta tidak memiliki pegawai yang berpengalaman, yang mempunyai kemahiran dalam bidang urus tadbir koperasi. Agihan bajet yang kalau saya memberi contoh, tahun 2016 bajet yang diperuntukkan ialah RM1 juta tetapi yang dimanfaatkan oleh koperasi hanya RM123 ribu, lebih kurang 12 peratus. Pada 2017, peruntukan RM2 juta. Hanya dimanfaatkan 25 peratus. Bajet ini banyak tidak dibelanjakan dan saya mencadangkan gerang pembangunan koperasi

yang ada di JAKOA disalurkan kepada SKM dan juga Institut Koperasi Negara untuk pembangunan koperasi Orang Asli. Biarlah geran itu diletakkan di SKM dan IKN supaya institut yang *expert* ini tadi, SKM dan IKN ini menganjurkan kursus-kursus, menjalankan proses bimbingan keusahawanan dan menyediakan pinjaman serta dana bagi pembangunan koperasi.

Jika duit yang dipulangkan ini agak banyak dan saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada Dewan Rakyat, dia menjawab di Dewan Rakyat pada sesi November yang lalu, RM5.33 juta dipulangkan. Banyak, ini kerana projek tidak boleh siap kerana teknikal dan sebagainya tetapi kalau saya melihat secara perbandingan, RM5.33 juta ini kalau dibuat rumah PPRT dengan kos RM56 ribu, ada 90 rumah PPRT boleh dibuat. Ini saya berharap JAKOA dapat meningkatkan integriti dan prestasi kerja untuk tahun 2020.

Soalan saya, apakah pandangan JAKOA dan cadangan saya tadi supaya geran ini diletakkan di bawah SKM dan IKN kerana sebelum ini JAKOA pun mengamalkan kaedah yang sama di mana bajet-bajet projek ladang TSK dan TSB, projek ladang kelapa sawit secara berkelompok dan juga projek getah, duitnya, dana itu diletak di bawah RISDA, di bawah FELCRA, konsep yang sama dan yang ini saya mencadangkan untuk cadangan tambahan kepada SKM dan IKN.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi yang lepas Yang Berhormat Menteri menjelaskan cadangan untuk menyemak semula Akta 134 yang lebih relevan dalam memperkasakan hak Orang Asli. Perkara ini juga terkandung dalam Konvensyen Orang Asli 2019 di Putrajaya. Secara ringkasnya saya ingin bertanya kepada JAKOA apakah status cadangan tersebut. Adakah telah dibuat libat urus dengan pihak yang berkepentingan terutamanya komuniti Orang Asli, NGO-NGO, NGO Orang Asli, Majlis Peguam dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan isu yang agak serius, isu hidro di kampung Orang Asli. Kebanyakan projek-projek hidro ini sangat minat dengan Orang Asli. Mungkin Orang Asli ini suka duduk di kawasan-kawasan yang mempunyai sumber air yang banyak. Pertama, Projek Hidro Kampung Ulu Geruntum, Gopeng, pembinaan projek ini telah memberi kesan yang serius kepada masyarakat Orang Asli yang mengancam kepada ekosistem dan sumber hutan mereka. Saya berharap kerajaan negeri dengan KETTHA, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dapat melihat perkara ini sebab sebanyak 27 kampung Orang Asli akan terlibat dan terjejas dengan projek ini.

Yang kedua Projek Hidro Nenggiri, Gua Musang. Saya telah pergi Kampung Pos Pulat minggu lepas. Apa yang menjadi kerisauan kepada komuniti ini, kampung ini tidak diberi apa-

apa peruntukan kerana kampung ini dikatakan akan ditenggelami. Kalau kita buat rumah PPRT, PPRT pun akan tenggelam. Mereka dijangka akan dipindah.

Akan tetapi terdapat bantahan komuniti di sini tidak bersetuju walaupun ada sebahagiannya bersetuju. Apa yang saya mohon penjelasan di JAKOA dan juga KETTHA, adakah telah dibuat konsultasi dan libat urus dengan komuniti Orang Asli ini, apakah hasilnya. Seperti yang saya jelaskan tadi mereka ini macam *frozen* ya, dibekukan. Hendak apa peruntukan tidak boleh sebab kamu akan dipindahkan. Hendak buat bina yang baru, semua apa tidak boleh, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi. Tidak apa, kita sambung karang.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Oh, lima minit lagi boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya boleh sambung.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Sambung, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Sambung, saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau panjang lagi, sambung lepas kita *lunch* lah ya.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh ya. Baik jadi sebenarnya terima kasih Yang Berhormat kita iaitu Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid telah banyak memperkatakan kepentingan dan kebajikan Orang Asli dan kita senang hati tentang usaha dia itu. Dia nampak macam seorang pejuang yang sejati ya. Baguslah ya.

Jadi dengan itu Yang Berhormat, saya minta kita sambung karang ya kalau ada lagi dan itu kita punya jam sudah pukul 1.

Sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian.
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Mesyuarat ditempohkan pada 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam bahagia, salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat,

*Mari makan buah keranji;
Saya hendak teruskan apa saya janji.*

Janji kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid untuk teruskan perbahasan. Itu janji saya.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Mohon izin untuk menyambung perbahasan.

Untuk seterusnya bagi tajuk ataupun perkara berkaitan alam sekitar. Dalam bajet kali ini, strategi ke-13, mempromosi kelestarian alam sekitar yakni memulihara hutan. Sejumlah RM20 juta disediakan untuk melantik renjer dari kalangan askar yang telah bersara dan komuniti Orang Asli setempat bagi melindungi flora dan fauna kita dengan lebih baik.

Dalam perkara ini, terkandung dan selari dengan pengesyorkan laporan *inquiry* SUHAKAM Orang Asli pada syor ke-13 iaitu menggalakkan penglibatan secara aktif Orang Asli dalam pengurusan hutan. Tidak ramai Orang Asli yang terlibat dalam pengurusan hutan. Sejumlah RM20 juta ini diperuntukkan kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui jabatan hutan. Usaha ini untuk melibatkan komuniti Orang Asli bekerjasama dengan renjer bagi menjaga, menjadi mata-mata untuk melihat pencuri khazanah hutan, khazanah negara yang selama ini berleluasa.

Kita maklum bahawa pencuri khazanah negara sangat licik yang datang daripada beberapa negara jiran yang telah mencari khazanah kita terutamanya hasil hutan seperti gaharu, damar, minyak keruing dan herba-herba. Begitu juga pemburu haiwan-haiwan yang terlindung dan sekarang ini mengambil kesempatan dengan menembak dan melupuskan binatang yang kita anggap sangat terpelihara di negara kita.

Justeru itu, saya memohon kerajaan menyediakan modul dan latihan serta bimbingan kepada NGO, bimbingan kepada komuniti Orang Asli dan NGO Orang Asli dalam program bekerjasama untuk menjaga dan memelihara hutan ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah pihak kementerian telah mengenal pasti kampung-kampung komuniti Orang Asli tadi dan NGO untuk kerjasama ini sebab saya berharap kerjasama ini akan membantu memberikan kesedaran kepada ia untuk sama-sama menjaga hutan sebab baru-baru ini kita mendapat satu kes Orang Asli menembak gajah- bagaimana ancaman-ancaman binatang ini telah masuk ke kampung Orang Asli dan Orang Asli terpaksa bertindak untuk mempertahankan keadaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan seni dan budaya dalam tajuk-Tahun Melawat Malaysia 2020. Ia merupakan suatu yang penting bagi masyarakat Orang Asli terlibat dalam kempen melawat Malaysia. Kerajaan perlu menjenamakan Malaysia sebagai

suatu destinasi utama dan penting dalam pelancongan serta menyasarkan 30 juta pelancong setahun. Bagi memenuhi hasrat Tahun Melawat Malaysia 2020, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di mana RM90 juta dikhususkan untuk meningkatkan kesedaran promosi dan program sempena Kempen Tahun Melawat Malaysia.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian sebab setakat ini kita melihat hanya beberapa item atau *spot* kawasan pelancongan untuk Orang Asli terutama yang selalu kita sedia maklum Muzium Orang Asli Gombak, Kampung Budaya Mah Meri di Kuala Langat, Selangor. Saya mencadangkan lebih banyak kawasan Orang Asli yang sangat menarik dan ada item, subjek-subjek yang berkaitan Orang Asli yang boleh kita ketengahkan.

Sekiranya kita hendak mempromosikan *homestay* atau chalet Orang Asli, di antara yang popular di Perak, Pos Kuala Mu dan Pos Yum, Sungai Siput, di antara yang popular. Dan ramai pengunjung yang hadir. Di Pahang - Pos Lenjang, Lipis, dan Chalet Bah Jon di Pos Menson, Cameron Highlands; Kelantan – Pos Redip, dan Pos Gob di Gua Musang; Negeri Sembilan – Kampung Ulu Chembong di Rembau; Johor – Kampung Kudung, Segamat. Di Johor ada Kampung Peta dan Kampung Selai juga kampung yang terlibat dalam Taman Negara yang merupakan ekopelancongan.

Sekiranya kita hendak pergi melancong, mencari barangan terpakai atau dipanggil istilah *flea market* atau *bundle*. Di Johor di Kampung Bumiputera Rengit, Batu Pahat merupakan satu perkampungan *bundle*. Ada lebih kurang 60 orang usahawan Orang Asli. Berani saya katakan di antara *flea market* ataupun kampung *bundle* terbesar di Malaysia. Jadi, saya mengajak pelancong-pelancong tempatan untuk hadir ke sana.

Sekiranya kita hendak melancong untuk mencari makanan dan makanan *seafood* yang paling popular di Kampung Sungai Temon, JB dan Kampung Teluk Kabung, Pasir Gudang, makanan *seafood* yang *fresh* dimasak oleh Orang Asli. Ini saya membantu MOTAC atau Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya supaya melihat *spot* kawasan-kawasan yang popular untuk dikunjungi. Jika kita hendak melihat tarian Jo'oh Kaum Mah Meri, Kampung Bumbun, Kuala Langat; tarian Ketam Bangkang, Kaum Seletar, Kampung Sungai Temon, JB; sewang Bah Bola Semai di Kampung Orang Asli Batu Gombak; sewang Dikir Barat, Kampung Orang Asli Aring 5, Gua Musang; Joget Jakun, Kampung Punan, Mersing; dan juga Kampung Bukit Serok, Muadzam. Joget Kapal Terbang, Kampung Mecupu, Pekan. Ini yang saya boleh kongsi.

Sekiranya kita hendak membuat pelancongan pendidikan, JAKOA ada Pusat Intelek Pelajar Orang Asli. Ada 100 orang pelajar Orang Asli daripada *medium class*...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat Senator, mohon mencelah.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan isu pelancongan. Tahun depan adalah Tahun Melawat Malaysia di mana kita berharap juga Orang Asli dan Orang Asal tidak ketinggalan dalam promosi untuk tahun melawat Malaysia ini di mana mereka boleh mendedahkan ataupun mempromosikan adat budaya mereka.

Apa yang saya tengok di Selangor ini ada satu tempat yang menarik iaitu Pulau Carey iaitu penghuninya adalah suku Mah Meri di mana mereka ini memang sangat terkenal dengan kraf mereka iaitu ukiran-ukiran kayu di mana mereka telah mengadakan pameran bukan sahaja di Malaysia tetapi di peringkat antarabangsa seperti di Amerika dan London, kalau tidak silap saya. Jadi kalau MOTAC- pelancongan, kalau mereka menggunakan Pulau Carey ini sebagai sebuah pusat pelancongan Orang Asli, saya rasa boleh membantu menjana pendapatan negara dan juga di samping membantu Orang Asli.

■1440

Pulau Carey ini juga tidak jauh daripada KLIA. Mungkin *collaboration*, dengan izin, antara MOTAC ini dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mereka terus pergi ke Pulau Carey ini di mana pelancong-pelancong ini ramai. Mungkin boleh masukkan dalam takwim pelancongan *travel agency* itu untuk membuat kunjungan ke Pulau Carey ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat berkenaan ini? Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat 'Bob'. Yang Berhormat 'Bob', satu cadangan yang baik dan saya sangat bersetuju kawasan-kawasan *hotspot* ini yang berdekatan dengan *airport*, berdekatan dengan lapangan terbang perlu diadakan satu *connection* jalan perhubungan supaya memudahkan. Sebab, pelancong-pelancong luar negara, mereka tidak mahu bergerak jauh, boleh dapat kawasan yang mudah akses. Saya mohon cadangan tadi dimasukkan dalam *note* saya.

Boleh saya menambah lagi, di antara kawasan pelancongan pendidikan yang boleh kita tengok ialah Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) di Rompin, ada 101 orang murid, pelajar daripada *medium class*, yang di-*train* sehingga sampai 6A, 8A. Lebih kurang 60 peratus pelajar 6A ke atas, satu kejayaan yang baik oleh JAKOA. Pusat Pedagogi Peribumi Orang Asli Lipis, di antara satu-satunya pusat yang di IPGM boleh dikunjungi sebagai satu pusat kajian ilmiah. Dan Pusat Tamadun Orang Asli Islam negeri Pahang di Kuantan, di panggil PETAMA.

Kalau kita hendak melihat ternakan, kita ada kelulut di Kampung Bangkong, Sepang, Selangor dan kelulut kita ini telah dibuat produk serum sudah, sudah sampai penjagaan kulit. Jika hendak tengok kambing yang besar dan boleh dikatakan satu industri yang baik, di RPS Runchang, Pekan, ECER. Kita juga ada keistimewaan kraf kita, ada kerancang, permainan *intelligent games*, dengan izin, untuk kaum Jakun. Kita ada sumpit damak serta getah ipuh.

Ini semua menjadi satu industri pelancongan yang sangat diminati oleh negara-negara terutamanya Jepun yang lebih suka kepada budaya. Kalau mereka hendak *shopping*, negara Barat lagi banyak tempat, Dubai dan sebagainya. Akan tetapi pelancong-pelancong daripada Jepun, Timur Tengah dan sebagainya boleh kita dedahkan dengan seni dan budaya Orang Asli.

Akhir sekali, saya memohon kepada JAKOA, Kementerian Kesenian dan Kebudayaan serta Perbadanan Kraftangan Malaysia untuk memfokuskan bagi mempromosi, memasarkan seni dan budaya Orang Asli.

Akhir sekali, saya menyokong...

Puan Asmak binti Husin: Mohon celahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya daripada tadi mendengar dengan teliti perbahasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Isa.

Saya cuma hendak bertanya, tadi banyak disebutkan tentang pembangunan fizikal. Bagaimana pula dengan *allocation* untuk pembangunan kerohanian ataupun insaniah Orang Asli? Adakah berlaku peningkatan dan sebagainya? Sebab, macam di Kelantan, kita ada juga Orang Asli. Jadi, ada kedapatan aduan berkaitan dengan Orang Asli ini mula ditimpa gejala-gejala sosial yang tidak sihat yang boleh menggugat anak-anak remaja Orang Asli. Jadi, saya ingin bertanya, sebenarnya tanggungjawab siapakah yang berkaitan pembangunan kerohanian Orang Asli? Adakah di bawah JAKOA ataupun MAIN, ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya?

Satu lagi, saya ingin juga bertanya. Sebenarnya keadaan pendapatan Orang Asli ini, ada berapa peratus di kalangan Orang Asli di Malaysia ini B40, M40 dan T20? Sekian sahaja.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Asmak yang saya katakan di antara Yang Berhormat yang prihatin fasal soal Orang Asli. Setiap kali perbincangan perbahasan saya, beliau akan mencelah.

Untuk pembangunan fizikal, telah kita bahas, bincangkan tadi.

Saya menyentuh tentang pembangunan kerohanian. Saya melihat usaha kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli dalam sudut pembangunan kerohanian boleh dikatakan positif. Cuma, perlu ditingkatkan lebih dalam konteks *form and meaning*. *Form and*

meaning yang saya maksudkan ialah dalam konteks yang memberi makna kepada Orang Asli.

Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan kumpulan 100 orang lebih penggerak yang dipanggil pendakwah di perkampungan Orang Asli yang ditugaskan oleh JAKIM menjaga surau, program-program mengaji dan kesedaran agama kepada komuniti Orang Asli. Di situ saya menyentuh supaya penggerak ini bukan bercerita tentang konsep Islam agama semata-mata. Apa yang dikehendaki oleh masyarakat, penggerak ini menunjukkan akhlak yang baik. Dakwah kita ialah dakwah berkaitan dengan akhlak, sifat. Oleh itu, apabila kita bercakap- kita membawa konsep Islam Melayu. Bila masuk Islam, mesti hendak sunat, mesti hendak kena sembahyang dulu, mesti hendak kena terus puasa. Padahal baru sebulan atau dua bulan masuk Islam. Apa yang dikehendaki ialah kita menunjukkan akhlak yang baik.

Sebab, isu kita dengan pembantu penggerak, pembantu penggerak kadang-kadang ada isu konflik dengan kepimpinan kampung. Sepatutnya dia menjadi pembantu kepada pembangunan kampung. Sepatutnya dia menjadi rujukan dan menjadi tepat untuk masyarakat menghadapi apa-apa masalah. Daripada situ, apabila kita bercakap dengan pembantu penggerak ini supaya melihat konteks Islam yang sebenar, membawa syariat tarekat untuk membawa maksud yang sebenar kepada Islam.

Dalam perkampungan Orang Asli juga terdapat pembantu penggerak. Penggerak tadi di bawah Persekutuan, di bawah JAKIM. Kita ada di Pahang, Perak dan beberapa buah negeri lain, pembantu penggerak. Pembantu penggerak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Ini, kalau di Pahang, boleh dikatakan 100 peratus pembantu penggerak adalah Orang Asli yang lebih memahami seni dan budaya, masalah-masalah Orang Asli.

Berkaitan juga dengan pembangunan kerohanian yang saya katakan tadi, isu-isu gejala sosial yang saya katakan tadi, supaya kerajaan, JAKOA dan majlis agama bekerjasama supaya kita lihat agama ini dapat membendung gejala-gejala sosial yang tidak baik. Kita menganut mana-mana agama pun- Kristian dan agama-agama lain- agama Baha'i agak ramai juga di kalangan Orang Asli- perlu melihat bahawa dia juga melarang kita minum arak, membunuh, terlibat gejala yang tidak baik. Maka, yang ini saya katakan, bagaimana agama itu menjadikan manusia dan kaum Orang Asli menjadi lebih baik, lebih integriti dan menjalani kehidupan yang lebih sempurna.

Akhir sekali, saya menyokong usul ini dengan sepenuh hati dan saya sempurnakan dengan dua pantun yang sesuai dengan sebudi Tuan Yang di-Pertua yang memberi ucapan saya yang agak panjang pada hari ini.

*Ada damak ada ipuh;
Naik ke bukit nampak sumpitnya;
Emas perak senang disepuh;
Besi buruk nampak karatnya.*

*Ada rumah tidak berpintu;
Ada pintu tidak bertingkap;
Saya garang memang begitu;
Mengaum sahaja tidak menangkap.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang mengakhiri dengan pantun bererti ya. Saya juga berterima kasih dan juga tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Isa yang banyak membangkitkan kepentingan Orang Asli kita dan macam-macamlah. Ada juga tentang budaya yang saya tidak dengar itu, dia kata ada joget terbang ataupun joget kereta terbanglah. Terima kasih banyak. Jadi, syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Isa.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Sila.

2.48 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Kopivosian*, selamat sejahtera saya ucapkan kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih kerana memberikan laluan untuk saya terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ataupun Belanjawan 2020 ini yang telah dibentangkan dengan jayanya oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya menyambut baik belanjawan ini kerana saya mendapati bahawa belanjawan ini adalah satu belanjawan yang mesra rakyat kerana ia mementingkan keperluan rakyat khususnya untuk golongan petani dengan memperkenalkan subsidi-subsidi, juga melihat kepada golongan minoriti yang memerlukan banyak bantuan khususnya untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Saya juga melihat bajet ini sebagai satu bajet yang dapat memacu ekonomi kita sebab beberapa insentif yang diperkenalkan oleh bajet pada kali ini dapat merangsang pertumbuhan industri kecil dan sederhana di negara ini khususnya di Sabah yang menjadi keperluan besar kepada ekonomi Sabah.

■1450

Saya juga melihat belanjawan kali ini adalah satu belanjawan yang saya rasa mesra Sabah dan Sarawak. Ini kerana Sabah dan Sarawak juga mendapat peruntukan yang agak besar juga khasnya dalam pembangunan luar bandar.

Kita tahu dalam keadaan sekarang ini, pembangunan di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua, memang ada jurang pembangunan yang besar. Jadi, itulah sebabnya saya rasa saya menyambut baik peningkatan bajet untuk kedua-dua wilayah ini khasnya berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar yang telah ditingkatkan berbanding tahun lalu. Pada tahun lalu di Sabah kita diperuntukkan sebanyak RM171 juta untuk bekalan elektrik luar bandar. Pada tahun ini kita diperuntukkan sebanyak RM216.7 juta untuk bekalan elektrik luar bandar. Manakala bekalan air luar bandar adalah sebanyak RM203.3 juta pada tahun 2019. Manakala pada tahun 2020 akan diperuntukkan sebanyak RM350.8 juta.

Ini adalah satu peningkatan yang sangat baik yang saya sambut baik sekali. Ini kerana bekalan asas ini adalah sangat diperlukan kerana pada masa sekarang ini khasnya di kawasan terpencil di Sabah masih banyak kampung-kampung yang belum ada bekalan elektrik dan air yang bersih. Walaupun begitu, saya agak terkilan kerana bajet yang ada pada tahun ini sungguhpun besar tetapi nampaknya pelaksanaan itu agak lewat. Kebanyakan daripada perancangan-perancangan yang telah dibuat untuk tahun ini, sehingga setengah tahun itu selepas bulan Oktober, projek-projek ini belum lagi dilaksanakan, malah belum dikeluarkan tender lagi.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, apakah sedang berlaku di sini? Ini kerana, walaupun peruntukan itu sudah disalurkan kepada pihak kementerian tetapi nampaknya proses untuk membawa pembangunan ini ataupun projek-projek ini sangat lambat. Adakah ini kerana kita tidak mempunyai sistem *delivery* yang cekap? Jadi, kita mahu bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan untuk memastikan bahawa proses *delivery* ini lebih cepat, lebih cekap khasnya untuk memastikan tidak ada pertindihan antara projek-projek yang dijalankan oleh kementerian-kementerian yang lain di satu-satu tempat.

Kemudian, kita juga melihat jalan-jalan perhubungan luar bandar. Saya menyambut baik juga peruntukan... *[Disampuk]*

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencilahan. Apabila bercerita tentang- Tuan Yang di-Pertua, apabila cerita tentang elektrik, saya teringat, hari itu saya pergi ke Sandakan melawat dua kampunglah, Kampung Sundang dengan Kampung Bakau. Didapati elektrik di

situ dibekalkan oleh pihak ketiga, bukan diberi oleh kerajaan negeri. Akan tetapi, saya melihat cara dia mengira elektrik itu, dia tengok ada berapa peti sejuk, ada berapa peti yang digunakan, berapa *blender*. Jadi, pada- mungkin Yang Berhormat boleh memberikan penjelasan, adakah ini perkara biasa di pedalaman Sabah ataupun ini sesuatu yang nadir.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Yang Berhormat Asmak. Perkara ini sebenarnya bukan sahaja berlaku di Sandakan, banyak tempat-tempat khasnya di kawasan yang dipanggil setinggian. Kampung-kampung yang tidak diiktiraf. Jadi, ini juga adalah masalah yang besar juga di Sabah. Di mana, meter ataupun meter elektrik itu daripada SESB tidak boleh dipasang di dalam premis-premis di mana dia dibina di atas tanah yang tidak diiktiraf oleh kerajaan. Jadi, masalahnya begitu.

Jadi, apabila ini berlaku, contohnya ada orang yang mengambil kesempatan sebenarnya untuk menjual kali kedua elektrik itu. Jadi, perkara ini sangat serius sebenarnya dan di kawasan-kawasan setinggian banyak berlaku. Kebanyakan kes-kes kebakaran sebenarnya berlaku kerana isu-isu ini. Ini kerana, apabila penyambungan haram ini dijalankan oleh pihak ketiga ini menjual elektrik secara haram, sebenarnya ini yang menyebabkan kebakaran. Jadi, itu penjelasan saya tentang inilah. Terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan perhubungan luar bandar. Saya tentunya menyambut baik bajet yang dikeluarkan atau diberikan pada kali ini. Namun apa yang saya agak sedikit kluatir adalah, setiap kali kita memperuntukkan bajet-bajet yang besar untuk memastikan jalan-jalan perhubungan luar bandar ini dapat diselenggarakan. Namun setiap tahun jalan-jalan yang sama rosak juga. Oleh sebab pendekatan yang diambil oleh kementerian kadang-kadang tidak mematuhi ataupun tidak menepati piawaian yang cukup untuk memastikan jalan yang dibina ini jalan yang baik.

Kadang-kadang tidak ada pemantauan apabila kontraktor melaksanakan projek ini maknanya kualiti yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor ini kadang-kadang tidak mematuhi piawaian dan itu menyebabkan ia rosak. Setiap kali kita minta lagi peruntukan untuk tahun yang akan datang. Saya ini bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar khasnya, ada tidak cara ataupun usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mencari jalan alternatif selain daripada gred-gred jalan yang sudah ada sekarang, contohnya jalan batu kelikir.

Akan tetapi, jalan batu kelikir ini saya nampaknya tidak efektif sebab setiap kali musim hujan, jalan raya ini akan rosak kembali. Jadi, mungkin kita juga boleh melihat alternatif seperti *Soil Reinforcement Technology*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapa bajet yang digunakan oleh pihak kementerian

untuk menjalankan *research and development* (R&D) untuk mencari alternatif-alternatif kepada jalan raya khasnya untuk perhubungan luar bandar ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk melihat bagaimana pelaksanaan projek-projek luar bandar yang diperlukan oleh masyarakat. Contohnya, apabila sesuatu projek itu khasnya di Sabah, di mana kita ada dua kementerian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar Persekutuan. Jadi, bagaimanakah kita mahu pastikan *synergy* ataupun penyelarasan yang lebih baik di antara dua kementerian Persekutuan dan negeri ini supaya tidak ada pertindihan ataupun masalah konflik apabila pelaksanaan satu-satu projek. Jadi, itu berkenaan dengan pembangunan luar bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa sedikit perbincangan tentang keselamatan. Saya menyambut baik bajet ini kerana bajet kali ini telah memperuntukkan sebanyak RM13.8 bilion kepada Kementerian Dalam Negeri manakala sebanyak RM12.4 bilion untuk Kementerian Pertahanan. Ini adalah satu bajet yang agak besar untuk memastikan kedaulatan negara kita. Akan tetapi, di Sabah kita ada satu ancaman yang sentiasa berada di pintu kita iaitu di pantai timur dan di sana kita ada ESSCOM.

Jadi, saya ingin bertanya bagaimana ESSCOM ini dapat diselaraskan di antara polis dengan tentera supaya penjagaan sempadan yang amat panjang ini, sempadan kita dengan Filipina dan Indonesia di pantai timur ini dapat dijaga dengan baik supaya tidak bolos. Oleh sebab setiap kali kalau di Sabah kita dengar tentang isu pendatang tanpa izin. Dari mana PATI ini boleh masuk kalau tidak kerana kita punya sempadan itu bolos. Jadi, saya mahu bertanya kepada kementerian, apakah penyelarasan di antara Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan untuk mengawal selia kita punya sempadan itu supaya lebih terjamin daripada dibolosi oleh pihak-pihak pendatang tanpa izin ini.

Menyentuh tentang PATI, ini adalah satu isu yang sinonim dengan Sabah. Oleh sebab setiap kali kita dengar isu Sabah, ini akan keluar. Saya masih ingat ada satu *Royal Commission of Inquiry* yang telah dijalankan beberapa tahun dahulu. Akan tetapi, laporan dan dokumentasi dalam RCI ini masih lagi belum diambil tindakan. Jadi, saya mintalah kepada Kementerian Dalam Negeri melihat apakah inti pati dan hasil daripada laporan ini supaya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memastikan bahawa semua MyKad yang dikatakan dalam laporan itu dapat dibersihkan daripada *database*. Oleh sebab tidak lama lagi kita akan ada juga pendaftaran secara automatik oleh SPR.

■1500

Jadi, kalau kita tidak bersihkan *database* JPN ini, sudah tentu orang-orang yang tidak sepatutnya berkelayakan untuk mengundi di negara kita akan mengambil kesempatan itu untuk mengundi dan sepatutnya tidak membawa kebaikan kepada negeri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masih tentang keselamatan. Saya sangat prihatin tentang kebajikan polis. Ini kerana polis ini menjaga keselamatan kita. Kebanyakan daripada polis ini juga tinggal di berek. Baru-baru ini saya berkesempatan untuk melawat satu berek polis di Keningau iaitu berek untuk Pasukan Gerak Am (PGA) di Keningau. Akan tetapi, apabila saya melawat keadaan berek itu sebenarnya sangat sedih saya nampak kerana berek itu sudah uzur dan bayangkan keluarga ahli PGA itu tinggal di keadaan yang uzur. Saya tidak boleh bayangkan macam mana anak-anak mereka membesar dalam keadaan berek yang begitu teruk.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, adakah rancangan kementerian untuk menaik taraf ataupun memperbaiki keadaan berek polis ataupun khasnya untuk berek-berek PGA di Keningau?

Kemudian, berkenaan dengan balai polis. Saya selalu ke Pekan Sook. Pekan Sook ini terletak di antara Keningau dengan Pekan Nabawan dan ia satu pekan yang agak besar juga. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, pekan ini belum ada balai polis. Cuma ada satu pondok kecil untuk balai di tempat anggota polis kita bertugas. Oleh sebab tidak ada balai, pekan ini sampai sekarang tidak ada bank sebab alasannya kerana tidak ada balai di sana untuk menjaga keselamatan. Jadi, tidak ada bank.

Jadi, kalau penduduk yang di Pekan Sook ini terpaksa pergi ke Keningau ataupun ke Nabawan hanya untuk mengeluarkan duit, dikeluarkan di mesin ATM sebab mesin ATM pun tidak ada. Akan tetapi di Pekan Sook ada balai bomba, balai polis tidak ada. ini menghairankan juga kerana kenapa tidak ada balai polis dibina di pekan ini sungguhpun ia sudah ada status daerah kecil.

Kemudian satu lagi daerah kecil di Bahagian Pensiangan ini iaitu Pekan Kecil Pagalungan. Baru-baru ini saya berkesempatan untuk pergi ke sana sebab tempat ini sangat menarik, tidak jauh dari sempadan Kalimantan. Sungguhpun kepentingan ini jalan perhubungan ini masih menggunakan sungai. Sungai-sungai ini mengalir terus ke Tarakan ke Indonesia. Ini adalah menjadi satu jalan utama di mana penduduk dari Kalimantan datang ke Sabah untuk buat *barter trade* dan menjadi laluan utama. Akan tetapi, pekan kecil ini tidak ada balai polis. Ia cuma ada satu pondok kecil. Jadi, inilah yang saya ingin bertanya kenapa Pagalungan yang di mana tempatnya sangat strategik tidak ada balai polis untuk mengawal?

Selain itu, saya difahamkan sebuah Kompleks CIQ telah dibina di sebuah kampung berdekatan dengan Kampung Bantul. Masih di tepi sungai tetapi saya dapati bahawa kompleks ini langsung tidak digunakan, *abandoned*. Saya hendak tahu kenapa ini tidak digunakan sedangkan kerajaan telah membelanjakan sebilangan wang yang besar juga untuk membina Kompleks CIQ tersebut.

Ini adalah saya bertanya, kenapa? Ini adalah kerana Indonesia tidak lama lagi akan pindahkan ibu kotanya ke Kalimantan dan saya tidak akan hairan kawasan ini ataupun laluan ini akan menjadi laluan utama orang keluar masuk ke Kalimantan satu hari nanti. Jadi, kita perlu menjaga sempadan kita ini daripada dibolosi bukan sahaja untuk oleh pendatang tanpa izin tetapi juga aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barang bersubsidi dari Malaysia masuk ke Indonesia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan ini ada banyak kaitannya dengan pendatang tanpa izin. Jadi, isu yang baru-baru ini satu pendekatan telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu pengeluaran Pas Sementara Sabah ataupun PSS. Namun, rancangan ini telah menjadi satu perdebatan yang panas di Sabah. Ini kerana saya rasa ini menjadi- walaupun bagi secara peribadi saya menyambut baik usaha ini sebab kita mesti tahu di mana PTI ini, siapa mereka, berapa ramai mereka dan kita juga ada obligasi untuk memastikan mereka ini ada dokumen.

Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, isu ini dijadikan isu politik. Ini jadi isu politik kerana saya rasa tidak ada kepercayaan oleh rakyat terhadap proses-proses yang diperkenalkan ini kerana ia tidak melalui satu proses konsultasi pemegang taruh. Saya cadangkan supaya proses ataupun Program PSS ini ditangguhkan dahulu supaya kita boleh jalankan satu proses konsultasi yang lebih menyeluruh, pastikan semua masyarakat yang mempunyai kepentingan ini terlibat dalam proses pengeluaran PSS ini. Kita juga buka peluang kepada mereka yang skeptis ataupun orang yang tidak percaya dengan proses ini untuk terlibat sama buatlah mereka ini sebahagian daripada *solution* daripada jadi mereka sebagai *problem*, dengan izin.

Jadi, saya juga mencadangkan supaya satu majlis khas untuk memantau proses PSS ini supaya rakyat lebih percaya ataupun meningkatkan keyakinan *and then* juga untuk *restore trust*, dengan izin, terhadap proses yang diperkenalkan oleh kerajaan. Saya mencadangkan majlis ini dikepalai ataupun dipengerusikan oleh mantan hakim besar kita, Tan Sri Richard Malanjum untuk membolehkan rakyat di Sabah ini diyakinkan tentang proses ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya ingin sentuh di sini adalah isu alam sekitar. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk mempromosi SDG dengan peruntukan

sebanyak RM10 juta. Saya nampak bahawa proses *Sustainable Development Goals* (SDG) ini adalah sangat penting dan wajar. Jadi, saya ingin melihat adakah kerajaan akan menerapkan SDG ini juga ke dalam kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah supaya kita juga faham dan kanak-kanak dari usia yang lebih awal sudah faham tentang apa itu maksud pembangunan mampan.

Kita juga mahu melihat bahawa SDG ini boleh diterap di semua sektor kerajaan. Kalau boleh kita pastikan setiap kementerian *adopt* ataupun mengambil SDG sebagai salah satu daripada konsep dalam operasi mereka. Ini kerana bagi saya keamanan ekonomi ini adalah sangat berkaitan dengan keamanan alam sekitar.

Sungguhpun begitu Tuan Yang di-Pertua, kita baru-baru ini dikejutkan dengan berita di Sabah di mana matinya Badak Sumatra yang terakhir di Sabah baru-baru ini di Tabin. Itu menunjukkan pupusnya satu lagi spesies-spesies yang penting di negara ini. Namun begitu, pagi ini saya juga baca *news* di Sabah ada lagi gajah *pygmy* ataupun gajah yang subspecies di *Borneo* ini mati lagi, dijumpai mati. Jadi nampaknya bahawa kepupusan spesies ini amat ketara dan juga amat serius di Sabah. Jadi, apakah tindakan oleh kerajaan untuk memastikan untuk membantu Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan konservasi ini dapat dipelihara dengan baik untuk memastikan bahawa habitat-habitat hidupan liar ini dapat dijaga.

Ini kerana kehancuran habitat dan kemusnahan hutan ini memang akan sentiasa berlaku dan kita sebagai negara yang sedang membangun memang kita dalam dilema. Kita mahu pembangunan tetapi pada masa yang sama kita juga perlu menjaga keamanan ekosistem yang ada pada negara kita ini. Ini adalah sangat penting bagi kita untuk memastikan bahawa semua orang terlibat. Saya mengharapkan pihak kerajaan terus bekerjasama dengan pihak-pihak NGO khususnya NGO-NGO konservasi, NGO-NGO bekerjasama dengan masyarakat untuk terus menjalankan program-program rehabilitasi dan juga konservasi di bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara.

Menyentuh tentang hutan, baru-baru ini kita telah dihambat hebat oleh negara-negara barat kerana kita punya kelapa sawit itu dikatakan antara pendorong penyahhutan utama. Akan tetapi ingin saya katakan di sini, kita juga harus ada satu naratif bahawa kita sebenarnya bukan menghancurkan tetapi kita juga memelihara hutan-hutan dan ekosistem yang penting ini contohnya hutan-hutan di bakau dan hutan-hutan gambut.

■1510

Jadi ini lah saya harap lebih banyak usaha untuk menjaga kawasan bakau dan gambut di negara ini. Saya harap ada peruntukan khas untuk memastikan bahawa hutan-hutan

bakau dan hutan-hutan paya gambut ini diberikan perhatian khas dan ada insentif diperkenalkan khasnya kepada peladang-peladang sawit yang ada ladang mereka di atas paya gambut supaya kawasan itu tidak ditanam semula, dapat dihutankan semula. Jadi ini adalah satu cara kita untuk mencapai *target* ataupun kita punya sasaran dalam perubahan iklim ataupun *climate change* ini.

Baru-baru sahaja ini, negara kita telah menghadiri *Climate Change Conference* (COP25) di Madrid. Komitmen Malaysia terhadap melawan perubahan iklim ini sangat ketara. Langkah yang telah dinyatakan oleh pihak negara kita adalah kita mengambil pendekatan adaptasi iaitu untuk melihat bagaimana kesan-kesan daripada *climate change* ini ataupun perubahan iklim ini dapat ditangani dengan membina empangan contohnya, untuk menangani banjir dan juga membina empangan untuk bekalan air yang ada.

Akan tetapi, saya ingin nyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, empangan bukan penyelesaian. Empangan itu adalah penyelesaian sementara sebab empangan ini mempunyai jangka hayat. Selepas beberapa tahun ia akan penuh dengan kelodak, penuh dengan sedimen. Selepas itu empangan ini tidak lagi berfungsi seperti yang kita buat. Jadi kita perlu berbelanja lagi berbilion untuk membina empangan yang seterusnya.

Sebenarnya, lebih bahaya apabila empangan yang sudah tamat tempoh ini. Siapa yang akan *maintain*? Bagaimana kita mahu *decommission* empangan-empangan ini? Jadi bagi saya empangan itu adalah satu pendekatan yang tidak sesuai.

Datuk John Ambrose: Kira mahu tanya sama- terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat dari Sabah ini cakap fasal empangan ini, saya tertarik kerana isu di kawasan saya ini ada empangan yang diumumkan oleh Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, bahawa dia akan buat empangan di Papar.

Jadi, saya kira Yang Berhormat boleh jelas, adakah empangan atau ada jalan lain di mana kita boleh *delay* ini *dam* di Penampang ini?

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, memang isu empangan ini agak panas khasnya di kawasan Datuk John di Penampang sebab cadangan untuk membina sebuah empangan dinamakan Empangan Papar.

Bagi saya empangan ini yang dibina itu Empangan Papar sebenarnya bertujuan untuk membekalkan air untuk Kota Kinabalu dan kawasan pantai barat Sabah. Walau bagaimanapun, bagi saya ada dua pendekatan ini. Empangan, bukan jalan penyelesaian. Sekali lagi empangan, bukan jalan penyelesaian.

Ini sebab pertama sekali kenapa ada isu kekurangan bekalan air di Sabah? Sebenarnya bukan Sabah kekurangan air tetapi masalah air terawat itu tidak disampaikan

dengan efektif kepada pengguna-pengguna. Ini kerana di Sabah pada sekarang ini, *non-revenue water* atau air yang hilang ini adalah pada kadar 52 peratus. Jadi kalau kita bina 10 empangan pun, kalau NRW kita, paip sedang bocor di sini, sana, sama juga empangan ini tidak ada *effect*-nya. Itu pertama.

Kedua, alternatif untuk empangan ini. Kalau kita jaga tadahan air. Kalau kita jaga kita punya hutan, khasnya di kawasan atas tadahan air kita ini. Sudah tentu kos untuk kita menambat banjir tidak terlalu tinggi. Oleh sebab apa yang berlaku adalah hutan ini secara *natural*, secara semula jadi menjadi pemapan kepada aliran air yang deras di sungai-sungai. Jadi ia mengurangkan *surface flow* ataupun air di atas permukaan ini supaya sungai-sungai tidak melimpah dengan cepat.

Jadi pendekatan yang harus di ambil oleh kerajaan adalah untuk memberi lebih banyak penumpuan untuk konservasi khasnya kawasan-kawasan di bukit dan kawasan tanah tinggi untuk memastikan apabila hujan yang terlalu panjang, ia tidak menyebabkan sungai-sungai kita melimpah begitu sahaja.

Untuk menjawab juga soalan Yang Berhormat berkenaan dengan alternatif. Sebenarnya kalau kita dapat kurangkan NRW itu kepada 20 peratus daripada 52 peratus, maknanya kita sudah ada lebih 30 peratus secara automatik. Tidak perlu bina *dam*. Tidak perlu bina empangan-empangan besar ini. Ini adalah satu daripada pendekatan yang saya rasa dalam konsep *Sustainable Development Goals* (SDGs) ini adalah pendekatan yang sangat alam semula jadi dan lebih mapan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu berkenaan dengan bekalan elektrik di Sabah. Baru-baru ini Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah berunding dengan pihak negeri Sabah untuk merasionalisasikan operasi SESB yang mana setiap tahun Kerajaan Persekutuan membelanjakan agak besar bajet untuk subsidi SESB- memastikan SESB ini terus dapat beroperasi dengan, dapat membekalkan bekalan elektrik kepada Sabah.

Walau bagaimanapun, kadar SAIDI di Sabah ini iaitu kadar di mana setiap berapa minit gangguan elektrik di Sabah masih tetap dalam tahap yang paling tinggi di Malaysia. Jadi saya berpendapat bahawa, betul lah kata orang SESB ini semua enjin sudah buruk? Ini sebab apabila gangguan ini berlaku, bukan kerana kita tidak ada penjanaan yang cukup tetapi sebenarnya masalah SESB ini mereka berdepan dengan masalah infrastruktur agihan yang sudah terlalu uzur, yang perlu di naik taraf.

Jadi saya minta pihak kementerian, adakah pihak kementerian khasnya di Kementerian MESTECC untuk meningkatkan atau menaik taraf sistem-sistem agihan yang

ada pada sekarang di Sabah. Ini sebab dapat secara terus mengurangkan kadar SAIDI khasnya di kawasan pantai timur Sabah.

Melihat kepada penjanaaan elektrik ini, saya juga mahu melihat adakah kerajaan bercadang untuk mengambil inisiatif lebih untuk melihat lebih banyak tenaga hidro kecil ini bukan tenaga hidro besar tetapi tenaga hidro kecil yang menggunakan sistem mini hidro ataupun mikro hidro ini digunakan di Sabah. Oleh sebab ini dapat membolehkan sistem ini membekalkan elektrik kepada kawasan-kawasan di luar bandar.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertu, poin yang ingin saya buat sebelum saya menggulung perbahasan saya pada petang ini adalah berkenaan dengan MA63. Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat sudah cakap berkenaan dengan MA63 tetapi saya ingin cakap juga sebab ini adalah perkara yang sangat mustahak bagi Sabah.

Ini kerana bagi saya MA63 ini ataupun Perjanjian Malaysia 1963 bukan sahaja berkenaan dengan petroleum, bukan berkenaan dengan PETRONAS, akan tetapi juga melihat kerana ada kandungan-kandungan di dalam Perjanjian Malaysia 1963 ini yang sangat penting bagi Sabah.

Pertama sekali adalah berkenaan dengan pendapatan fiskal Sabah yang mana dalam Perjanjian ini, 40 peratus haruslah dikembalikan kepada negeri pada setiap tahun dalam belanjawan ini. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan, adakah proses untuk memulangkan 40 peratus *fiscal income* ini sudah mula diberikan kepada pihak negeri Sabah? Berapa kadarnya pada waktu ini?

Kemudian berkenaan dengan devolusi kuasa. Oleh sebab dalam Perjanjian Malaysia 1963 satu konsep devolusi kuasa. Di Sabah ada dua kementerian yang saya rasa baru sahaja ditubuhkan oleh kerajaan yang baharu ini iaitu Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah dan Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Sabah, yang mana ada *counterpart* nya di peringkat Persekutuan.

Saya ingin bertanya kepada pihak pertama kepada Kementerian Pendidikan. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk menurunkan kuasa kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah ini untuk menyelia ataupun melaksanakan pengurusan pendidikan di Sabah?

■1520

Kemudian juga kepada Kementerian Kesihatan, apakah tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menurunkan kuasa kepada Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah ini dalam mengawal selia berkenaan dengan aspek kesihatan.

Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong belanjawan ini. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang yang banyak membangkitkan perkara penting mengenai Sabah dan hujah yang bernas dan baik. Syabas dan sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, dipersilakan.

3.21 ptg.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberikan untuk bersama-sama berbahas tentang Rang Undang-undang Perbekalan.

Saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah serta terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kesungguhan membentangkan Belanjawan 2020 pada Oktober lalu dengan tema, “Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama” yang mempunyai empat teras utama iaitu memacu pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi baharu dan era digital, pelaburan ke atas rakyat yakni meningkatkan keupayaan modal insan, mewujudkan masyarakat yang bersatu, inklusif dan saksama serta memulihkan institusi dan kewangan awam.

Pendekatan kerajaan dalam menstrukturkan semula pendekatan belanjawan berasaskan sifar belanjawan iaitu berasaskan kepada tahun lalu. Biasanya belanjawan dibuat berasaskan kepada belanjawan tahun-tahun yang lepas. Sebaliknya belanjawan ini dirancang dari sifar, mengikut keperluan kementerian-kementerian, merupakan belanjawan yang mampan dan berimbang.

Saya rasa belanjawan ini merupakan satu belanjawan yang amat adil dan saksama yang merangkumi semua kaum dan juga agama. Ini adalah antara belanjawan terbaik yang pernah dibentangkan oleh kerajaan pada hemat saya. Pembaharuan institusi merupakan asas lonjakan ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang yang lebih mampan dan saksama untuk rakyat.

Manfaat daripada pertumbuhan ekonomi perlu dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat sekiranya Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah ekonomi maju yang stabil. Usaha pembaharuan ini telah membuahkan hasil dan menjadikan ekonomi negara lebih berdaya tahan dalam mendepani tekanan luaran khususnya berikutan perang dagangan yang berlanjutan antara China dan Amerika Syarikat.

Meskipun perkembangan ekonomi global semakin membimbangkan, namun pertumbuhan KDNK Malaysia meningkat kepada 4.9 peratus pada suku kedua tahun 2019, daripada 4.5 peratus pada suku sebelumnya. Pencapaian ini telah meletakkan Malaysia dalam kalangan beberapa negara dunia yang berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa komen yang saya ingin kemukakan, yang pertama sekali tentang bajet yang terbesar yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan yang sebelum ini iaitu pada tahun 2019. Tahun ini menerima RM60.2 bilion dan pada tahun 2020 Kementerian Pendidikan diperuntukkan RM64.1 bilion dan ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan yang ingin menyediakan pendidikan percuma secara berperingkat-peringkat.

Saya amat bersetuju atas keprihatinan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM783 juta untuk baik pulih sekolah-sekolah yang daif. Apa yang saya hairan sekolah-sekolah daif ini terutamanya di Sabah dan Sarawak telah dibiarkan begitu sejak berbelas-belas tahun lamanya ada sebahagiannya dan sehingga sekarang saya rasa barulah Kerajaan Pakatan Harapan menyedari hakikat ini dan segera. Malahan saya rasa sebaik sahaja PH memerintah langkah segera telah pun diambil untuk memperbaiki beberapa sekolah di Sabah dan Sarawak yang begitu daif.

Sebahagian besar keadaan fizikal sekolah-sekolah di Malaysia juga amat daif terutamanya sebahagian sekolah tandasnya tidak diselenggarakan dengan begitu baik. Jadi saya rasa peruntukan ini harus juga digunakan untuk *repair* tandas-tandas sekolah di Semenanjung yang sebahagiannya begitu daif. Saya ingin mencadangkan bahawa dengan peruntukan yang banyak kemungkinan secara berfasa-fasa sekolah-sekolah di negara ini perlu dipasang dengan penyaman udara.

Hal ini kerana memandangkan keadaan cuaca di Malaysia adalah amat panas sepanjang tahun. Sedangkan saya rasa kalau kita pergi pejabat-pejabat yang tidak berhawa dingin pun kita rasa malas hendak berurusan, apa lagi guru-guru dan murid-murid terpaksa berada di dalam keadaan yang panas terutamanya sekolah dua sesi. Sesi petang, saya rasa mempunyai keadaan yang lebih serius dan saya rasa amat *stressful*, dengan izin.

Saya rasa untuk menyediakan *air conditioner* mungkin melibatkan perbelanjaan yang besar tetapi saya rasa walau bagaimanapun kita perlu merancang ke arah itu tetapi ada satu lagi yang juga akan ditanggung, mungkin lebih daripada biasa iaitu bil elektrik apabila sudah ada *air conditioner*. Walau bagaimanapun saya rasa sesuai dengan keadaan sekarang, ada

pilihan-pilihan lain seperti tenaga solar dan juga mungkin, dengan izin, *windmill* boleh digunakan di sekolah-sekolah tertentu untuk membantu mengurangkan kos elektrik.

Jadi sekiranya kos terlalu tinggi saya rasa kerajaan perlu membuat *design* yang berlainan daripada standard supaya *design* ini boleh menyejukkan keadaan sekolah. *Design*, reka bentuk dan juga bahan-bahan yang digunakan, yang kalis haba, yang mungkin boleh digunakan untuk menyejukkan sekolah sebab saya rasa keadaan ini amat kritikal dengan keadaan pemanasan global, suhu dunia semakin meningkat, begitu juga apa yang kita alami hari ini di Malaysia.

Suhu di Malaysia juga semakin meningkat, supaya sebagaimana yang saya katakan fokus guru dan murid boleh tertumpu sepenuhnya kepada pembelajaran. Jadi menyentuh mengenai penyediaan makanan percuma, sarapan percuma terutamanya kepada golongan B40 bagi sekolah-sekolah di Malaysia yang akan dimulakan mulai Januari tahun 2020, saya mohon makanan yang dibekalkan mestilah makanan yang berkhasiat.

Jadi saya rasa perlu ada sekumpulan ataupun jawatankuasa khas untuk menyediakan menu makanan-makanan ini supaya yang pertama ia mesti berkhasiat.

Kedua, terdiri daripada makanan lengkap dan yang ketiga, menggunakan hasil-hasil tempatan seperti...

Seorang Ahli: Ulam.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: [*Ketawa*] Ulam. Ulam mungkin untuk kanak-kanak seperti hasil tenusu, telur dan daging ayam. Sebagaimana kita maklum telur dan daging ayam terutamanya adalah pengeluaran tempatan yang bersifat *self-sufficient*. Jadi kalau kita sendiri yang tidak gunakan hasil ini jadi siapa lagi yang akan menggunakannya. Di samping itu, makanan-makanan ini adalah makanan lengkap dan boleh dimakan oleh semua kaum.

■1530

Di samping itu saya juga ingin membincangkan tentang peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang berjumlah RM4.9 bilion untuk tahun 2020. Jadi elaun sara hidup nelayan akan ditingkatkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan melibatkan peruntukan sebanyak RM152 juta.

Saya melihat polisi kerajaan ini hanya menjurus kepada kebajikan semata-mata. Alangkah baiknya jika polisi ini menjurus kepada perancangan untuk lebih memajukan nelayan. Jadi kita bagi akan tetapi pada masa yang sama, kita dapat hasil pengeluaran yang lebih seperti pemberian haruslah berdasarkan kepada hasil selain daripada bercirikan kebajikan. Jadi saya melihat subsidi ini tidak dapat meningkatkan hasil tangkapan nelayan dan juga tidak berjaya menurunkan harga ikan. Jadi taraf hidup nelayan masih pada tahap

yang sama. Saya ingin menyarankan kerajaan seharusnya ada perancangan khas untuk nelayan laut dalam untuk mereka meningkatkan hasil pendapatan.

Jabatan Perikanan perlu membuat satu pusat penyelidikan iaitu R&D, dengan izin, dengan bekerjasama dengan Jabatan Kaji Cuaca untuk mengkaji dan mengesan kategori seperti ikan berhijrah, ikan setempat dan ikan bermusim supaya dengan hasil penyelidikan ini, apabila nelayan turun ke laut, hasil tangkapan itu bertambah maksudnya nelayan turun ke laut dengan ilmu ya dengan ilmu.

Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM150 juta untuk Program Integrasi Tanaman bagi membantu petani, nelayan dan pekebun kecil. Mengenai peruntukan ini, saya memohon cadangkan agar ada langkah-langkah yang dibuat untuk menjamin pasaran tanaman kontan. Maksudnya kita ajar petani tanam dan pada masa yang sama kita ajar juga macam mana hendak menjual, di mana hendak jual hasil-hasil tanaman. Kalau tidak dia akan jadi lambakan.

Sebanyak RM43 juta disediakan untuk pembangunan industri pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi. Fokus utama haruslah kepada baka yang boleh memberi pulangan yang tinggi dan mudah dipasarkan. Di dalam belanjawan ini, saya tidak dapat- tidak dinyatakan berapakah peruntukan untuk penternakan. Seharusnya bidang penternakan perlu diberi perhatian sewajarnya memandangkan harga pasaran yang amat tinggi terutamanya daging lembu. Kita sebahagian besarnya bergantung kepada import terutama yang lain dan juga begitu juga dengan hasil tenusu serta daging kambing.

Jadi industri ternakan di negara kita mengalami beberapa masalah besar pertama kelulusan permohonan untuk membuat, membina reban-reban ayam atau kandang-kandang lembu, mengambil masa kelulusan lebih daripada dua tahun. Jadi hendak menternak kena tunggu dua tahun lebih Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu tenaga buruh yang terbatas, industri ternakan dan juga pertanian bergantung sepenuhnya kepada buruh asing. Akan tetapi setakat ini saya rasa sebahagian besar ladang-ladang dan juga syarikat-syarikat yang menjalankan ternakan terutama ternakan ayam mempunyai kekurangan buruh sekitar 20 hingga 30 peratus.

Di samping itu, masalah mendapatkan bekalan elektrik juga menjadi satu masalah besar kerana makin lama ladang-ladang ternakan ini ditolak jauh ke dalam hutan. Jaraknya begitu jauh dan kosnya begitu tinggi jadi TNB terpaksa memperuntukkan kos yang tinggi untuk memasukkan elektrik ke ladang-ladang ternakan itu dan penternak terpaksa menunggu sehingga lebih daripada enam bulan.

Jadi saya rasa ini adalah masalah-masalah terdesak yang harus ditangani dengan segera sebab ini adalah sebahagian daripada industri yang menyediakan atau membekalkan makanan ataupun protein yang rendah kepada rakyat Malaysia yang waktu ini, seolah-olah menjadi musuh masyarakat. Bila nampak sahaja ladang atau reban ayam, sudah dituding jari mengatakan masalah bau dan lalat itulah sumbernya. Sedangkan saya rasa masalah lalat ini berada di mana-mana kerana ia bersangkutan paut dengan masalah kebersihan.

Seperkara lagi peruntukan yang di belanjakan, digunakan, diperuntukkan untuk Kementerian Pertanian dan Asas Tani seboleh-bolehnya menyasarkan ataupun menjurus kepada pencapaian dasar pemakanan negara iaitu ke arah *self-sufficiency level* bagi mengurangkan penggantungan kepada import makanan sebagai mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa hari lepas yang kita import makanan lebih daripada RM50 bilion setahun.

Sebagai contoh jumlah import beras negara adalah dalam kadar 30 hingga 40 peratus daripada keperluan dan kita mengeluarkan setakat ini maksimum 67 peratus sahaja. Tahap pencapaian ini tidak berubah sejak tahun 1990 lagi. Jadi kita *maintain* tahap import beras pada tahap yang sama sejak tahun 1990. Jadi adakah kita berhasrat ya untuk meningkatkan kadar pengeluaran beras kita sekurang-kurangnya ke-50 peratus sebagai permulaan. Di harapkan dengan peningkatan peruntukan import padi sebanyak RM855 juta tahun hadapan di bawah Skim Baja Padi Persekutuan dan Skim Insentif Pengeluaran Padi dapat meningkatkan hasil padi negara.

Jadi peruntukan sebanyak RM200 juta disediakan untuk bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil melalui RISDA dan Lembaga Industri Getah Sabah. Subsidi musim tengkujuh ini diberikan kepada pekebun kecil yang saiz kebunnya enam ekar ke bawah. Kalau subsidi yang diberikan ini bergantung kepada saiz enam ekar, terdapat lebih daripada 12,000 peneroka FELDA yang mempunyai kebun lebih daripada lapan ekar, tidak termasuk dalam kategori ini. Jadi saya memohon kepada kerajaan untuk juga memberi peruntukan yang sama kepada pekebun-pekebun getah di FELDA ini kerana biasanya peneroka-peneroka FELDA mempunyai anak yang ramai jadi tanpa pertolongan terutamanya di musim tengkujuh ini saya rasa kehidupan mereka amat sengsara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, penjagaan kesihatan yang berkualiti merupakan antara keutamaan kerajaan. Cabaran utama dalam mencapai objektif ini termasuk meningkatkan kos penjagaan kesihatan dan kekangan kewangan kerajaan. Jadi dalam belanjawan ini, saya rasa kerajaan telah memperuntukkan sejumlah yang besar untuk Kementerian Kesihatan di

samping memperuntukkan RM1.6 bilion untuk membina hospital baharu dan naik taraf serta membesarkan hospital sedia ada.

Ini termasuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang, Hospital Kampar, Hospital Labuan dan Pusat Kardiologi Hospital Queen Elizabeth II di Sabah.

■1540

Saya rasa sudah sampai masanya sebahagian besar hospital-hospital terutamanya hospital di negeri dan juga daerah dinaiktaraf kerana saya rasa peralatan serta katilnya pun, seelok-eloknya kalau kita tengok filem *Vic Morrow* suatu ketika dahulu, masih lagi digunakan contohnya di HTTJ Seremban. Di samping itu saya rasa pada 2018, Malaysia mencatat inflasi penjagaan kesihatan kedua tertinggi di Asia selepas Vietnam. Itu mengikut kajian Marsh dan McLennan, 2019. Di samping itu laporan Ketua Audit Negara 2018 menunjukkan bahawa 58.7 peratus sehingga 74.5 peratus pesakit dirawat di Jabatan Trauma dan Kecemasan hospital awam dalam tempoh kurang daripada empat hingga enam jam. Rawatan pun empat hingga enam jam.

Selain yang itu, masalah besar kita adalah kadar pesakit diabetes di Malaysia merupakan yang tertinggi di Asia dan antara tertinggi di dunia mengikut laporan IDF 2017. Perubahan pola penyakit termasuk penyakit berkaitan dengan gaya hidup dan populasi menua akan terus meningkatkan kos penjagaan kesihatan. Justeru kerajaan disarankan untuk menganjurkan program-program kesihatan secara berterusan kerana perbelanjaan kesihatan awam terhadap penyakit-penyakit yang kronik ini adalah amat tinggi.

Sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi menyediakan perkhidmatan klinik bergerak untuk memudahkan penduduk luar bandar terutamanya Orang Asli. Ini adalah satu perancangan yang amat baik yang saya rasa tidak pernah dilakukan sebelum ini. Selain daripada memberi kemudahan, ia juga akan meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat luar bandar terutamanya golongan miskin tegar.

Seperkara lagi sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dari Sabah bahawa dalam memacu ekonomi negara kita juga amat perlu kepada anggota keselamatan terutamanya anggota polis. Buat masa ini anggota polis yang berpangkat sarjan ke bawah menghadapi masalah pendapatan yang tidak mencukupi terutamanya yang bertugas di bandar-bandar besar. Kalau bomba mendapat elaun khas sebanyak RM200 sebulan, saya rasa anggota polis juga harus diberi layanan yang sama demi meringankan beban mereka di samping mengurangkan godaan-godaan melakukan rasuah dan ugut orang lain untuk mendapatkan duit.

Di samping itu juga balai polis-balai polis yang daif saya rasa perlu dinaiktarafkan dengan kadar segera secara berperingkat-peringkat supaya anggota polis dapat bertugas dengan selesa serta bermotivasi. Jadi, kalau kerja dengan di pejabat yang daif, saya rasa ramai orang tidak minat.

Perkara yang terakhir saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pencemaran plastik. Jadi, saya rasa tindakan segera perlu diambil dan saya rasa di sekolah-sekolah juga perlu diadakan subjek khas tentang subjek-subjek sivik tentang kesedaran betapa bahayanya plastik mengikut kajian antarabangsa baru-baru ini di Indonesia dan juga di California. 30 peratus daripada ikan yang dibuat kajian mempunyai plastik di dalam sistem penghadaman. Sebanyak 30 peratus ikan laut, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, maksudnya walaupun sekarang ini kita nampak banyak sampah di Cameron Highlands di atas pergunungan tetapi akhirnya plastik dan sampah-sampah ini akhirnya sampai ke laut melalui perparitan dan melalui sungai.

Jadi ini amat bahaya sedangkan di beberapa negara juga telah mengharamkan *microbeads*, dengan izin. *Microbeads* ini adalah bahan yang kita rasa seperti seolah-olah macam pasir terutamanya yang digunakan untuk pencuci muka terutamanya bagi orang lelaki. Jadi, kebanyakan negara telah mengharamkan penggunaan *microbeads* ini kerana *microbeads* ini adalah dibuat daripada plastik. Jadi secara sedar atau pun tidak sedar, plastik ini sudah menjadi suatu ancaman kepada hidupan laut dan juga manusia. Jadi, saya rasa sebahagian daripada...

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah tidak?

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Ya?

Dr. Yaakob bin Sapari: Mencelah. Yang Berhormat, saya dapati untuk penggunaan beg plastik sudah menurun tetapi penggunaan botol plastik masih banyak. Apa usaha yang boleh kita gunakan untuk mengurangkan penggunaan botol plastik? Adakah botol plastik boleh diganti tidak dengan kaedah yang lain atau balik asal kepada botol kaca itu supaya boleh *recycle*?

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Saya rasa di pasaran ada botol-botol kaca tetapi sebab oleh kerana botol kaca ini susah, susah kerana apabila pecah dia agak berbahaya kepada semua orang. Akan tetapi saya rasa bukan soal plastik itu sendiri. Sebenarnya soalnya kesedaran tentang bahayanya plastik. Jadi, saya ambil contoh kadang-kadang kita pergi restoran sebetulnya kita tidak perlu pun *straw* tetapi kita menggunakan juga *straw*.

Jadi, perkara-perkara sebegini saya rasa rakyat Malaysia harus sedar dan sebagaimana saya katakan dalam soalan saya hari itu di Cameron Highlands kita

menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020 tetapi dalam keadaan sampah yang bertaburan di seluruh kawasan sama ada di kebun-kebun ataupun juga tepi jalan, di pekan. Saya rasa perlu diselesaikan dengan segera kerana dia akan membawa pandangan dan imaginasi yang buruk oleh pelancong asing terhadap Malaysia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong belanjawan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah bagi perbahasan yang baik dan bernas. Terima kasih sekali lagi.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Dipersilakan.

3.47 ptg.

Puan Asmak binti Husin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas pada kali ini RUU Perbekalan. Sebelum saya meneruskan kepada perbahasan saya, saya ingin menambah kepada apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam tadi iaitu berkaitan dengan pelupusan sampah, plastik dan sebagainya sisa pepejal. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan ada memberikan geran kepada PBT untuk proses pengurusan PBT termasuk pengurusan pepejal.

Akan tetapi apabila saya turun ke bawah mengkaji dan bercakap dengan PBT, didapati kebanyakan daripada peruntukan tersebut tidak digunakan untuk pengurusan pepejal tetapi banyak difokuskan kepada pengurusan operasi. Jadi, bagaimana kita hendak memastikan dengan geran yang diberi itu, pengurusan pepejal termasuk plastik dan sebagainya ini diuruskan secara efisien atau pun perlu kita wujudkan satu geran yang baharu dan sebagainya. Ini mohon jawapan lah daripada Timbalan Menteri.

Seterusnya, saya ingin teruskan kepada perbahasan saya, pertamanya saya ingin memulakan dulu dengan Surah Al-Qasas, ayat 77... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ayat ini sebenarnya berkaitan dengan *sustainable development goals* sebagai mana disebutkan oleh Yang terhormat yang terhormat sebelum ini iaitu Allah menyarankan kepada kita, apabila kita mencari rezeki ataupun membuat sesuatu pembangunan hendaklah kita menjaga hak diri kita terutama lagi hak Allah, hak orang lain termasuklah hak alam sekitar. Dilarang sama sekali untuk kita mengadakan pembangunan dan dalam masa yang sama merosakkan alam sekitar.

Ini adalah arahan yang dikeluarkan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Qasas. Bolehlah saya katakan ayat ini sebenarnya berkaitan dengan pengurusan mampan yang diuar-uarkan di peringkat dunia hari ini iaitu *sustainable development goals*.

■1550

Baiklah, bila bercakap tentang belanjawan, maka saya ingin menyentuh tentang belanjawan kali ini. Sebelum ini, kita ada banyak Rancangan Malaysia dan dasar-dasar ekonomi termasuk Dasar Ekonomi Baru lah. Jadi, didapati isu utama masih berlegar iaitu wujud jurang ekonomi antara kaum, wujud jurang ekonomi antara wilayah iaitu Pantai Barat, Pantai Timur serta Sabah dan Sarawak serta wujud juga jurang ekonomi antara golongan elit dan biasa tanpa mengira kaum dan agama.

Oleh itu, dalam merangka Dasar Kemakmuran Bersama kali ini, apakah sudah dikenal pasti penyakit utama, langkah pencegahan dan rawatannya? Apakah Dasar Kemakmuran Bersama ini bertitik tolak dari laporan yang mana atau kajian yang mana? Mohon penjelasan.

Didapati juga dalam belanjawan kali ini, kebanyakan elemen bajet yang ada adalah berbentuk operasi dan rutin *in nature* berbanding peruntukan untuk pembangunan. Kalau tengok kepada statistik di sini, 81.21 *percent* pergi kepada operasi yang berbentuk rutin dan selebihnya iaitu 18.79 peratus pergi kepada pembangunan. Oleh itu, didapati tidak ada satu kerangka ataupun struktur yang strategik untuk memastikan kita dapat meningkatkan ataupun kita kata dalam bahasa Inggeris, *to spur a sustainable economic growth*.

Berdasarkan keadaan ini, kita bimbang kemungkinan Malaysia ini akan masih terperangkaplah dengan sistem model ekonomi lama yang terdiri daripada *capital input and middle income growth*. Oleh itu, soalan saya ialah apakah strategi baharu selain daripada SST dan kaedah sedia ada untuk menambah pendapatan negara? Kita perlukan sekurang-kurangnya RM20 bilion lagilah.

Seterusnya, bagaimanakah pula strategi kerajaan untuk meningkatkan produktiviti rakyat? Sebab, kalau lihat daripada belanjawan ini, kita banyak memberi kepada rakyat dalam bentuk pemberian subsidi dan sebagainya tetapi dari sudut strategi untuk meningkatkan produktiviti tidak disebutkan dalam belanjawan ini. Berdasarkan *Malaysia Productivity Report 2018/2019*, didapati produktiviti kita pada tahun 2018 hanya 2.2 *percent* berbanding tahun 2017 ialah pada 3.7 *percent*. Jadi, kita perlukan peningkatan produktiviti untuk memastikan GDP kita ini semakin meningkat.

Seterusnya, saya juga tidak pasti apakah kerajaan akan meneruskan Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi atau kita panggil *National Key Economic Area* dengan 12 keberhasilan utama ataupun tidak. Sekiranya dalam dasar baharu ataupun belanjawan yang

baharu ini ada penumpuan bidang keberhasilan utama yang baharu, sila nyatakan dan saya mohon juga penjelasan.

Seterusnya, saya akan masuk kepada isu-isu yang saya ingin bangkitkan berkaitan dengan belanjawan. Pertama adalah berkaitan dengan pemeraksanaan wakaf di Malaysia. Wakaf adalah instrumen yang berpotensi untuk memobilisasikan sumber secara efektif untuk memenuhi keperluan sosial melalui kaedah pembangunan mampan ataupun *self-sustaining* yang terdiri daripada sumbangan individu dan tidak bergantung kepada pinjaman atau subsidi kerajaan dan perbelanjaan cukai.

Tamadun Islam termasuk Tamadun Melayu Islam juga telah menunjukkan wakaf atau yang turut juga dikenali sebagai salah satu *Islamic social financial tools* telah berperanan besar dalam menyediakan pembangunan infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Perbincangan tentang wakaf juga adalah selari dengan hala tuju Bank Dunia untuk membasmi miskin tegar dan mempromosikan kesejahteraan bersama melalui kaedah mampan.

Di Malaysia, sebenarnya kita sudah ada inovasi wakaf, walaupun perjalanannya agak perlahan berbanding aspek kewangan Islam yang lain. Contohnya di Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri dan syarikat pembangunan hartanah telah menggunakan perjanjian kongsi untung- *profit sharing*, untuk membangunkan tanah wakaf dan dijadikan rumah teres dan ofis kedai. Begitu juga *Islamic Development Bank* telah melancarkan *Awqaf Properties Investment Fund (APIF)* untuk membangunkan rumah kediaman, pejabat dan kedai-kedai atas tanah wakaf. Dalam bidang kesihatan pula, kita ada Waqaf An-Nur yang telah menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pusat dialisis kepada masyarakat yang tidak berkemampuan dan ia terbuka untuk Islam dan bukan Islam.

Oleh itu, soalan saya adalah sejauh mana kerajaan berazam untuk menjadikan wakaf sebagai salah satu teras pembangunan negara khususnya untuk mendanai pembangunan aktiviti sosial masyarakat dan bagi mengurangkan pergantungan kita terhadap perbelanjaan dan kutipan cukai serta mendidik masyarakat agar tidak bergantung kepada subsidi serta mengelakkan kerajaan menambah lagi hutang untuk membangunkan keperluan rakyat? Dalam jangka masa panjang, kalau kita tengok dalam *history*, wakaf ini mampu memecah monopoli kapitalisme.

Bagaimanakah pula sikap kerajaan terhadap wakaf yang diamalkan oleh Hindu di Malaysia? Sebab, kita tahu di Malaysia ada juga yang dinamakan sebagai Wakaf Hindu. Mungkin kawan-kawan India saya boleh betulkanlah. Jadi, adakah terma ini- bagaimana pandangan kita? Sebab, terma wakaf dalam ajaran Hindu dan terma wakaf dalam Islam itu

berbeza. Terma wakaf dalam Islam ini, ia terletak di bawah senarai negeri. So, ada bidang kuasa dialah. Jadi, mohon penjelasan kerajaan berkaitan terma wakaf ini.

Seterusnya, apakah pencapaian *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint* yang telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk menguruskan potensi wakaf bagi pembangunan sosial? Setakat ini, adakah ia berjaya dilaksanakan di semua negeri? Negeri manakah yang masih perlu dibimbing dan bagaimana?

Seterusnya, apakah perkembangan Inisiatif myWakaf yang melibatkan enam bank yang bermula pada tahun 2018 sebagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri pagi tadi? Ada sembilan negeri yang telah menyertai. Jadi, apakah lagi negeri- yang lebih negeri yang tidak *join* itu, apakah halangan-halangan? Kenapa mereka tidak menyertai program Inisiatif myWakaf ini? Mohon senaraikan projek yang telah dimulakan di negeri-negeri ini di bawah Inisiatif myWakaf. Setakat ini, berapa peratus kah sumbangan wakaf kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat berbanding sumbangan cukai dan subsidi kerajaan?

Selain daripada pihak bank yang mula menyertai pembangunan wakaf di Malaysia, adakah kerajaan berhasrat untuk meluaskan kerjasama dengan agensi-agensi di kementerian-kementerian yang berpotensi khususnya yang melibatkan *microfinancing* di bawah beberapa kementerian strategik khususnya berkaitan pertanian, keusahawanan, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan?

Contohnya, Kementerian Pertanian sangat berpotensi untuk menggunakan *vehicle* wakaf untuk mendanai projek-projek dan latihan pertanian. Sebab, baru-baru ini saya ada berjumpa dengan satu program yang diusahakan yang dinamakan sebagai *Waqf Farm*. *Waqf Farm* ini sebenarnya proses menternak ayam menggunakan kaedah wakaf tetapi melibatkan rakyat yang tidak berkemampuan. Jadi, kalau Kementerian Pertanian mengadaptasi kaedah ini, jadi mungkin pergantungan kita terhadap subsidi, perbelanjaan cukai dan sebagainya dapat dikurangkan.

Apakah langkah kerajaan melalui Belanjawan 2020 untuk menyediakan suasana sesuai untuk inovasi teknologi iaitu *fintech* bagi memastikan wakaf dapat mencapai tahap keberkesanan tertinggi dan boleh menarik lebih banyak penyumbang dan mengurangkan beban kerajaan? Siapakah pihak yang benar-benar bertanggungjawab untuk melatih kepakaran dan membentuk kesedaran di kalangan pemain-pemain industri termasuk agensi-agensi dalam kementerian untuk terlibat secara aktif dalam industri wakaf di Malaysia?

Akhir sekali, saya juga ingin bertanya berkaitan dengan *dispute case* lah yang berkaitan dengan wakaf. Adakah kes-kes berkaitan dengan wakaf ini didengari di bawah *court*

muamalat under civil atau didengar di bawah sivil ataupun didengar di bawah syariah? Sebab, wakaf ini keberkesannya memerlukan kepakaran daripada sivil dan juga *Islamic finance* lah.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang reformasi Dewan Negara. Berbanding Dewan Rakyat, Dewan Negara seharusnya berupaya menjadi pusat semak yang efektif setiap polisi dan rang undang-undang. Namun begitu, hasrat ini akan terpadam sekiranya pemerksaan Dewan Negara tidak dilaksanakan.

Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah langkah kerajaan seterusnya selepas penyerahan laporan oleh Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara? Bilakah kerajaan ingin mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 sebagaimana diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2018 bagi meningkatkan kuasa autonomi Parlimen?

Selain pemerksaan Dewan, saya juga melihat pemerksaan Ahli Dewan juga sangat penting. Pengalaman saya apabila masuk ke dalam Dewan, kita memang tidak ada idea apakah itu rang undang-undang, bagaimana hendak membaca aturan urusan mesyuarat, kan? Maksudnya dari segi teknikal itu, kita tidak ada latihan dan taklimat. Oleh itu, saya menyarankan agar diadakan latihan supaya gerak kerja kita ini menjadi lebih efektif sebagai pusat revisi di Parlimen.

Nampaknya juga dari sehari ke sehari, bilangan Ahli Dewan Negara wanita semakin berkurangan. Kemungkinan kita perlu ada satu sistem jugalah. Macam Kelantan kan, memang satu Kerusi kita memang *fight* lah untuk wanita macam mana pun. Jadi, mungkin kena ada kuota juga untuk diperkenalkan bagi memastikan suara wanita diangkat walaupun mungkin tidak mencapai *30 percent*.

Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan agar Unit Penyelidikan Parlimen dinaiktarafkan. Saya lihat di Parlimen lain, contohnya di Iran, Jabatan Penyelidikan mereka berupaya memberi nasihat, mempunyai jurnal yang tersendiri dan keanggotaan juga ketat.

■1600

Jawatan tertinggi mesti diduduki oleh profesor dan *assistant professor* tetapi kita tengok kalau Unit Penyelidikan kita, masih lagi mempunyai staf kontrak yang disambung setiap dua tahun sekali dan berusia belasan tahun pun sudah ada. Jadi, saya mohon untuk dinaiktarafkanlah Unit Penyelidikan Parlimen untuk membantu proses kelancaran Parlimen itu sendiri.

Saya juga ingin bertanya tentang bangunan yang baru siap di belakang. Adakah ada peruntukan untuk Ahli Dewan Negara di sana sebab saya dengar sudah ada lawatan ke sana

tetapi mungkin kita tidak dapat sebarang maklumat dan adakah peruntukan pejabat pembangkang di situ?

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan pemilikan rumah oleh B40 dan M40 terutamanya. Sebelum ini saya ada bangkitkan tentang isu pemilikan rumah dalam sesi soal jawab. Laporan menunjukkan rumah di Malaysia ini memang tidak mampu milik dan ada lebih stok. Kalau kita tengok di Selangor, harga maksimum mampu milik ini adalah pada RM375 ribu.

Akan tetapi kebanyakan rumah kalau kita pergi tengok di pameran MAPEX yang baru diadakan dalam bulan lepas, rata-ratanya dalam RM450 ribu, RM480 ribu, RM500 ribu yang mana ia memang tidak mampu milik. Begitu juga di negeri-negeri lain termasuk di negeri Perlis, purata gaji yang boleh beli rumah ialah sekitar RM294 ribu tetapi kita dapati ada rumah RM400 ribu yang dibina.

Begitu juga di Sungai Petani pun kita masih ada lambakan rumah yang berharga sekitar RM400 ribu, RM500 ribu kerana di sana gaji mereka kebanyakannya hanya mampu membeli RM296 ribu sahaja. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk mengawal pembangunan rumah berdasarkan purata median gaji.

Kesedaran dan *political will* perlu ada termasuk di kalangan pemaju perumahan untuk mengatasi isu ini. Sepatutnya pembangunan di sesuatu tempat harus mengambil kira data penduduk di sesuatu tempat. Mungkin sudah kita perlu masukkan dalam SOP atau syarat pembangunan, rujukan data atau pengiraan yang merujuk kepada Jabatan Perangkaan untuk memastikan pembangunan kediaman benar-benar mencapai matlamat untuk menyediakan keperluan asasi rakyat.

Selain daripada itu melalui kempen dan pelbagai insentif, didapati masih ada lagi lebih harta tanah RM90 ribu hingga RM300 ribu. Walaupun ada berkurangan tetapi masih ada lagi lebih kurang 31 peratus harta tanah bernilai RM250 ribu yang tidak terjual.

Oleh itu saya ingin bertanya apakah langkah kerajaan untuk mengatasi lebih rumah mampu milik. Kalau tadi yang bernilai RM300 ribu, RM600 ribu yang dibincangkan sebelum ini. Akan tetapi ini memang RM250 ribu dan tidak terjual. Jadi, langkah kerajaan untuk mengatasi lebih rumah mampu milik dan berapa peratuskah daripada pembelian melalui kempen HOC yang diadakan baru ini adalah pembeli rumah pertama.

Sebab sebagaimana pengalaman, melalui kempen-kempen dan insentif yang diadakan sudah semestinya pembeli rumah kedua, ketiga juga akan mengambil peluang. Caranya mudah sahaja apabila pembeli rumah pertama tidak lepas itu, maka kita akan masuklah beramai-ramai dan akhirnya matlamat untuk memastikan setiap orang dapat rumah

itu tidak tercapai. Jadi, saya ingin tahu berapa peratuskah sebenarnya pemilikan rumah itu melibatkan pemilikan rumah pembeli pertama.

Mungkin sudah tiba masanya ada pihak yang memberi konsultasi dan manual secara praktikal bagaimana penyusunan ataupun yang saya sebutkan semalam, dokumentasi pendapatan dan perbelanjaan yang berupaya meningkatkan nilai ambang tahap kelayakan pinjaman rumah berdasarkan pandangan bank. Memang diadakan program literasi kewangan untuk rakyat tetapi program literasi kewangan ini, ia berbentuk umum. Kadang-kadang kita boleh dapati dalam *internet* dan sebagainya. Akan tetapi sebenarnya kalau ikut kaedah bank, mungkin ia ada sedikit teknikal. Kaedah inilah yang kurang dikuasai oleh rakyat sehingga mereka tidak mampu untuk memiliki rumah walaupun ada *cash* yang banyak.

Seterusnya, apakah tindakan kerajaan untuk menangani pembelian rumah oleh warga asing yang boleh menaikkan harga rumah. Kalau sebelum ini kawan-kawan, sahabat-sahabat banyak membangkitkan tentang RM600 ribu boleh dibeli. Akan tetapi saya tidak hendak fokus yang itu, saya ingin fokus kepada untuk jangka masa panjang didapati melalui laporan *South China Morning Post* melaporkan bahawa Malaysia adalah negara kelima paling popular untuk pembeli daripada negara China membeli rumah dan laporan menunjukkan nilai itu meningkat sehingga dua kali ganda untuk lima suku terakhir ini.

Kita dapati laporan juga menunjukkan ada negara yang sudah terkesan dengan pembelian kuasa beli oleh *billionaire* China yang mereka berkemampuan untuk membeli rumah di negara lain macam di New Zealand contohnya. Jadi, untuk jangka masa panjang, apakah langkah kerajaan untuk mengawal hartanah kita dan daripada dibeli oleh warga asing yang mampu meningkatkan harga tanah di Malaysia sendiri.

Selain daripada ini, harga tanah di Malaysia juga meningkat disebabkan oleh proses spekulasi iaitu beli-jual. Beli-jual meningkatkan juga proses spekulasi dan ini sebenarnya mengganggu juga proses pemilikan hartanah oleh rakyat yang sepatutnya dapat.

Seterusnya, apakah kerajaan bercadang untuk mengawal trend melanjutkan tempoh pembiayaan rumah hingga 40 tahun sebab ia boleh membebankan rakyat untuk jangka masa panjang. Harga rumah tetap sama, bayar lebih rendah sebab tarik 40 tahun, tetapi *interest* tinggi beban hutang pula panjang tetapi yang untung tetaplah pemaju.

Seterusnya, kenapakah kerajaan yang perlu mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan isu lambakan rumah RM600 ribu ke atas? Apakah peranan pemaju dalam hal ini? Sekarang kita nampak seolah-olah mereka ini menunggu kerajaan sepenuhnya untuk ambil tindakan dan kadang-kadang mereka ambil peluang, kerajaan menggunakan bajet kerajaan untuk mempromosi *My Second Home* jadi rumah itu dapat terjual. Sebab kita tengok

trend di kalangan pemaju ini ketika membuat insentif dan promosi rumah, mereka masih menggunakan trend yang sama iaitu kalau kita pergi dalam tempoh kegawatan sekarang mereka akan menawarkan pembelian rumah dengan *legal fees* percuma- itu kadang-kadang biasa tetapi sekarang kalau beli rumah dapat *free air con, kitchen cabinet* dan lain-lain lagi. Bila kita buat *calculation*, sebenarnya kadang-kadang harga itu lebih mahal daripada harga biasa. Ini menunjukkan bahawasanya pemaju masih lagi mungkin tidak terlibat aktif dalam membantu untuk menjual lebih rumah ini dan kita *demand* daripada mereka sekurang-kurangnya untuk menurunkan harga rumah dengan diskaun yang *genuine*.

Seterusnya saya akan berpindah kepada beberapa isu di bawah beberapa kementerian yang lain pula. Pertama, berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Dalam perancangan kerajaan, bilakah SSL untuk komoditi agromakanan berikut akan mencapai 100 peratus iaitu beras, sayuran, buah-buahan dan daging lembu, kerbau, susu segar. Sebab ini adalah makanan asasi yang memastikan nutrisi itu dapat dibekalkan kepada rakyat.

Macam saya seorang ibu, saya sangat terasa apabila membeli bahan makanan dan saya hendak pastikan bahawa makanan yang diperolehi oleh anak saya itu adalah makanan yang seimbang. Contohnya susu segar, bila pergi ke luar negara, harga susu segar ini murah berbanding di Malaysia, sedangkan di Malaysia kita boleh memelihara lembu dan menghasilkan susu yang baik juga macam negara lain. Kalau kita tengok di sini, beras pun kita masih hanya di bawah 69.5 *percent* dan tidak sampai lagi 80 *percent*, 90 *percent* lah.

Okey seterusnya berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Saya hendak merujuk kepada buku belanjawan. Ada dua misi yang saya tertarik di sini. Pertamanya ialah berkaitan mentransformasikan sektor pertanian supaya menjadi sektor moden, dinamik dan kompetitif. Jadi, saya ingin tahu berapa peratus daripada petani di Malaysia sudah termasuk dalam kategori petani berkemahiran tinggi?

Keduanya pula, baru-baru ini saya pergi membuat lawatan ke Jepun lalu didapati di sana petaninya bersifat berdaya saing yang tinggi kerana pertubuhan peladang mereka ini bergerak secara aktif dan dinamik di mana untuk memastikan kualiti dan kuantiti petani mengikut R&D yang mereka lakukan, mematuhi R&D yang mereka lakukan, maka petani ini akan terpaksa mengikuti arahan pertubuhan peladang. Ini kerana kalau tidak mereka akan terkeluar daripada kumpulan. Jadi nampaknya kalau di Jepun ini, pertubuhan peladang itu memainkan peranan yang sangat penting. Jadi, apakah peranan pertubuhan peladang di Malaysia untuk memastikan kuantiti, kualiti- macam NAFAS kan.

Apakah peranan NAFAS sebab kita ada Ahli Lembaga Pengarah NAFAS di sini. Akan tetapi sebut fasal NAFAS ini saya pun hendak masukkan sedikit dalam perbincangan saya ini.

Semalam ada perbincangan fasal RM900 juta dengan RM1.4 bilion ya, mungkin ada penjelasan. Ini sebab saya tengok dalam *Sinar Harian* ini, Yang Berhormat Menteri menyatakan rundingan itu berjumlah RM1.4 bilion bukan? Rundingan terus terbuka itulah. Jadi, kalau mengikut Ahli Lembaga Pengarahnya adalah RM900 juta, jadi mungkin- saya tidak tahulah hendak percaya mana satu. Akan tetapi saya rasa mungkin saya percaya kawan saya ini *kot*. Jadi mungkin *clarify*- percaya dia lah, sebab Ahli Lembaga Pengarah.

■1610

Akan tetapi, masih berkisar antara sejumlah RM1.4 bilion ataupun sejumlah RM900 jutalah. Jadi, pokok pangkalnya ialah kalaulah NAFAS ini dapat diangkat ataupun pertubuhan peladang lain dapat diangkat selaras seperti kita panggil di Jepun, JAS. Maka, petani kita akan dapat mencapailah tahap petani berkemahiran tinggi pada suatu hari nanti.

Seterusnya, saya lihat juga di sini misi yang kedua ialah Malaysia kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia. Jadi saya ingin tahu, apakah sebenarnya *target* Malaysia? Makanan apa yang kita hendak sebarkan kepada dunia? Ini sebab kalau kita tengok, kalau di peringkat Malaysia pun kita masih lagi maknanya tidak dapat menampung keperluan rakyat. Jadi kalau ikut perancangan kerajaan, apakah makanan yang kita ingin kuasai di peringkat dunia? Kalau ada, mohon senaraikan.

Seterusnya, untuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), sejauh manakah keberkesanan *Buy Halal First*, adakah ia diprogramkan secara strategi atau diuar-uarkan sahaja berbanding BHF didapati *Buy Muslim First* ini mampu menurunkan harga barang? Jadi, apakah kementerian bercadang untuk mengintegrasikan dua pendekatan ini bagi manfaat rakyat?

Kemudiannya, saya dapati ada juga peruntukan bajet sebanyak RM10 juta untuk program *Rahmatan lil alamin*. Saya juga cuba akseslah program-program yang dijalankan tetapi saya dapati ia masih lagi berkisar tentang konsep dan dasar '*rahmat*' itu sendiri. Jadi, soalan saya ialah apakah isu utama yang ingin ditangani dan apakah *outcome* yang diharapkan daripada pelaksanaan dasar ini? Apakah KPI yang telah dibangunkan sebagai *indicator* dalam rancangan ini dan ia melibatkan berapa fasa dan untuk tempoh berapa tahun? Jadi, ini disebabkan disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di sini, tujuan program *Rahmatan lil alamin* ini adalah untuk memperkasakan perpaduan dalam negara. So, ia seolah-olah integrasilah antara Kementerian Agama dan juga PERPADUAN.

Seterusnya, berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, adakah kerajaan berhasrat untuk kolaborasi dengan pusat ibadat seperti masjid dan pondok untuk memperbanyakkan PAWE kerana tempat ini menyediakan aktiviti khusus

untuk warga emas dan menjimatkan kos di pihak kerajaan ataupun menubuhkan rakan PAWE yang bersifat mesra warga emas. Ini kerana mungkin untuk menubuhkan PAWE sepenuhnya, memerlukan sesuatu pusat itu mengikuti kriteria yang penuh. Akan tetapi, kalau rakan PAWE ini dapat digembleng, maka kita akan ada banyak pusat mesra warga emas pada masa hadapan yang boleh dapat menampunglah keperluan warga emas dan Malaysia juga yang akan jadi *ageing country* pada masa akan datang.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang isu Kelantan. Pertama berkaitan dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. Kalau ikut pada jawatankuasa yang ada di peringkat negeri, sekarang ia diwakili oleh Pegawai Tadbir Negeri tetapi tidak ada wakil daripada EXCO yang berkaitan. Sekurang-kurangnya, maknanya Pengarah Urus Setia Pembangunan Kebajikan itu tidak ada.

Jadi, ini menyebabkan penyelarasan apabila berlaku bencana itu, agak kurang. Oleh itu, saya memohon penjelasan pihak Yang Berhormat Menteri, kalau dibolehkan untuk memasukkan salah satu wakil agensi portfolio EXCO juga ke dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri agar memudahkan pengurusan bencana dan pengurusan risiko bencana. Ini sebab begini, kalau rakyat apabila berlaku banjir contohnya, perlukan rumah dan sebagainya, dia tetap akan berjumpa dengan EXCO ataupun agensi di bawah EXCO. Jadi, tidak sudah juga. Jadi, lebih baiklah dimasukkan sebagai salah satu AJK, lebih memudahkan penyelarasan.

Seterusnya, siapakah pihak yang bertanggungjawab di Malaysia untuk melatih pakar menangani bencana mengikut jenis bencana terutama bagi negeri yang sering ditimpa bencana seperti Sabah dan Kelantan.

Seterusnya, adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan pemberian? Ini macam disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip iaitu pemberian mengikut bilangan orang kepada negeri dan mengikut pindaan terakhir pada tahun 2006, purata per kepala rakyat Kelantan adalah sebanyak RM14.60 sen per kepala. Apakah asas pengiraan ini? Pada pandangan- saya rasa ramailah Yang Berhormat di sini, ia patut dinaikkan kerana sejak daripada tahun 2006, ia tidak pernah dinaikkan.

Seterusnya, ada juga rungutan daripada para petani di Kelantan khususnya penanam padi yang menghadapi ancaman bencana kemarau yang berpanjangan dan beberapa negeri lain juga. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi menghadapi isu yang sama pada tahun hadapan? Isu kutipan hasil dari sumber perikanan juga turun mendadak pada tahun 2019, selepas proses...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Sekejap. Berhenti sekejap ya.

Puan Asmak binti Husin: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Okey, saya sambung balik. Isu kutipan hasil dari sumber perikanan turun mendadak pada tahun 2019 selepas proses pemutihan bot-bot asing. Apakah langkah kementerian bagi memastikan hasil melalui sektor ini tidak terjejas dalam skala yang besar? Apakah langkah atau mekanisme baharu yang akan diambil oleh kementerian bagi meningkatkan pendaratan ikan di Kelantan?

Kelima, apakah insentif kepada penternak lembu daging khususnya di Kelantan dalam rangka mengurangkan kebergantungan kepada bekalan daging import daripada luar? Macam saya sebutkan di awal perbahasan tadi.

Keenam, apakah status permohonan pertukaran pinjaman kepada geran untuk projek membaik pulih loji rawatan pembetungan yang telah dihantar suratnya sejak tahun 2012 tetapi sehingga sekarang tidak dapat apa-apa jawapan. Mengikut pengetahuan kami, hanya negeri Kelantan yang menerima pinjaman sedangkan negeri lain ia menerima geran. Jadi, apa beza kami dengan yang lain ini?

Seterusnya, akhir sekali, berapakah nilai dan senarai projek yang akan dinikmati rakyat Kelantan melalui Belanjawan 2020? Ini saya mohon jawapan bertulislah kerana lebih mudah untuk senaraikan dan dimasukkan bersekali dengan perbahasan saya, *progress* projek-projek yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Rahimah pagi tadi.

Sekian saja perbahasan saya pada petang ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying.

4.17 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 di Dewan yang mulia ini. Di sini, juga ingin saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan yang telah berjaya membentangkan belanjawan buat kali

yang kedua dengan tema, 'Kemakmuran Bersama: Menjana Pertumbuhan Inklusif yang Berkualiti ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi'.

Tema kemakmuran bersama adalah amat tepat sekali kerana di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan harapan, sememangnya hasrat dan perjuangan kami adalah untuk mengkongsikan hasil usaha negara kita bersama rakyat jelata tanpa mengira umur, kaum, agama, latar belakang atau geografi. Setiap warganegara memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan negara ini.

Oleh itu, adalah tepat jika buat hasil kemakmuran negara sama ada dari segi sosial ataupun ekonomi, seharusnya dikongsi bersama dengan semua. Negara kita diberkati dengan sumber asli yang kaya dan hasil usaha seluruh negara, seharusnya di kongsi kan bagi meningkatkan mutu dan kualiti kehidupan rakyat jelata dan bukannya untuk mengayakan segelintir pemimpin dan *elitist* sahaja.

Lebih teruk lagi, apabila pemimpin yang bersifat *kleptokrat* yang merompak harta negara sepertimana yang dilakukan terdahulu. Akibat ketamakan sesetengah pemimpin dalam skandal-skandal besar seperti 1MDB, Lembaga Tabung Haji, FELDA dan MARA, negara kita juga yang terpaksa menanggung kerugian kewangan yang cukup besar. Namun, syukur Malaysia adalah negara yang kaya bukan sahaja dari segi sumber asli tetapi juga dari segi aset yang terpenting iaitu rakyat kita. Justeru itu, Pakatan Harapan percaya bahawa pemerksaan rakyat jelata akan menjadi- *sorry*. Pemangkin pembangunan negara dan membolehkan kita mencapai matlamat kemakmuran bersama yang diilhamkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada salah satu teras utama dalam Belanjawan 2020 iaitu berhubung dengan pelaburan ke atas rakyat, meningkatkan keupayaan modal insan. Seperti mana saya bangkitkan tadi, pelaburan terbaik negara ini adalah ke atas warganegaranya.

■1620

Dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi dan berdaya saing, kita yakin pendekatan ini mampu mencapai visi kemakmuran bersama di kalangan rakyat. Saya memuji Kerajaan Persekutuan yang prihatin khususnya di dalam inisiatif Malaysia Kerja yang bertujuan untuk menangani isu-isu yang menjadi faktor penting kepada sektor tenaga kerja negara kita.

Belanjawan 2020 telah merangka insentif yang menyasarkan golongan-golongan seperti graduan, wanita, anak watan dan juga pelatih bagi Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Melalui kaedah insentif, kita berharap agar sektor swasta

dapat mengambil peluang ini untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang layak di dalam kategori yang tersasar bagi meningkatkan lagi prestasi sektor tenaga kerja kita. Ingin saya menyeru kepada golongan graduan wanita dan anak tempatan kita mengambil peluang ini untuk menceburi peluang pekerjaan yang bakal digunakan melalui insentif ini.

Bagi meyakinkan lagi penyertaan sektor swasta, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan seharusnya memperincikan lagi kaedah insentif tersebut dan mengadakan lebih banyak sesi taklimat khususnya dengan kerjasama pertubuhan dan persatuan keusahawanan dan perniagaan bagi menjalankan inisiatif yang baik ini. Tidak guna mengadakan banyak program yang baik jika rakyat tidak mengetahuinya. Saya juga menyarankan agar kempen publisiti dan komunikasi melalui semua saluran media termasuk media sosial dipertingkatkan mengenai perkara ini.

Selain daripada itu, inisiatif pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional ini turut menerima insentif di dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan. Namun hakikatnya masyarakat kita yang mementingkan konsep pelajaran secara akademik masih dibelenggu oleh stigma negatif khususnya kepada Program TVET ini. Ramai di kalangan ibu bapa masih mempunyai pandangan bahawa dalam penyertaan Program TVET ini kononnya adalah untuk mereka yang gagal di dalam pelajaran dan tidak dapat melanjutkan pelajaran di institusi pelajaran yang lebih tinggi. Ini tidak benar sama sekali malah TVET adalah pilihan utama di kebanyakan negara yang maju seperti German.

Menurut statistik pada tahun 2016, hampir separuh iaitu 47 peratus daripada populasi German mempunyai kelulusan TVET secara formal. Kecenderungan rakyat German yang memilih kursus TVET daripada universiti telah membantu negara tersebut mengurangkan kadar pengangguran di kalangan orang muda. Kini, German mempunyai kadar pengangguran orang muda yang paling rendah di Eropah.

Tambahan kepada itu, German juga merupakan negara dengan tenaga kerja yang paling produktif dan semuanya terhasil daripada Sistem Dual Latihan- *dual training*, dengan izin, yang menggabungkan latihan amali di tempat kerja bersama-sama dengan latihan teori di kelas. Kejayaan sistem dual latihan ini telah menarik minat negara-negara untuk menggunakan modul yang sama malah negara Asia seperti India, China, Rusia dan Vietnam kini sedang bekerjasama dengan Kerajaan German untuk meningkatkan sistem latihan di negara masing-masing.

Di sini saya ingin memetik usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang perintiskan Program Dual Latihan, *German Dual Vocational Training* sejak tahun 2015

dengan kerjasama antara *German-Malaysian Institute*, *Penang Skills Development Centre* dan Kerajaan Negeri sendiri. Matlamat GDVT ini adalah untuk memastikan pembekalan tenaga kerja yang bukan sahaja berkemahiran tetapi bersedia untuk industri- *industrial ready*.

Program ini bukan hanya untuk lepasan sekolah tetapi juga boleh meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang sedia ada. Para pelatih akan menerima latihan amali di tempat kerja yang sebenar dengan elaun yang berpatutan dan pada masa yang sama juga akan diajari di kelas oleh jurulatih yang kompeten. Apa yang paling bagus sekali, kesemua pelatih yang lulus kursus tersebut boleh dikatakan akan terjamin dari segi pekerjaan kerana mereka akan menjadi graduan yang berkemahiran dan bersedia untuk industri.

Untuk menjayakan program ini, Kerajaan Negeri membantu dengan subsidi sebanyak RM3,000 bagi setiap pelatih di peringkat *Skills Diploma* serta RM1,000 bagi setiap pelatih di peringkat *Advance Skills Diploma*. GDVT di Pulau Pinang telah dimulakan pada tahun 2015 dengan Program Mechatronics dan kini mempunyai 11 syarikat yang telah menghasilkan lebih 140 pelatih.

Pada tahun lepas, GDVT telah dikembangkan dengan pelancaran dua program baharu iaitu *Electronics and Automation Technology* dan *Industrial Management* di samping program *mechatronics* yang sedia ada. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga giat menjalankan kempen pemasaran dan promosi untuk memperkenalkan GDVT di kalangan pelajar sekolah.

Saya percaya Kerajaan Persekutuan juga maklum mengenai program GDVT di Pulau Pinang dan mungkin boleh mempertimbangkan pengenalan program yang serupa di peringkat kebangsaan dengan kerjasama industri dan sektor pendidikan. Sekiranya pendidikan TVET dapat dipertingkatkan, saya yakin Malaysia akan bertambah maju dengan rakyat yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada Belanjawan 2020 ini, kita turut digembirakan dengan pengumuman bahawa RM100 juta akan diperuntukkan kepada Negeri Pulau Pinang untuk pembinaan sistem kereta kabel baharu ke Bukit Bendera. Saya sememangnya menyambut baik pengumuman ini yang sekali gus akan melonjakkan daya tarikan sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan penawaran produk pelancongan yang baharu.

Negeri Pulau Pinang sememangnya unik dan menjadi sebuah destinasi unggul pelancongan di rantau ini dan usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengagihkan cukai pelancongan kembali kepada negeri-negeri berdasarkan prestasi adalah disambut dengan baik dan sememangnya patut dilakukan dari dahulu lagi.

Susulan daripada ini, saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan peningkatan nisbah pengagihan kutipan cukai pelancongan ini khususnya kepada Negeri Pulau Pinang yang kini rancak bersiap-sedia untuk melaksanakan *Experience Penang Year 2020*, selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 juga.

Saya juga menyambut baik usaha kerajaan untuk melaksanakan sistem permohonan e-Visa kepada 10 buah negara termasuk negara China dan India bagi memudahkan proses pengeluaran visa. Namun adalah diharapkan bahawa pertimbangan dapat diberikan kepada mengecualikan syarat visa khasnya kepada pelancong dari China dan India boleh menggalakkan lebih ramai pelancong berkunjung ke negara kita. Kita sedia maklum bahawa pelancong China adalah pelancong yang mempunyai kuasa pembelian yang tinggi dan makin menarik.

Menurut statistik *Tourism Malaysia*, jumlah pelancongan China setakat bulan Mei tahun ini telah bertambah 7.6 peratus daripada 1.24 juta kepada 1.33 juta berbanding tahun lepas. Malah dari bulan Januari hingga Mac, pelancong China telah membelanjakan RM3.71 bilion di negara kita iaitu peningkatan 20.6 peratus berbanding RM3.08 bilion bagi tempoh masa yang sama tahun lepas.

Purata perbelanjaan setiap pelancong China juga meningkat 10.9 peratus daripada RM3,979 pada tahun lepas kepada RM4,411 pada tahun ini. Seramai 150 juta orang dari China telah berkunjung ke luar negara pada tahun lepas dengan perbelanjaan sebanyak RM500 bilion. Buat masa ini, Malaysia hanya menarik lebih kurang tiga peratus pelancong China daripada jumlah besar tersebut. Saya yakin kita dapat meningkatkan pendapatan pelancongan negara kita dengan banyak sekali jika kita dapat menarik lebih ramai pelancong dari Negara China.

■1630

Pada masa ini, Malaysia merupakan destinasi keenam paling popular bagi pelancong China. Oleh itu, saya menyeru agar Kementerian Pelancongan meningkatkan usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan lagi-lagi sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Isu perumahan merupakan salah satu isu yang penting dan sering kali dibicarakan di kalangan rakyat. Saya menyambut baik usaha Kerajaan Persekutuan yang memperkenalkan program-program seperti pengenalan Dana Rumah Mampu Milik oleh Bank Negara Malaysia dan Skim Pembiayaan Sewa untuk Memiliki atau *Rent to Own*, dengan izin, yang bertujuan untuk memastikan setiap keluarga di negara ini memiliki rumah kediaman yang diidamkan. Akan tetapi, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat mengambil

tindakan yang lebih proaktif bagi memastikan pembekalan perumahan yang benar-benar mampu dimiliki dapat direalisasikan.

Beberapa kajian yang telah dilaksanakan oleh Khazanah dan Bank Negara Malaysia telah menunjukkan kadar mampu milik atau *affordability* perumahan dan kadar pendapatan rakyat yang tidak seimbang. Bagi mencapai keseimbangan iaitu memastikan jenis perumahan yang dibina benar-benar mampu dimiliki oleh rakyat kita, saya rasa kita tidak boleh membenarkan kuasa pasaran sahaja yang menentukan harga perumahan malah Kerajaan Persekutuan seharusnya mengambil tindakan proaktif seperti mengenakan syarat dan harga perumahan di kawasan tertentu serta memberikan insentif kepada pihak pemaju yang sudi menawarkan projek perumahan dengan harga yang mampu dimiliki.

Pendekatan menggunakan insentif ini telah digunakan di negeri Pulau Pinang dengan jayanya. Antara insentif yang ditawarkan untuk pemajuan 100 peratus rumah mampu milik termasuk...

Datuk Razali bin Idris: Minta laluan boleh? Saya hendak tanya sedikit.

Puan Lim Hui Ying: Boleh.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya, di Pulau Pinang, rumah kos rendah yang paling murah sekali berapa harganya? Yang paling murah sekali? Itu soalan saya, untuk rakyat marhaen.

Puan Lim Hui Ying: Untuk rakyat kita ada beberapa jenis tetapi yang murah sekali is RM75 ribu, *if I am not mistaken but I kena double check.*

Datuk Razali bin Idris: Kalau di Terengganu paling murah RM30 ribu saja, maknanya tidak murahlah di Penang.

Puan Lim Hui Ying: Di Penang sebab *cost of living* tidak sama [*Ketawa*]

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. Okey, saya sambung ya. Dengan dasar-dasar ini, kerajaan negeri telah berjaya menggalakkan pembinaan rumah mampu milik oleh pihak swasta. Setakat ini, sebanyak 29,959 unit rumah mampu milik telah dibina, 23,985 unit sedang dibina manakala 48,392 unit dalam pelbagai peringkat perancangan.

Pada masa yang sama, usaha penyediaan rumah mampu milik juga harus digandingkan dengan kelonggaran syarat pinjaman bank serta skim pembiayaan yang lebih mudah seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya yakin dengan usaha-usaha ini, kita dapat merealisasikan impian rakyat kita untuk memiliki sebuah rumah kediaman yang benar-benar mampu dimiliki.

Sebagai tambahan, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk mewujudkan satu sistem cukai yang dikenakan ke atas penjualan rumah kepada warga asing. Wang cukai yang dikutip ini boleh disalurkan ke satu tabung khas untuk membina rumah mampu milik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan tersebut, banyak insentif turut disasarkan kepada golongan penjawat awam khususnya kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) dan juga beberapa inisiatif lagi bagi menambahkan sektor perkhidmatan awam. Golongan penjawat awam sememangnya merupakan aspek penting Kerajaan Persekutuan di mana merekalah yang akan memastikan polisi dan aspirasi kerajaan dapat direalisasikan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa inilah masa yang sesuai untuk mengkaji tahap keberkesanan sektor penjawat awam kita dan menjalankan program-program perintis bagi memastikan prestasi penjawat awam kita mampu mengharungi cabaran yang bakal menjelang khususnya pada zaman Revolusi Industri 4.0.

Dengan tidak menjejaskan perjawatan yang sedia ada, saya berharap agar kerajaan dapat cuba menerapkan penggunaan teknologi maklumat yang terkini dan juga kaedah pekerjaan seperti mana yang diamalkan oleh sektor swasta untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan juga memperbaharui semangat serta daya saingan penjawat awam. Konsep-konsep seperti kerja dari rumah atau *work at home*, dengan izin, dan masa pekerjaan yang fleksibel juga boleh dipertimbangkan kepada perjawatan yang sesuai. Saya yakin kajian ini dapat meningkatkan lagi prestasi penjawat awam dan meningkatkan lagi komitmen mereka untuk merealisasikan aspirasi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata Belanjawan 2020 ini merupakan harapan kita untuk menggembeng tenaga seluruh kakitangan kerajaan bagi merealisasikan visi kemakmuran bersama yang diterajui oleh Pakatan Harapan. Walaupun negara kita dibebani oleh hutang yang besar akibat penyelewengan dan kleptokrasi yang paling besar dalam sejarah dunia, saya tetap yakin bahawa dengan pengurusan dan perancangan kewangan yang berhemah, kita mampu meyakinkan rakyat dengan prestasi dan pencapaian yang baik untuk memastikan harapan rakyat tercapai.

Saya juga ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan untuk senantiasa berusaha untuk memastikan manifesto-manifesto sepertimana yang terkandung di dalam Buku Harapan dapat ditunaikan seawal mungkin untuk meyakinkan rakyat bahawa Pakatan Harapan adalah pilihan yang tepat di era Malaysia baharu ini. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

4.37 ptg.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sebelum saya mulakan perbahasan saya, sekadar hendak berkongsi sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi cuba hendak menyesuaikan diri saya kerana kehilangan sahabat-sahabat di hadapan itu *[Ketawa]* Saya ternampak Dato' Ong Chong Swen, *I miss* Datuk Haji Megat Zulkarnain depan ini yang selalu...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Tak lama lagi semua kekosongan akan di... *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Yusop: Saya pusing belakang, saya tengok Datuk Mustapa dah tidak ada *[Ketawa]* Barangkali saya hendak mulakan dengan merakamkan penghargaan kepada teman-teman yang telah pergi meninggalkan kita...

Tuan Yang di-Pertua: Habis tempoh Yang Berhormat...

Tuan Ismail bin Yusop: Oleh kerana waktu saya masuk kelmarin, saya banyak belajar daripada mereka. Saya percaya saya boleh berdiri menyesuaikan diri di Dewan yang mulia ini kerana semangat muafakat yang ditunjukkan oleh teman-teman walaupun berbeza ideologi politik. Saya harap bagi kita yang masih tinggal di sini, kita teruskan semangat itu walaupun kita berbeza pandangan, daripada parti yang berbeza tetapi saya fikir *wisdom* kita dengan izin, di Dewan Negara ini perlu melangkaui batas politik kepartian. Sekali sekala kita dengar yang kasar-kasar itu tidak apalah Tuan Yang di-Pertua tetapi jangan selalu sangatlah... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan fokus dua isu sahaja kerana kebanyakan perkara-perkara yang saya ini- telah dibicarakan oleh rakan-rakan. Walaupun telah dibicarakan tetapi saya kira ini mustahak untuk kita ulang di Dewan yang mulia iaitu pertama, tentang kos sara hidup yang ada kaitan dengan jurang pendapatan negara dan pendapatan isi rumah.

Keduanya, isu yang berkait dengan soal pengangguran dan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2019 kini hampir melabuhkan tirainya dengan harapan kehadiran tahun 2020 akan menjadi asas kukuh dan titik tolak dalam melonjakkan Malaysia yang menuju status sebuah negara maju dengan meningkatkan kehidupan sosioekonomi serta kesejahteraan rakyat keseluruhan.

■1640

Wawasan 2020 yang diilhamkan satu ketika dahulu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kebetulan masih lagi menjadi Perdana Menteri sekarang ketika kita hampir menyambut tiba kehadiran tahun yang dinanti-nantikan selama ini.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas kesungguhan dan keberanian membentangkan Belanjawan 2020 sebagai belanjawan yang berhemah oleh kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta pembangunan ekonomi terus pulih dan stabil berikutan dengan kelembapan ekonomi dunia sekarang yang dijangkakan akan berterusan sehingga tahun 2020.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini di sebalik kesungguhan dan keberanian kerajaan untuk berbelanja secara berhemah sebagaimana yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang Belanjawan 2020, timbul permasalahan yang rata-rata menjadi keresahan rakyat yang perlu diberi perhatian segera oleh pihak kerajaan bagi memastikan tahap kehidupan sosioekonomi rakyat terus diberi perhatian secara adil berlandaskan prinsip-prinsip Perlembagaan dalam membina negara bangsa.

Permasalahan pertama yang saya ingin sentuh dalam perbahasan Rang Undang-undang Belanjawan 2020 ini ialah mengenai kos sara hidup dan jurang pendapatan. Dalam usaha kita untuk mencapai status negara maju, faktor kesenjangan antara *Growth National Income*, dengan izin, dan isi pendapatan rumah di kalangan rakyat perlu diambil kira. Kita akui negara sememangnya ada peningkatan dari segi GNI ini. Namun peningkatan pendapatan isi rumah tidak seiring dengan peningkatan yang berlaku dalam *Growth National Income*.

Ini memberi kesan yang besar terhadap kos sara hidup rakyat. Maksudnya isu kemiskinan masih menjadi isu pokok yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Jika dibandingkan isi pendapatan rumah mengikut kaum, dalam Laporan Pendapatan Isi Rumah dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Institut Masa Depan Malaysia (MASA) menunjukkan gaji kaum bumiputera adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain. Bagi saya, sekiranya perkara ini kerajaan tidak tangani dengan segera, saya yakin akan ada pihak-pihak tertentu yang akan menjadikan isu ini sebagai isu perkauman dan akhirnya akan menimbulkan suasana tidak harmoni dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, apakah mekanisme yang diguna pakai oleh pihak kerajaan apabila dalam Belanjawan 2020 ini, pihak kerajaan masih meneruskan dasar

pengurangan subsidi jika dibandingkan jumlah yang pernah diberikan oleh pentadbiran yang terdahulu khususnya kepada para nelayan, pekebun-pekebun kecil termasuklah pengurangan inisiatif Bantuan Sara Hidup dalam usaha-usaha untuk membantu meningkatkan isi pendapatan rumah khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah yang selama ini masih ketinggalan.

Perkara ini perlu diperjelaskan kepada umum. Hal ini bagi saya menimbulkan persoalan apakah faktor kuantiti atau faktor keberkesanan pelaksanaan yang menjadi kayu ukur terhadap kejayaan bagi sesuatu inisiatif, program atau dasar yang diputuskan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai peluang pekerjaan yang merupakan faktor penting dalam meningkatkan ekonomi rakyat. Isu ini saya bangkitkan kerana saya ingin mengaitkan dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ketika sesi jawab lisan sewaktu persidangan Dewan Rakyat apabila beliau memaklumkan lebih 600 ribu kekosongan kerja yang tidak diisi. Walaupun menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Ogos 2019, menunjukkan kadar pengangguran secara keseluruhannya menurun 0.1 peratus. Sebelum ini 3.4 peratus kepada 3.3 peratus.

Namun kadar pengangguran khususnya di kalangan anak-anak muda kita termasuk di kalangan para siswazah masih terus meningkat. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju berteraskan ideologi tinggi, pihak kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja kategori kemahiran rendah, *low-skilled job* dengan meningkatkan keperluan pekerjaan berkemahiran tinggi, *high-skilled* di kalangan rakyat telah mengundangnya berlaku dalam landskap persekitaran organisasi pekerjaan apa yang disebut sebagai *job skill mismatch* akibat daripada latar belakang pendidikan dan kelulusan yang tidak setaraf dengan pekerjaan yang dilakukan.

Ini Tuan Yang di-Pertua telah menyebabkan golongan yang terlibat khususnya di kalangan para siswazah mereka terperangkap dan terus kekal sebagai *middle-income group* dan sekali lagi ini tidak membantu merapatkan pendapatan *household* isi rumah jika dibandingkan dengan peningkatan pendapatan negara.

Justeru itu, saya bersetuju dengan langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam meneruskan usaha mempromosikan peluang pekerjaan seperti menganjurkan program-program kerjaya meliputi karnival dan temu duga terbuka agar persempadanan kemahiran dapat memenuhi kehendak pasaran kerja. Di samping itu saya menyarankan agar pihak

kerajaan perlu lebih banyak mengadakan perbincangan, libat urus serta kajian penyelidikan dalam membendung isi *job skill mismatch* terutamanya di kalangan para siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, keperluan kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah asas dan keperluan dalam sebuah negara maju. Secara peribadi saya mengakui sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Lim sebentar tadi, program TVET pada dasarnya adalah satu program yang baik bagi mencapai maksud melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi. Namun, faktor pemasaran, jalur informasi serta pelaksanaan serta sambutan di kalangan rakyat perlu sentiasa dikaji. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Lim sebentar tadi, persepsi terhadap TVET ini masih negatif khususnya pada pandangan masyarakat umum.

Hal ini saya bangkitkan dalam perbahasan kerana saya dimaklumkan dalam pelaksanaan TVET di institusi pengajian tinggi, rata-ratanya masih menggunakan kurikulum atau silibus yang sedia ada dan hanya digantikan sebagai satu aliran TVET sahaja. Ini menunjukkan tidak ada komitmen dan kesungguhan dalam pelaksanaan TVET ini di institusi pengajian tinggi. Pertemuan saya secara tidak rasmi dengan rakan-rakan pensyarah di institusi pengajian tinggi. Alasan yang diberikan ialah kerana jadual dan aktiviti pelajar dan juga pensyarah yang sedia ada sudah cukup padat. Jadi, akhirnya pelaksanaan TVET ini diadakan secara *superficial* sahaja, dengan izin.

■1650

Oleh kerana itu, saya ingin menyarankan supaya kerajaan terus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan aliran TVET di kalangan masyarakat dan ia mesti bermula dalam sistem pendidikan kita di mana pihak yang terlibat perlu menunjukkan kesungguhan dan iltizam yang tinggi dalam pelaksanaan TVET ini. Saya mencadangkan kepada jawatankuasa TVET serta Menteri Pendidikan untuk menimbangankan jika ada relevan untuk mengeluarkan sijil khas kemahiran bagi setiap graduan sebagai meningkatkan kesedaran kepentingan untuk mempelajari ilmu kemahiran latihan teknikal dan vokasional, malah ia juga boleh menjadi kayu ukur terhadap kemahiran yang dimiliki oleh graduan supaya isu *job skills mismatch* boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu kos sara hidup ini, saya juga ingin menyentuh tentang program IKS. Dalam usaha meningkatkan ekonomi rakyat, IKS memainkan peranan penting-Industri Kecil dan Sederhana memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan isu pendapatan isi rumah bagi individu-individu yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan kecil dan sederhana. Walau bagaimanapun, masih terdapat persepsi yang negatif di mana

sebahagian besar mereka yang terlibat dalam IKS ini mengamalkan konsep *informal economy* di mana pengurusannya masih dibuat secara sambil lewa.

Oleh sebab itu, IKS ini perlu diberi rangsangan serta sokongan yang baik supaya mereka yang terlibat ini juga boleh keluar daripada zon *middle income* serta terus berani menerima IR 4.0 dengan menggunakan *high skill* dan *technology* bagi meningkatkan produktiviti dan perniagaan mereka.

Pendekatan ini saya percaya dapat membantu meningkatkan pendapatan isi rumah, sekali gus dapat membantu merapatkan jurang pendapatan bukan sahaja di kalangan kaum, tetapi juga meningkatkan ekonomi negara secara keseluruhannya. Saya mencadangkan agar Menteri Pembangunan Usahawan untuk lebih fokus terhadap golongan ini khususnya membantu pembangunan usahawan yang melibatkan penduduk FELDA, perkampungan Orang Asli, masyarakat luar bandar serta golongan miskin bandar yang masih terperangkap dengan isi pendapatan yang terhad.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan yang mewakili negeri Perak, saya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Taiping dalam sidang Dewan Rakyat tempoh hari supaya kerajaan menimbangkan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dengan mewujudkan projek-projek kecil yang berimpak besar serta menimbangkan kaedah skim bayaran tertanggung bagi projek-projek yang berskala besar untuk merencanakan lagi ekonomi sektor pembinaan berikutan isu kelembapan ekonomi dan pendekatan perbelanjaan berhemah yang dibuat oleh kerajaan.

Di samping itu, saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini, negeri Perak mempunyai kekayaan hasil sumber bumi dan keunikan warisan serta sejarah yang berpotensi yang dapat membantu bukan sahaja kepada sektor pembinaan, malah merencanakan lagi juga sektor pelancongan dan pembangunan sektor usahawan.

Sebagai contoh di daerah Larut, Matang dan Selama, pelbagai bangunan peninggalan warisan termasuk juga bangunan lama yang boleh diangkat sebagai warisan negara boleh menarik pelancong-pelancong dari dalam atau luar negara. Saya mencadangkan agensi dan kementerian yang terlibat memberikan perhatian dengan usaha mewujudkan dengan izin, *restructured plan* di mana pembaharuan dengan mengekalkan seni bentuk keunikan bangunan tanpa mengganggu perkembangan ekosistem yang sedia ada.

Secara langsung, saya yakin usaha seperti ini dapat membantu masyarakat mencari peluang rezeki serta meningkatkan ekonomi rakyat setempat terutamanya perniagaan yang berasaskan sektor pelancongan, mahupun sektor makanan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Yusop: Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sekiranya pihak kerajaan berjaya melaksanakan tindakan-tindakan strategik dalam usaha membantu meningkatkan isi pendapatan rakyat khususnya golongan B40 dan M40, ia pasti membantu merapatkan jurang antara pendapatan negara agar isu bebanan kos sara hidup ini dapat dikurangkan.

Oleh itu, muafakat kemakmuran bersama atau *shared prosperity* yang dianjurkan oleh kerajaan yang ada sekarang, perlu difahami dan dihayati bersama agar kesejahteraan dan ekonomi rakyat yang berbilang kaum ini dapat terus diberikan keadilan yang saksama berdasarkan prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Perlembagaan.

Di Dewan yang mulia ini, saya menaruh harapan bahawa pihak kerajaan yang sedia ada ini mampu untuk melakukan perubahan serta membela nasib rakyat keseluruhan. Aspirasi rakyat seharusnya sentiasa menjadi agenda dalam perubahan. Usaha-usaha dan cadangan-cadangan perlu diambil kira serta dilaksanakan dan kesungguhan serta iltizam yang tinggi agar matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju akan tercapai. Saya doakan agar agenda perubahan ini akan mengembalikan kegemilangan negara dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Puan Lim Hui Ying: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sebentar? Ini sebab ada pembetulan tentang kos tadi yang Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris tanya. Saya telah buat sedikit kesilapan, yang RM75 ribu adalah kos sederhana rendah. Kos rendah adalah RM42 ribu. Saya ingin buat penjelasan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

4.57 ptg.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Saya akan menyentuh secara ringkas tentang beberapa perkara dalam belanjawan ini yang saya rasa boleh ditambah baik oleh pihak kerajaan selaras dengan janji-janji yang ditabur oleh Pakatan Harapan untuk mendapat kepercayaan rakyat pada PRU14 lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama adalah berhubung dengan peruntukan dan hala tuju pembangunan masyarakat India. Sebagai seorang warganegara yang berbangsa India, saya rasa Belanjawan 2020 tidak langsung mencerminkan komitmen kerajaan dalam

membangunkan masyarakat India seperti mana yang mereka telah janji sebelum ini. Sebagai contoh, dalam pengumuman Bajet 2020 baru-baru ini, kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM20 juta untuk masyarakat India di bawah skim TEKUN.

Jumlah ini juga amatlah rendah nilainya jika dibandingkan dengan jumlah yang telah diperuntukkan bagi tujuan yang sama oleh kerajaan terdahulu. Misalnya dalam Belanjawan 2017 dan juga Belanjawan 2018, kerajaan terdahulu telah memperuntukkan kira-kira RM50 juta setiap tahun untuk program dan pembangunan usahawan dari masyarakat India melalui TEKUN sahaja. Dalam keadaan peruntukan TEKUN dikurangkan, kerajaan juga tidak mengumumkan sebarang peruntukan untuk tujuan pembangunan usahawan India melalui program Amanah Ikhtiar Malaysia untuk dua tahun berturut-turut walaupun agensi ini telah menerima peruntukan bernilai RM150 juta dalam Belanjawan 2017 dan RM200 juta dalam Belanjawan 2018 dari kerajaan terdahulu bagi tujuan yang sama.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri yang bertanggungjawab dalam soal ini mempunyai penjelasan yang sewajarnya tentang perkara ini memandangkan kedua-dua perkara ini jelas menunjukkan satu kekeliruan dalam kerajaan seolah-olah kerajaan tidak mengambil berat langsung tentang pembangunan usahawan masyarakat India. Perkembangan begini amatlah membimbangkan kerana kegagalan untuk memberi bantuan pembangunan usahawan yang sewajarnya akan menjejaskan masa hadapan masyarakat India sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua berhubungan dengan masyarakat India yang saya ingin sentuh dalam perbahasan ini adalah pendidikan. Sebagai contoh, saya petik jawapan Timbalan Menteri Pendidikan sendiri di bawah Dewan yang mulia ini berhubung dengan kadar kemasukan pelajar-pelajar lepasan SPM dari masyarakat India ke program matrikulasi yang terletak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini penting kerana penempatan dalam program matrikulasi ini boleh juga diambil kira sebagai jaminan untuk seorang pelajar meneruskan pengajian tinggi di universiti awam dan mendapat peluang kerja di sektor awam.

Kerajaan terdahulu melalui Pelan Tindakan masyarakat India, *Malaysian Indian Blueprint* telah menetapkan bahawa bermula tahun 2018, sebanyak 2,200 pelajar lepasan SPM dari masyarakat India akan menerima masuk ke program tersebut. Jumlah ini...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit. Ini bila Yang Berhormat bercerita mengenai *blueprint* masyarakat

India, itu kerajaan lama. Kerajaan baharu, kita ada iltizam khusus untuk masyarakat India. Jadi, saya cadangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Dia bezakan, Yang Berhormat. Dia bezakan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tidak apa, tidak apa. Nanti saya cadangkan lebih baik Yang Berhormat menuntut daripada kerajaan baharu mengenai iltizam untuk masyarakat India.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Yang mana, yang baharu?

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Oleh kerajaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua: Helo, ini bukan tempat perbincanganlah.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Saya belum habis ini.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tidak. Saya cadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tumpu pada saya.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: *[Ketawa]* Okey, Tuan Yang di-Pertua. *Sorry, sorry.*

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Yang Berhormat, selepas saya cakap, nanti *you* boleh faham.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Saya cadangkan dekat dia. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, duduk Yang Berhormat.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Okey, jumlah ini menambahkan kira-kira 10 peratus dari jumlah penempatan yang wujud. Saya masih ingat ramai pemimpin Pakatan Harapan pada ketika itu mengutuk dan mengkritik pengumuman tersebut kerana mereka rasa jumlah tersebut tidak mencukupi.

Namun begitu, keadaan menjadi semakin buruk setelah hampir dua tahun pemerintahan Pakatan Harapan. Menurut Timbalan Menteri Pendidikan pada 22 Julai 2019, untuk tahun 2018, hanya sebanyak 1,804 pelajar kaum India telah menerima masuk ke program tersebut, manakala untuk tahun 2019 pula, hanya sebanyak 1,212 pelajar kaum India telah menerima masuk. Jelas bahawa jumlah ini jauh lebih rendah daripada yang pernah dikritik oleh para pemimpin Pakatan Harapan sendiri sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, dana pembangunan sosioekonomi masyarakat India yang di mana disalurkan melalui *Malaysian Indian Transformation Agency* (MITRA) turut kekal

sama pada jumlah RM100 juta seperti yang telah diberi oleh kerajaan terdahulu melalui *Socio-Economic Development of the Indian Community Unit* yang lebih dikenali sebagai SEDIC.

Sedangkan Menteri Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui satu kenyataan pada 20 Ogos 2018 menyatakan bahawa kerajaan akan menyediakan satu dana pembangunan khas bernilai RM4 bilion untuk tujuan pembangunan masyarakat India bagi 10 tahun akan datang. Kalau ikutkan kiraan ini, secara purata setiap tahun kerajaan patut memberi RM400 juta. Akan tetapi, setakat ini, baru RM100 juta setiap tahun yang telah disalurkan. Mana pergi RM300 juta ini, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Apakah pendapat Yang Berhormat Senator berkaitan dengan RM4 bilion yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan kepada MITRA untuk sepanjang masa 10 tahun? Jadi, setakat ini yang kita dapat hanya RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua: RM4 juta atau RM4 bilion?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Jumlah RM4 juta?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Ya RM4 bilion. RM400 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Purata, purata.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Ya? Apakah janji...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini RM400 juta atau RM4 bilion?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Jumlah RM4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua: Habis RM400 juta itu apa?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] *Confuse* yang juta-juta ini.

Jadi, RM4 bilion ini yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk masyarakat India. Jadi, janji ini, saya rasa- apakah pendapat daripada Yang Berhormat Senator janji yang dijanjikan oleh pihak HINDRAF yang diketuai oleh Yang Berhormat Waytha Moorthy dulu yang janji untuk membawa pampasan daripada orang-orang di luar negara untuk kaum India? Bagi komen Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Pampasan, Yang Berhormat? Saya pun tidak faham macam mana dia hendak jawab. Pampasan apa?

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Semasa Yang Berhormat Menteri kita sebelum menjadi Menteri, Yang Berhormat Waytha Moorthy telah janji kepada masyarakat India membawa pampasan kepada masyarakat India sebagai warganegara di sini untuk kaum India. Janji yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Waytha Moorthy semasa dia menjadi Pengerusi HINDRAF semasa tahun 2006.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Oh, okey, okey. Saya faham. Sebab itulah, Yang Berhormat Senator, saya sentiasa sentuh hal ini. Sebab, kita ada satu *experience* di mana Yang Berhormat Waytha Moorthy ini pernah janji kepada masyarakat umumnya mengatakan bahawa sekiranya kamu semua kumpul dan protes di Kuala Lumpur pada tahun 2007, tidak silap saya bulan November, dia kata kalau *you all* datang berkumpul, kita akan *sue* mahkamah British dan dapatkan pampasan.

Jadi, saya tidak mahulah- satu lagi dia tipu, kan? Sebab itu saya sentiasa bila ada sidang, saya selalu tanya soalan ini. Saya tidak mahu dia tipu lagi. Itulah soalan saya sentiasa tanya, bincang mengenai masalah ini. Saya bertanya tentang semua ini kerana bantuan-bantuan ini memang sangat diperlukan oleh masyarakat India.

Saya harap Menteri Dalam Negeri boleh nyatakan sekali lagi tentang status pemberian kewarganegaraan kepada 300 ribu orang India setelah hampir dua tahun Pakatan Harapan memerintah memandangkan itu juga salah satu janji 100 hari pertama kerajaan kepada rakyat. Memandangkan Kerajaan Pakatan Harapan telah memerintah selama hampir dua tahun, saya ingin meminta penjelasan, berapakah kes pemberian kewarganegaraan telah diselesaikan daripada jumlah 300 ribu ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merekodkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa walaupun sebelum ini para pemimpin Pakatan Harapan sering kali menuduh kononnya kerajaan terdahulu menganaktirikan masyarakat India, hari ini terbukti bahawa kezaliman ini sebenarnya berlaku di bawah pentadbiran Pakatan Harapan dan bukannya di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan oleh kerajaan baru ini. Saya tengok pelancaran dasar ini dibuat secara cukup besar-besaran. Saya ada beberapa contoh yang saya boleh kaitkan dengan perkara ini sebenarnya.

Pertama, kita ambil kejadian di Pulau Pinang. Sebagai contoh, Kerajaan Pulau Pinang di bawah pemerintahan Pakatan Harapan telah mencadangkan untuk melaksanakan projek *Penang South Reclamation* yang mana Menteri Pertanian sendiri telah mengakui di Dewan

Rakyat bahawa projek tersebut akan menjejaskan periuk nasi kira-kira 5,000 nelayan daripada kawasan perairan utara negara.

Saya sangka dengan adanya dasar ini, mungkin Kerajaan Persekutuan yang juga di bawah Pakatan Harapan akan membatalkan projek tersebut. Akan tetapi, yang terjadi pula adalah sebaliknya walaupun periuk nasi hampir 5,000 nelayan yang menyumbangkan kira-kira RM1.8 bilion kepada ekonomi negara setiap tahun bakal terjejas. Saya difahamkan kedua-dua kerajaan di peringkat negeri mahupun pusat masih mencadangkan untuk meneruskan projek ini walaupun menerima tentangan yang begitu kuat dari kumpulan-kumpulan pemegang taruh seperti para nelayan dan juga penduduk setempat di Pulau Pinang. Persoalan saya adalah, adakah projek ini akan diteruskan?

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi contoh antaranya adalah pengumuman melalui Belanjawan 2020 yang telah mengurangkan nilai ambang bagi pemilik kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar oleh orang asing dari satu juta seperti yang ditetapkan oleh kerajaan terdahulu kepada hanya 600 ribu di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Saya berasa cukup hairan dengan pengumuman ini. Ini kerana di luar sana terdapat jutawan rakyat dari pelbagai latar belakang khususnya orang muda yang masih bergelut mencari peluang untuk membeli rumah mampu milik. Ini kerana tindakan para pemaju yang lebih suka membina rumah mewah.

Akan tetapi pihak kerajaan yang sepatutnya menggubal dasar untuk membantu rakyat pula mengumumkan dasar-dasar yang jelas merupakan dasar membantu pemaju. Menurut Laporan Pasaran Harta Tanah 2018 yang dikeluarkan, pusat maklumat harta tanah negara menunjukkan rumah tidak terjual meningkat sebanyak 30.6 peratus kepada sebanyak 32,313 pada tahun 2018 berbanding dengan sebanyak 24,738 pada tahun yang sebelumnya. Bank Negara juga mendapati kebanyakan rumah yang tidak terjual adalah berharga RM250 ribu dan ke atas. Kerajaan sepatutnya memikirkan langkah-langkah untuk membantu rakyat terutamanya golongan muda mampu milik rumah pertama mereka.

Apakah cadangan baru yang dirangka oleh kerajaan untuk membantu golongan ini. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional terdahulu telah terbukti membela golongan ini memiliki rumah melalui pelbagai insentif seperti Skim MyDeposit, Skim Rumah Pertamaku, pinjaman *100 percent* untuk pembelian rumah pertama, projek-projek rumah mampu milik seperti PR1MA, RUMAWIP dan banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada satu, dua tindakan yang boleh dikatakan sebagai langkah yang nampak lebih jelas untuk membantu proses pengagihan kekayaan negara secara lebih adil.

Contohnya, kerajaan melalui belanjawan ini telah mencadangkan untuk menaikkan cukai pendapatan bernilai 3.0 peratus terhadap golongan yang mempunyai pendapatan RM2 juta dan ke atas setahun. Akan tetapi, itu bukan bermakna mereka adil memampukan saksama seperti mana dibawa oleh individu atau kumpulan-kumpulan tertentu. Sebab apa saya mengatakan sedemikian, sebab adalah walaupun input atau cukai ke atas golongan kemampuan dipertingkatkan *output* iaitu bantuan untuk golongan yang kurang kemampuan masih kekal sama. Malangnya dalam kes-kes tertentu menjadi lebih buruk dari apa yang sudah ditetapkan oleh kerajaan terdahulu.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, jumlah nilai Bantuan Sara Hidup (BSH) yang diumumkan oleh kerajaan masih rendah jika dibandingkan dengan jumlah nilai yang telah diberi oleh kerajaan terdahulu melalui program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Program bantuan siswa atau baucar buku untuk anak-anak kita yang meneruskan pengajian tinggi di peringkat tinggi masih lagi kelihatan dalam Belanjawan 2020 walaupun Menteri pun sendiri melalui satu kenyataan bertarikh 4 Mac 2019 telah berjanji untuk mengembalikan dalam Belanjawan 2020. Saya pun hairan bagaimana perkara tersebut tidak wujud sedangkan Menteri sendiri yang janji. Adakah janji ini akan menjadi realiti?

Jangan kata kerajaan tidak ada sumber wang kewangan untuk membantu rakyat selaras dengan apa yang kamu sendiri janjikan. Jikalau kerajaan boleh pula menghabiskan jutaan ringgit untuk projek-projek yang tidak memberi sebarang manfaat kepada rakyat seperti projek kereta terbang yang akhirnya menjadi satu bahan jenaka bukan sahaja dalam negara malah pun di luar negara.

Saya hendak tanya, adakah kerajaan serius dalam projek ini? Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang pengurusan ekonomi negara. Saya sebenarnya amat terkejut baru-baru ini setelah saya membaca satu artikel yang ditulis oleh seorang pensyarah Program Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Melalui artikel tersebut beliau telah membuktikan fakta-fakta berkaitan tentang penjualan kira-kira RM20 bilion aset negara dalam tempoh 40 hari pemerintahan Pakatan Harapan. Sebenarnya berapakah nilai aset negara yang telah dijual oleh kerajaan selepas mengambil alih pemerintahan sehingga kini. Selain itu, nilai tukaran Ringgit Malaysia pun semakin hari semakin teruk sedangkannya saya ingat lagi sebelum berkuasa ada kalangan pemimpin Pakatan Harapan yang dengan bangganya menyatakan kalau Najib turun, Ringgit naik. Ini biasa mereka cakap, namun sudah hampir dua tahun Najib turun Ringgit Malaysia masih tidak naik-naik lagi, lagi turun.

Apakah pelan kerajaan untuk memajukan ekonomi negara, sama ada kerajaan terdahulu atau sekarang banyak geran dan bantuan sering diberikan kepada golongan petani dan golongan lain-lain yang memerlukan. Akan tetapi adakah kerajaan mengambil tahu kadar kejayaan bantuan-bantuan ini dan implikasi kepada kemajuan ekonomi negara?

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon Menteri Kerja Raya untuk terus memberi perhatian yang lebih serius terhadap usaha-usaha menambah baik taraf jalan raya. Ia adalah amat penting untuk kerajaan terus memantau dan menambah baik taraf jalan raya sedia ada khususnya yang lama seperti lebuh raya persekutuan yang semakin hari semakin teruk demi memastikan bukan sahaja imej negara, malang juga untuk memastikan keselamatan pengguna. Selain itu, adakah mekanisme baru kerajaan untuk memantau atau memastikan setiap jalan baharu dan juga jalan-jalan yang di naik taraf sentiasa memenuhi standard dan kriteria supaya sentiasa berada pada tahap kualiti yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang agenda reformasi yang telah dijanjikan oleh kerajaan. Seperti mana yang kita tahu, baru ini ada beberapa individu termasuk para pemimpin dari salah satu parti komponen dalam parti pemerintah yang didakwa dalam Akta Keselamatan Langkah-langkah Khas 2012 ataupun SOSMA atas tuduhan menyokong LTTE.

Saya memang menghormati proses perundangan tetapi saya juga rasa perkara ini tidak wajar berlaku kerana kerajaan juga yang telah berjanji sebelum ini bahawa undang-undang tersebut akan dihapuskan atau- didakwakan kononnya undang-undang tersebut melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia. Dalam keadaan ini adakah wajar untuk kerajaan terus menggunakan undang-undang ini. Ini kerana ianya hanya mencerminkan ketidaktentuan dalam dasar dan pendirian kerajaan sendiri.

Sebagai salah seorang Ahli Dewan yang mulia ini saya bertanggungjawab untuk memastikan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sentiasa memberi manfaat kepada kebanyakan rakyat yang sentiasa memberi keutamaan untuk membina negara ini. Atas kesedaran ini suka saya mengingatkan kepada pihak kerajaan agar tolonglah mula menjadi sebuah kerajaan yang ikhlas mewakili rakyat. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pandangan dan cadangan saya dapat diberi tumpuan dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1720

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Sepuluh minit. Saya sudah tahu sudah, mesti tidak boleh.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Saya dapat 10 minit hari ini. Hari esok saya lagi sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini. Ya, ya [*Ketawa*]

5.21 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Pertama sekali, saya hendak ucap tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya tidak mahu menyentuh tentang berapa bajet dia dapat dan kurang tetapi saya hendak tumpukan kepada aktiviti yang telah dijalankan dan apa aktiviti yang patut pada pandangan saya mewakili masyarakat Siam yang patut kementerian lakukan demi membantu golongan minoriti ini.

Terima kasih kepada kementerian kerana telah bersetuju menganjurkan bersama dengan Persatuan Siam Malaysia satu dipanggil Konvensyen Usahawan Siam di Alor Setar tempoh hari. Pada 24 Ogos tahun ini dan seramai 485 orang usahawan dan bakal usahawan masyarakat Siam telah hadir dan mereka ini telah bersungguh-sungguh menunjukkan minat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan saya berharap kementerian bersama dengan agensinya iaitu TEKUN dapat terus membantu menyerap mereka ini dalam semua program-program yang telah dilakukan oleh kementerian dan agensinya untuk memajukan mereka dalam bidang keusahawanan setanding dengan rakyat Malaysia yang lain.

Jadi contohnya macam modal-modal pusingan, modal kerja yang diperlukan oleh usahawan ini untuk memulakan perniagaan ataupun mengembangkan perniagaan mereka dalam bidang pertanian, dalam bidang perkhidmatan, dalam bidang jualan langsung dan sebagainya. Diharap dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya dan sekiranya boleh disediakan, diasingkan ataupun diketepikan satu jumlah bantuan yang boleh dikhaskan untuk masyarakat Siam ini.

Jadi dengan adanya bantuan pengasingan bantuan ini, kita dapat menilai setakat manakah, dengan izin, *up take* bantuan oleh usahawan-usahawan Siam. Sekiranya mereka

tidak tampil untuk mengambil peluang yang diberikan, kita boleh fikirkan apakah puncanya dan apakah tindakan yang patut kita lakukan untuk membantu mereka.

Begitu juga agensi lain yang berkaitan contohnya MARA ataupun Bank Simpanan Nasional, mereka juga ada bantuan-bantuan ataupun insentif yang diberikan kepada usahawan ini. Jadi harap usahawan ini, saya menyeru pada usahawan Siam untuk tampil menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi ini dan dalam masa yang sama agensi-agensi ini perlulah memberi pertimbangan sewajarnya untuk membantu mereka.

Kedua, saya hendak menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Kita tahu bahawa dalam perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian, ada banyak pusat-pusat latihan kemahiran dan pelbagai kursus kemahiran yang telah disediakan. Saya sendiri pun membantu kementerian untuk menguar-uarkan kursus-kursus yang disediakan kepada anak-anak muda masyarakat Siam. Akan tetapi, malangnya penerimaan itu masih lagi tidak mencapai tahap yang kita hasratkan.

Jadi, saya pun perlu dan menyeru kepada kementerian agar meningkatkan usaha untuk menarik minat anak-anak muda masyarakat Siam yang cenderung, yang tidak cenderung ke arah akademik untuk tampil dan mengikuti kursus-kursus kemahiran yang disediakan oleh kementerian.

Jadi, saya harap kementerian tidak hanya menguar-uarkan melalui berita, melalui *Facebook* dan sebagainya. Cubalah aturkan perjumpaan dengan ketua masyarakat setempat agar dapat ber-*interact* secara langsung dengan wakil ini dan juga dengan bakal-bakal pelatih nanti. Seterusnya, saya hendak menyentuh beberapa kementerian. Ini tajuknya tajuk plastik. Saya rasa ada berapa rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang menyentuh tentang ini. Akan tetapi, saya hendak sentuh sebab saya ada buat soalan tambahan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tentang plastik yang digunakan oleh industri ataupun sektor jualan e-dagang.

Saya rasa penggunaan plastik ini bukan setakat melibatkan kementerian saja, tetapi kementerian lain seperti KPKT, malah MITI yang di mana penggunaan plastik oleh industri-industri besar yang mengeluarkan produk dan sebagainya. Saya rasa perlu ada satu penyelarasan yang jelas oleh kementerian contohnya Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memastikan bahawa semua kementerian turut mengambil bahagian dan menyumbang ke arah memastikan penggunaan plastik ini dikurangkan.

Jadi, jawapan yang diberikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri itu seolah macam kementerian KPDM tidak terlibat ataupun tidak dilibatkan dalam usaha untuk

mengurangkan penggunaan plastik. Ini kerana jawapan diberikan bahawa penggunaan plastik oleh sektor e-dagang terpulang pada industri hendak guna macam mana.

Saya rasa itu tidak seharusnya berlaku. Kita wajar untuk setiap kementerian berusaha bersama-sama ke arah pengurangan, mengurangkan penggunaan plastik kerana dalam sektor e-dagang data cukup ada. Hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sebut berapa transaksi diguna atau dibuat, berapa dan dari situlah kita akan tahu berapa *packaging* ataupun bungkusan dihantar. Daripada satu bungkusan itu berapa jumlah plastik yang digunakan dan kita boleh agak berapa banyak plastik yang digunakan oleh sektor ini untuk meneruskan *business*-nya. Jadi, saya harap kementerian MESTECC dapat mengambil inisiatif memastikan bahawa semua kementerian mengambil bahagian dalam usaha mengurangkan plastik ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah Kementerian Luar Bandar. Tadi, Yang Berhormat Dato' Isa sebut tentang jalan-jalan di Kampung Orang Asli dan sebagainya. Saya juga hendak bangkitkan tentang infrastruktur di kawasan-kawasan penempatan orang-orang Siam.

Saya tidak ada kompelin yang sama dengan Yang Berhormat Dato' Isa. Cuma, saya hendak minta kementerian dan agensi di bawah kementerian dalam melaksanakan program-program dan juga bantuan-bantuan ataupun penyediaan infrastruktur kepada masyarakat setempat, buatlah sebaik mungkin. Pastikanlah apabila kita buat jalan itu kalau boleh dan patut boleh longkang-longkangnya perlu ada. Ini kerana saya kluatir dan kita dapati bahawa sudah ada kes-kes di mana jalan yang dibuat, longkang tidak dibuat. Lepas siap jalan, turun hujan, jalan pun hanyut sebab longkang tidak ada.

Jadi bila dalam rekod kampung ini telah dapat jalan sekian, sekian kilometer dan bila dihanyutkan beberapa bulan kemudian, sudah tidak ada sudah bantuan. Sebab apa, sudah dapat. Tunggu setahun, dua tahun lagi. Jadi sementara menunggu itu, jalan tidak ada.

Jadi saya harap dalam melaksanakan tugas-tugas ini, berilah perhatian sewajarnya, berilah yang terbaik kepada rakyat supaya apa yang dilakukan itu bernilai kepada rakyat. Kalau tidak nanti orang kata, pahala dibuat, dosa yang dapat. Kita buat terbaik tapi *still* orang, masih orang kutuk katakan tidak buat. Sebabnya- sebab kita tidak buat dengan betul-betul, hasilnya tidak ada, duit telah di belanja. Saya harap semua ini dapat dilaksanakan dengan terbaik kerana semua penjawat awam di bawah setiap kementerian telah diberi tugas untuk melaksanakan terbaik untuk rakyat.

Kementerian Luar Bandar juga bukan saja melibatkan jalan, tetapi saya harap kementerian dapat mempertimbangkan, menyediakan peruntukan untuk menyediakan

kemudahan asas yang lain di kampung-kampung masyarakat Siam. Contohnya macam Dewan Orang Ramai. Ini kerana apabila berlaku ada kenduri dan sebagainya, mereka memerlukan tempat yang sesuai untuk mengadakan kenduri. Jadi, perkampungan orang-orang Siam ini dia agak tidak terpencil tetapi tidak ada kemudahan yang sesuai untuk tujuan ini.

Jadi, saya harap apabila ada peruntukan dan sekiranya boleh dan seharusnya boleh pihak kementerian sendiri, ada agensi di KPLB di luar bandar dan sebagainya buatlah *survey*, buatlah carian maklumat dengan penduduk setempat apakah perkara yang diperlukan oleh mereka supaya dalam bajet dalam tahun ke hadapan nanti atau tahun seterusnya, boleh dimasukkan dan memohon untuk mereka dapat kemudahan tersebut. Tidak perlulah sampai orang kampung menjerit-jerit dalam keadaan kasar, sampai menyumpah-nyumpah baharu kita hendak berikan bantuan.

Saya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa sudah sampai untuk saya, saya mohon menyambung pagi esok? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini untuk Yang Berhormat Aknan ini, hari Sabtu hari terakhir. So, kita bagi dia masa lebih sikitlah esok... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah pukul 5.30 petang, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 12 Disember 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]